

A Guide to Missionary Service

---

# Preach My Gospel

(D&C 50:14)

**CHAPTER 3 ONLY**

MALAY

**For Non-Muslim  
For Church use only  
Not for sale**

Mengkhutbahkan Injil-Ku (A&P 50:14)  
Diterbit oleh Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir  
Salt Lake City, Utah

Kulit depan: *John the Baptist Baptizing Jesus* © 1988 oleh Greg K. Olsen  
Disediakan oleh Mill Pond Press dan Dr. Gerry Hooper. Jangan buat salinan.  
Hak Cipta

© 2011 oleh Intellectual Reserve, Inc.  
Hak Cipta Terpelihara  
Dicetak di USA.

English approval: 1/05  
Kelulusan Bahasa Malaysia: 11/10.  
Translation of *Preach My Gospel Chapter 3*  
Bahasa Malaysia  
36617 348



# Apa Yang Saya Belajar dan Ajarkan?

Nota-Nota

**P**elajaran-pelajaran di dalam bab ini mengandung ajaran-ajaran, asas-asas, dan perintah-perintah yang penting dan sesuai untuk anda belajar, percaya, sayang, jalankan, dan mengajar. Ini merupakan apa yang para nabi dan rasul yang hidup telah mengarahkan anda mengajar. Ia telah diatur supaya anda dapat membantu orang lain memahami ajaran-ajaran Kristus dengan jelas.

Pelajaran-pelajaran di dalam bab ini adalah:

- Pesanan Pemulihan Injil Yesus Kristus
- Rancangan Penyelamatan
- Injil Yesus Kristus
- Perintah-perintah
- Hukum-hukum dan Tatacara-tatacara

Mengajarkan keempat pelajaran pertama sebelum pembaptisan. Pastikan supaya mereka yang anda ajar layak bagi pembaptisan dan penetapan dengan mengikat serta menepati semua komitmen-komitmen di dalam pelajaran ini.

Para mubaligh sepenuh masa memimpin dalam pengajaran pelajaran-pelajaran sebelum pembaptisan dengan pertolongan dari mubaligh bahagian dan ahli-ahli lain. Setelah pembaptisan, ahli-ahli baru diajar keempat pelajaran pertama sekali lagi, dan juga "Hukum-hukum dan Tatacara-tatacara." Pemimpin bahagian memutuskan sama ada mubaligh bahagian atau mubaligh sepenuh masa bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pelajaran-pelajaran ini diajar dan berapa lama mubaligh sepenuh masa terbabit. Galakkan setiap ahli baru untuk menepati semua komitmen di dalam pelajaran-pelajaran ini.

Anda hendaknya juga menggunakan pelajaran-pelajaran ini di dalam belajar peribadi dan kerakanan, dalam pertemuan daerah, dan di dalam keadaan latihan yang lain. Ketika anda mengkaji kitab-kitab suci dan simpan baik-baik dalam fikiranmu ajaran-ajaran dalam pelajaran-pelajaran ini, Roh Tuhan akan memberi kepadamu pada waktu yang tepat apa yang anda hendaknya ucapkan dan melakukan untuk membantu orang lain menerima kesaksian akan kebenaran ajaran-ajaran ini.

The Sermon on the Mount, oleh Carl Bloch. Lukisan asli pada gereja di Fredriksberg Castle, Denmark. Diguna dengan keizinan dari Muzium Fredriksberg, jangan buat salinan.

Sebagai mubaligh, anda mempunyai suatu tanggungjawab yang sangat besar untuk mengajar dari hati dan menurut Roh Tuhan. Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul telah mengatakan: “Tujuan kita adalah mengajarkan pesan-pesan injil yang dipulihkan dengan cara membenarkan Roh Tuhan memimpin para mubaligh mahupun mereka yang sedang diajar. Adalah penting untuk mempelajari konsep [pelajaran-pelajaran] tersebut, tetapi ini tidak sepatutnya diajar melalui pembentangan yang dihafal. Para mubaligh hendaknya merasa bebas untuk menggunakan kata-katanya sendiri sebagaimana yang didorong oleh Roh Tuhan. Dia hendaknya tidak memberikan pelafazan yang dihafal, tetapi bercakap dari hati menurut kata-katanya sendiri. Dia boleh menyimpang dari susunan pelajaran-pelajaran tersebut, memberikan apa yang dia diilhamkan untuk melakukan, menurut minat dan keperluan penyelidikan. Dengan berucap dari keyakinannya sendiri dan di dalam kata-katanya sendiri dia harus bersaksi akan kebenaran pengajarannya” (*“Statement on Missionary Work,”* First Presidency letter, 11 Dec. 2002). Ketika anda serta rakan anda meneliti pelajaran-pelajaran ini dan bersedia untuk mengajar, simpanlah dengan teguh arahan ini di dalam fikiran. Pastikan supaya anda mengajar kesemua ajaran-ajaran dalam pelajaran-pelajaran ini.

Melainkan diarah oleh Roh Kudus, untuk setiap dari ketiga pelajaran pertama, anda hendaknya memberikan isi penuh kandungannya dalam susunan di mana mereka telah dituliskan. Beberapa daripada perintah-perintah tersebut juga boleh dimasukkan sebagaimana sesuai atau diajar sebagai pelajaran masing-masing.

Setiap pelajaran memberi garis kasar untuk soalan-soalan temu duga pembaptisan, komitmen-komitmen, dan ajaran-ajaran yang akan anda ajarkan. Pelajarilah ajaran-ajarannya dengan sungguh-sungguh. Berfokus dengan konsisten untuk menolong mereka yang anda ajar untuk membuat dan menepati komitmen-komitmen tersebut. Gunakanlah soalan-soalan temu duga pembaptisan untuk menyediakan mereka yang anda ajar bagi pembaptisan dan penetapan. Pelajaran-pelajaran ini juga mempunyai idea-idea untuk mengajar. Gunakanlah cadangan-cadangan ini untuk memperkuatkan cara anda bersedia serta mengajar.

### Peranan Penghafalan

Menghafal ayat-ayat suci untuk gunakan dalam pengajaran anda. Menghafal urutan poin-poin ajaran dalam setiap pelajaran-pelajaran mubaligh. Mubaligh-mubaligh yang belajar bahasa lain hendaknya memfokuskan belajar bahasa mereka untuk bersedia mengajar pelajaran-pelajaran mubaligh. Mereka sepatutnya menghafal kosa kata, frasa-frasa, pola-pola ayat, dan ungkapan ajaran yang singkat seperti yang ada di dalam pelajaran, tetapi hanya setelah ia telah menjadi bermakna kepada dan difahamkan oleh anda secara peribadi. Jangan menghafal keseluruhan pelajaran-pelajaran.

### Mengajar dengan Kejelasan

Di hujung ketiga pelajaran pertama terdapat daftar perkataan yang mungkin tidak dikenali oleh mereka yang anda ajar. Belajar bagaimana mendefinisikan perkataan ini secara mudah untuk difahami. Ketika anda mengajar, lakukan sebanyak yang anda boleh untuk membuat pesanan ini mudah difahami.

### Kajian Tulisan Suci

#### Apakah yang anda diarahkan untuk mengajar?

Mosia 18:18–20

A&P 43:15–16

A&P 52:9

#### Kenapa anda mesti mengkaji ajaran-ajaran di dalam pelajaran-pelajaran tersebut?

Alma 17:2–3

A&P 85:85

# Pesanan Pemulihan Injil Yesus Kristus

Nota-Nota



© 1891 Greg K. Olsen. Do not copy.

## Tujuan Anda

Apabila anda mengajar, mempersiapkan penyelidik anda supaya memenuhi syarat-syarat bagi pembaptisan sebagaimana diajarkan dalam Ajaran dan Perjanjian 20:37 serta dalam soalan-soalan temu duga pembaptisan. Ini paling tercapai apabila anda menjemput penyelidik untuk mengikat serta menepati komitmen-komitmen yang tercatat di bawah ini.

### Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan

- Adakah kamu percaya bahawa Tuhan ialah Bapa kita yang Abadi?
- Adakah kamu percaya bahawa Yesus Kristus adalah Putera Tuhan, Penebus dan Juruselamat Dunia?
- Adakah kamu percaya bahawa Gereja serta injil Yesus Kristus telah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith?
- Adakah kamu percaya bahawa [Presiden Gereja Semasa] ialah seorang nabi Tuhan? Apakah makna ini bagi kamu?

### Komitmen-Komitmen

- Adakah kamu akan membaca dan berdoa untuk mengetahui bahawa Kitab Mormon merupakan firman Tuhan?
- Adakah kamu akan berdoa untuk mengetahui bahawa Joseph Smith adalah seorang nabi?
- Adakah kamu akan hadir gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah lain dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

## Tuhan ialah Bapa Syurgawi Kita yang Penyayang

Tuhan ialah Bapa Syurgawi kita. Kita ialah anak-anak-Nya. Dia mempunyai tubuh yang berdaging dan bertulang yang dimuliakan serta disempurnakan. Dia mengasihi kita. Dia menangis dengan kita ketika kita menderita dan bersukacita dengan kita ketika kita berbuat apa yang benar. Dia ingin berkomunikasi dengan kita, dan kita boleh berkomunikasi dengan Dia melalui doa yang ikhlas.

## Nota-Nota

Dia telah memberikan kita pengalaman ini di bumi supaya kita dapat belajar dan bertumbuh. Kita menunjukkan kasih kita bagi Dia melalui pilihan kita dan kepatuhan kita pada perintah-perintah-Nya.

Bapa Syurgawi telah menyediakan kita, anak-anak-Nya, dengan suatu cara untuk berjaya dalam kehidupan ini serta kembali untuk hidup dalam hadirat-Nya. Akan tetapi, kita mesti menjadi murni dan bersih melalui kepatuhan untuk berbuat yang demikian. Ketidakpatuhan menjauhkan kita dari-Nya. Korban Tebusan Yesus Kristus adalah pokok di dalam rancangan Bapa kita. Korban Tebusan termasuk penderitaan-Nya di Taman Getsemani serta penderitaan dan kematian-Nya di atas salib. Melalui Korban Tebusan, kita dapat dibebaskan dari beban dosa kita serta mengembangkan iman dan kekuatan untuk menghadapi dugaan-dugaan kita.

### Kepercayaan berkenaan Tuhan

Memutuskan apa yang setiap orang yang anda ajarkan memahami mengenai kepercayaan Kristian berkenaan Tuhan. Ramai orang di dalam dunia kini tidak ada pemahaman asas berkenaan Tuhan atau ada anggapan yang sangat berbeza mengenai ketuhanan.

Dua orang mubaligh dari Kitab Mormon, Amon dan Harun, mengajarkan orang-orang yang tidak mempunyai latar belakang Kristian. Mereka mengajar kebenaran yang mudah difahami dan mengundang penyelidik mereka untuk berdoa. Lamoni serta ayahnya dipertaubatkan. Bacalah Alma 18:24–40 dan 22:4–23, dan jawab soalan-soalan yang berikut:

- Apakah yang mubaligh ini ajarkan berkenaan sifat-sifat Tuhan?
- Bagaimanakah anda dapat mengikuti teladan mereka?

### Kajian Tulisan Suci

#### Apakah sifat-sifat Tuhan Bapa dan Yesus Kristus?

1 Nefi 17:36	3 Nefi 27:13–22	Kisah Rasul-Rasul
2 Nefi 9:6	A&P 38:1–3	17:27–29
Mosia 4:9	A&P 130:22	Roma 8:16
3 Nefi 12:48	Musa 1:39	Ibrani 12:9
3 Nefi 14:9–11	Matius 5:48	1 Yohanes 4:7–9
	Yohanes 3:16–17	

## Injil Memberkati Keluarga

Injil yang dipulihkan memberkati serta membantu suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak ketika mereka berusaha untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dan mengembangkan kekuatan rohani di dalam keluarga mereka. Berkat-berkat ini tersedia sekarang dan di dalam keabadian. Injil Yesus Kristus memberi pertolongan dalam kebimbangan dan cabaran-cabaran masa kini.

Oleh kerana keluarga ditetapkan oleh Tuhan, ia merupakan bahagian masyarakat yang terpenting sekarang dan di dalam keabadian. Tuhan telah mengorganisasikan keluarga untuk mendatangkan kebahagiaan kepada anak-anak-Nya, membolehkan mereka belajar asas-asas yang betul dalam suasana penuh kasih, dan menyediakan mereka bagi kehidupan abadi. Rumah tangga merupakan tempat terbaik untuk mengajarkan, belajar, dan menerapkan asas-asas injil Yesus Kristus. Sebuah rumah tangga yang didirikan di atas asas-asas injil akan menjadi sebuah tempat perlindungan dan keselamatan. Ia akan menjadi tempat di mana Roh Tuhan dapat berada, dan memberkati ahli-ahli keluarga dengan kedamaian, kebahagiaan, dan kegembiraan. Menurusi nabi-nabi di dalam setiap zaman, termasuk zaman kita sekarang, Tuhan telah menyatakan rancangan kegembiraan-Nya untuk individu-individu serta keluarga.

## Bapa Syurgawi Mendedahkan Injil-Nya dalam Setiap Zaman Keagamaan

Salah satu cara penting Tuhan menunjukkan kasih-Nya terhadap kita adalah dengan memanggil para nabi, yang diberikan imamat–kuasa dan kewenangan yang dikurniakan kepada manusia supaya dapat bertindak bagi pihak Tuhan demi penyelamatan anak-anak-Nya. Nabi mempelajari injil Yesus Kristus melalui wayhu. Kemudian mereka mengajarkan injil kepada orang lain dan bersaksi tentang Yesus Kristus sebagai Juruselamat dan Penebus. Ajaran-ajaran para nabi terkandung di dalam buku-buku kudus yang digelar kitab-kitab suci.

Rancangan Bapa kita dimaksudkan untuk membantu kita berjaya dalam kehidupan ini serta kembali hidup bersama-Nya. Rancangan ini digelar injil Yesus Kristus. Korban Tebusan Yesus adalah utama dalam rancangan tersebut. Melalui Korban Tebusan Yesus Kristus, kita dapat menerima kehidupan abadi jika kita menjalankan iman kita kepada Yesus Kristus, bertaubat, dibaptiskan dengan pencelupan dalam air demi pengampunan dosa, menerima kurnia Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir. “Inilah jalannya; dan tidak ada jalan atau nama lain diberikan di kolong langit yang melaluinya manusia dapat diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan. Dan sekarang, lihatlah, inilah ajaran Kristus” (2 Nefi 31:21). Semua orang mempunyai kurnia hak pilihan, yang termasuk kebebasan untuk menerima atau menolak injil sebagaimana diajarkan oleh para nabi dan rasul. Mereka yang memilih untuk patuh diberkati, tetapi mereka yang mengabaikan, menolak, atau mengubah injil tidak menerima berkat-berkat Tuhan yang dijanjikan.

Bilamana manusia memilih untuk mengabaikan, tidak mematuhi, atau mengubah mana-mana asas injil atau tatacara, bilamana mereka menolak nabi Tuhan, atau bilamana mereka gagal untuk bertahan dalam iman, mereka menjauhkan diri mereka dari Tuhan dan mulai hidup dalam kegelapan rohani. Lama-kelamaan ini membawa orang yang demikian kepada suatu keadaan yang digelar kemurtadan. Apabila kemurtadan berlaku secara meluas, Tuhan mengambil balik kewenangan imamat-Nya untuk mengajarkan dan melaksanakan tatacara-tatacara injil.



Sejarah Alkitab telah mencatatkan banyak kejadian tentang Tuhan berbicara kepada para nabi, dan juga menceritakan mengenai banyak kejadian kemurtadan. Untuk mengakhiri setiap tempoh kemurtadan umum, Tuhan telah memperlihatkan kasih-Nya bagi anak-anak-Nya dengan memanggil lagi nabi lain dan mengurniakannya dengan kewenangan imamat untuk memulihkan serta mengajarkan injil Yesus Kristus semula. Secara ringkas: nabi bertindak sebagai seorang wakil yang mengawasi kerajaan Tuhan di atas bumi ini. Tempoh sedemikian yang diketuai dengan tanggungjawab kenabian digelar zaman keagamaan.

Tuhan mendedahkan injil Yesus Kristus kepada Adam dan memberikannya kewenangan imamat. Adam ialah nabi yang pertama di atas bumi. Melalui wahyu, Adam belajar mengenai hubungan yang benar di antara umat manusia dengan Tuhan Bapa, Putera-Nya Yesus Kristus, dan Roh Kudus. Dia juga belajar mengenai Korban Tebusan dan Kebangkitan Yesus Kristus, serta asas-asas dan tatacara-tatacara injil yang pertama. Adam dan Hawa mengajarkan kebenaran ini kepada anak-anak mereka dan menggalakkan mereka supaya mengembangkan iman dan menjalankan injil dalam setiap aspek kehidupan

Nota-Nota

mereka. Adam kemudian diikuti oleh nabi-nabi yang lain, namun lama-kelamaan keturunan Adam menolak injil dan jatuh ke dalam kemurtadan dan memilih untuk hidup dalam ketidaksolehan.

Oleh yang demikian, mulailah pola zaman keagamaan kenabian yang membentuk sebahagian besar dari sejarah Perjanjian Lama. Bapa Syurgawi mendedahkan injil-Nya melalui komunikasi secara langsung dengan para nabi seperti Nuh, Abraham, dan Musa. Setiap nabi telah dipanggil oleh Tuhan untuk memulakan sebuah zaman keagamaan injil yang baru. Kepada setiap dari nabi ini, Tuhan telah mengurniakan kewenangan imamat dan juga mendedahkan kebenaran-kebenaran yang abadi. Malangnya, dalam setiap zaman keagamaan manusia akhirnya menggunakan hak pilihan mereka dan memilih untuk menolak injil dan kemudian jatuh ke dalam kemurtadan.

### Para Nabi

Tentukan apa yang difahami oleh orang yang anda ajar berkenaan para nabi. Dalam kebanyakan budaya ada orang yang percaya bahawa orang yang suci atau diilhami menerima sebarang bimbingan dan arahan dari Tuhan. Namun begitu, bukan semua orang yang suci merupakan nabi-nabi Tuhan sebagaimana yang ditakrifkan di dalam injil yang dipulihkan. Terangkan dengan jelas bahawa Tuhan mendirikan kerajaan-Nya di bumi dengan memanggil seorang nabi untuk memulakan sebuah zaman keagamaan yang baru. Dia memberikan nabi itu kewenangan imamat. Lalu nabi itu membantu orang-orang memahami hubungan mereka dengan Tuhan, termasuk cara menerima kehidupan yang abadi melalui injil Yesus Kristus.

Anda mungkin bertanya-tanya bagaimana zaman keagamaan injil mempunyai sangkut-paut apabila mengajar orang yang tidak ada latar belakang atau budaya Kristian. Tetapi anda akan belajar bahawa dengan menyampaikan sejarah zaman keagamaan injil secara singkat, anda dapat membantu orang memahami bahawa Tuhan mengasihi anak-anak-Nya dan bahawa Dia adalah sama semalam, hari ini, dan selamanya.

### Kajian Tulisan Suci

#### Para Nabi

Yakub 4:4, 6  
Mosia 8:13–18

Kisah Rasul-Rasul  
10:34–43

Amos 3:7

#### Zaman keagamaan

A&P 136:36–38  
Musa 5:4–12, 55–59

Musa 8:19–30

Guide to the Scriptures,  
“Dispensation”

## Tempoh Pelayanan Juruselamat di Bumi dan Korban Tebusan-Nya

Beratus-ratus tahun sebelum kelahiran Yesus Kristus, manusia jatuh sekali lagi ke dalam kemurtadan. Tetapi apabila Juruselamat memulakan pelayanan fana-Nya di bumi, Dia mendirikan Gereja-Nya semula.



Bapa Syurgawi mengutus Putera-Nya ke bumi untuk menebus dosa-dosa seluruh umat manusia dan mengatasi kematian: “Tuhan sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal ... untuk menyelamatkannya” (Yohanes 3:16–17). Bapa Syurgawi



kita mengutus Putera-Nya, Yesus Kristus, supaya dosa setiap orang yang pernah hidup di atas bumi ini boleh ditanggung-Nya melalui penderitaan-Nya, dan supaya Dia dapat mengatasi kematian jasmani. Juruselamat melakukan Korban Tebusan-Nya yang abadi supaya jika kita beriman kepada-Nya, bertaubat, dibaptiskan, menerima Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir, kita dapat menerima pengampunan atas dosa-dosa kita serta memasuki dan mengikuti jalan yang akan menuntun kita ke kehidupan abadi di dalam hadirat Tuhan (lihat 2 Nefi 31:13–21).

Sebelum kematian dan kebangkitan Juruselamat, Dia memberikan para Rasul-Nya kewenangan untuk mengajarkan injil-Nya, melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan, dan mendirikan Gereja-Nya di dunia.

### Kajian Tulisan Suci

Fasal-Fasal  
Kepercayaan 1:5

Matius 10:1–10  
Lukas 6:13

Yohanes 15:16  
Ibrani 5:4

## Kemurtadan yang Besar

Setelah kematian Yesus Kristus, orang yang jahat menganiaya para Rasul dan ahli Gereja serta membunuh banyak di antara mereka. Dengan kematian para Rasul, kunci keimamatan dan kewenangan kepemimpinan imamat diambil dari bumi. Para Rasul telah memastikan kemurnian injil, mengekalkan aturan dan standard kelayakan bagi ahli-ahli Gereja. Tanpa para Rasul, lama-kelamaan ajaran-ajaran pun menyeleweng dan perubahan tanpa kewenangan imamat dibuat dalam aturan Gereja serta tatacara-tatacara imamat, sebagai contoh pembaptisan dan pengurniaan kurnia Roh Kudus.

Tanpa wahyu dan kewenangan imamat, maka umat manusia bergantung kepada kebijaksanaan manusia untuk mentafsirkan kitab-kitab suci dan asas-asas serta tatacara-tatacara injil Yesus Kristus. Idea-idea yang palsu diajarkan sebagai kebenaran. Banyak daripada pengetahuan mengenai sifat sebenar Tuhan Bapa, Putera-Nya Yesus Kristus, dan Roh Kudus telah hilang. Ajaran-ajaran mengenai iman kepada Yesus Kristus, pertaubatan, pembaptisan, dan kurnia Roh Kudus diputarbelitkan atau dilupakan. Kewenangan imamat yang diberikan kepada para Rasul Kristus tidak lagi ada di atas bumi. Lama-kelamaan kemurtadan ini menuntun kepada timbulnya banyak gereja-gereja.

Setelah kegelapan rohani berabad lamanya, para lelaki dan perempuan yang mencari kebenaran membantah amalan-amalan keagamaan pada masa itu. Mereka menyedari bahawa banyak daripada ajaran-ajaran dan tatacara-tatacara injil telah diubah atau hilang. Mereka mencari keterangan rohani yang lebih besar, dan ramai dari mereka berbicara mengenai perlunya suatu pemulihan kebenaran. Walaupun begitu, mereka tidak mendakwa bahawa Tuhan telah memanggil mereka untuk menjadi seorang nabi. Sebaliknya, mereka berusaha untuk mereformasi ajaran-ajaran serta amalan-amalan yang mereka percaya telah diubah atau diputarbelitkan. Usaha-usaha mereka menuntun kepada pengorganisasian banyak gereja Protestan. Reformasi ini mendatangkan penekanan yang lebih besar akan kebebasan agama, yang membuka jalan bagi Pemulihan yang terakhir.

Para Rasul Juruselamat telah meramalkan kemurtadan yang meluas ini. Mereka juga telah meramalkan bahawa injil Yesus Kristus dan Gereja-Nya akan dipulihkan ke bumi sekali lagi.

Nota-Nota

## Kajian Tulisan Suci

1 Nefi 13	Kisah Rasul-Rasul	Guide to the Scriptures,
2 Nefi 26:20–21	20:28–30	“Apostasy”
2 Nefi 28	Galilea 1:6–9	<i>True to the Faith,</i>
4 Nefi 1:27	2 Tesalonika 2:1–12	“Apostasy,” pages 13–14
A&P 86:1–3	(JST verses 2, 3, 7–9)	<i>Our Search for Happiness,</i>
Matius 24:9–11	1 Timotius 4:1–3	pages 23–32
Markus 12:1–9	2 Timotius 4:3–4	<i>Jesus the Christ,</i>
Kisah Rasul-Rasul 3:19–21	2 Petrus 2:1–2	chapter 40, “The Long
	Amos 8:11–12	Night of Apostasy”

## Kemurtadan yang Besar

Para penyelidik mesti memahami bahawa suatu kemurtadan yang meluas terjadi setelah kematian Yesus Kristus dan para Rasul-Nya. Sekiranya kemurtadan itu tidak terjadi, maka tidak ada perlunya untuk Pemulihan. Sama seperti berlian yang dipamerkan di atas kain baldu hitam akan kelihatan lebih bersinar-sinar, demikianlah juga dengan Pemulihan yang berdiri ketara berbeza sekali dengan latar belakang Kemurtadan Besar yang kelam. Sebagaimana dibimbing oleh Roh, ajarkan penyelidik mengenai Kemurtadan Besar pada suatu tahap perincian yang sesuai dengan keperluan serta keadaan mereka. Tujuan anda adalah untuk membantu mereka memahami kenapa perlunya Pemulihan injil Yesus Kristus.

- Gereja Yesus Kristus dibangun di atas dasar rasul dan nabi (lihat Efesus 2:19–20; 4:11–14). Para pemimpin ini mempunyai kewenangan imamat yang ilahi. Melalui wahyu mereka mengarahkan urusan-urusan Gereja. Mereka mengekalkan kemurnian ajaran, memberi kewenangan dalam pengurusan tatacara-tatacara, serta memanggil dan menganugerahkan ke atas orang lain kewenangan imamat.
- Orang-orang menolak serta membunuh Yesus Kristus dan para Rasul (lihat Matius 24:9; 1 Nefi 11:32–34; 2 Nefi 27:5). Dengan kematian para Rasul, kewenangan kepemimpinan imamat telah hilang dari Gereja. Oleh yang demikian, tidak ada lagi kewenangan untuk mengurniakan Roh Kudus atau melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan yang lain. Wahyu diberhentikan, dan ajaran menjadi terputar belit.
- Bahkan sebelum kematian para Rasul, banyak konflik berkenaan ajaran ditimbulkan. Empayar Roma, yang pada awalnya menganiaya kaum Kristian, kemudian menerima agama Kristian. Soalan-soalan keagamaan yang penting diselesaikan oleh dewan-dewan. Ajaran-ajaran dan tatacara-tatacara sederhana yang diajarkan oleh Juruselamat diperbahaskan serta diubah supaya selaras dengan falsafah-falsafah duniawi (lihat Yesaya 24:5). Mereka secara fizikal mengubah tulisan-tulisan suci, mengeluarkan ajaran-ajaran yang sederhana dan berharga darinya (1 Nefi 13:26–40). Mereka menciptakan pengakuan iman, atau pernyataan kepercayaan, berdasarkan ajaran yang palsu dan yang telah diubah (lihat Joseph Smith 2:19). Disebabkan kesombongan, beberapa orang bercita-cita terhadap kedudukan yang berpengaruh (lihat 3 Yohanes 1:9–10). Orang menerima idea-idea yang palsu ini dan memberi penghormatan kepada pengajar-pengajar palsu yang mengajarkan ajaran yang menyenangkan sebagai ganti untuk kebenaran yang ilahi (lihat 2 Timotius 4:3–4).
- Sepanjang sejarah, ramai orang telah secara tulus mempercayai pengakuan iman dan ajaran-ajaran yang palsu. Mereka telah beribadat menurut keterangan yang mereka miliki dan telah menerima jawapan atas doa-doa mereka. Namun mereka “dijauhkan dari kebenaran kerana mereka tidak tahu di mana menemukannya” (A&P 123:12).
- Oleh itu, suatu pemulihan, bukan suatu reformasi, diperlukan. Kewenangan tidaklah berterusan dalam garis pergantian yang tak terputus dari Rasul Petrus. Mereformasi bermaksud mengubah apa yang sudah ada; memulihkan bermaksud membawa sesuatu balik semula dalam bentuk asalnya. Maka, pemulihan kewenangan imamat melalui utusan-utusan ilahi merupakan satu-satunya cara untuk mengatasi Kemurtadan Besar.

## Pemulihan Injil Yesus Kristus Melalui Nabi Joseph Smith

Ketika keadaan mengizinkan, Bapa Syurgawi sekali lagi menjangkau kepada anak-anak-Nya dalam kasih. Dia memanggil seorang pemuda bernama Joseph Smith sebagai nabi. Kegenapan injil Yesus Kristus dipulihkan ke bumi melalui dia.

Joseph Smith tinggal di Amerika Syarikat, yang mungkin satu-satunya negara di mana kebebasan keagamaan dinikmati pada masa itu. Ia pada masa yang merupakan suatu keterujaan yang besar mengenai keagamaan di bahagian timur Amerika Syarikat. Para ahli keluarga Joseph amat beragama dan sentiasa mencari kebenaran. Namun begitu, ramai dari paderi agama mendakwa dialah yang memiliki injil yang sebenar. Joseph ingin untuk “mengetahui sekta manakah yang benar di antara semuanya,” (Joseph Smith 2:18). Alkitab mengajarkan ada, “satu Tuhan, satu iman, satu baptisan” (Efesus 4:5). Joseph mengahdiri pelbagai gereja, tetapi dia tetap bingung dan tidak tahu gereja mana yang harus dia ikuti. Dia kemudian menulis:

“Begitu besar kebingungan dan pertengkaran di antara sekta agama yang berbeza itu, sehingga mustahillah bagi seseorang yang muda seperti aku ... untuk mengambil keputusan yang muktamad mengenai kebenaran atau kesalahan gereja-gereja itu .... Sementara peperangan lidah dan pertengkaran pendapat ini, aku sering berkata kepada diriku sendiri: Apa yang harus kulakukan? Siapakah di antara sekta ini yang benar, ataupun adakah mereka itu semuanya salah? Jika salah satu darinya yang benar, yang manakah satu itu dan bagaimanakah dapat aku mengetahuinya?” (Joseph Smith 2:8, 10).

Ketika Joseph mencari kebenaran di antara golongan-golongan itu, dia membaca dari Alkitab untuk mencari petunjuk. Dia membaca, “Jika ada sesiapa antara kamu kurang bijaksana, hendaklah dia berdoa kepada Tuhan supaya Tuhan memberikan kebijaksanaan kepadanya, kerana Tuhan memberikan dengan murah hati dan dengan sukacita kepada setiap orang.” (Yakobus 1:5). Oleh kerana ayat suci ini, Joseph mengambil keputusan untuk bertanya kepada Tuhan apa yang patut dia lakukan. Pada musim bunga tahun 1820, dia pergi ke sebuah hutan kecil berdekatan dengan rumahnya dan berlutut dalam doa. Dia menggambarkan pengalamannya:

“Aku nampak suatu tiang cahaya tepat di atas kepalaku, lebih terang daripada sinar matahari, yang perlahan-lahan turun sampai ia mengenai diriku...Ketika cahaya itu duduk di atas diriku, aku nampak dua Insan, yang mempunyai kecerahan dan kemuliaan yang tidak dapat digambarkan, berdiri ke atas diriku di udara. Salah seorang daripada Mereka berkata kepadaku, dengan memanggil namaku, dan berkata – sambil menuding kepada yang seorang lagi–*‘Inilah Putera-Ku yang Kukasihi. Dengarkan Dia!’*” (Joseph Smith 2:16–17).

Dalam penglihatan ini Tuhan Bapa dan Putera-Nya, Yesus Kristus, muncul kepada Joseph Smith. Juruselamat memberitahu Joseph supaya tidak mengikuti mana-mana gereja pun kerana mereka “semuanya salah” dan “segala pengakuan iman mereka itu adalah suatu kekejian.” Dia menyatakan, “Mereka menghampiri Aku dengan bibir mereka, namun hati mereka jauh daripada-Ku, mereka mengajarkan sebagai ajaran tradisi manusia, yang ada bentuk keilahian; namun mereka menyangkal kuasa ilahi itu” (Joseph Smith 2:19). Walaupun ramai orang percaya kepada Kristus dan berusaha untuk memahami serta mengajarkan injil-Nya, mereka tidak mempunyai kegenapan kebenaran



Nota-Nota

ataupun kewenangan imam untuk membaptis atau melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan yang lain. Mereka telah mewarisi suatu keadaan kemurtadan ketika setiap generasi dipengaruhi oleh apa yang diturunkan oleh generasi sebelumnya, termasuklah perubahan dalam ajaran-ajaran dan tatacara-tatacara seperti pembaptisan. Seperti yang telah Tuhan lakukan dengan Adam, Nuh, Abraham, Musa, dan para nabi lainnya, Dia memanggil Joseph Smith untuk menjadi seorang nabi yang melaluinya kegenapan injil telah dipulihkan ke bumi.

Setelah kemunculan Bapa dan Putera, utusan-utusan syurgawi yang lain, ataupun malaikat-malaikat, telah diutus kepada Joseph Smith dan penolongnya Oliver Cowdery. Yohanes Pembaptis muncul dan menganugerahi Joseph Smith dan Oliver Cowdery dengan Imam Harun, yang merangkumi kewenangan untuk melaksanakan tatacara pembaptisan. Petrus, Yakobus, dan Yohanes (tiga orang dari Rasul asli Yesus Kristus) muncul dan menganugerahkan Imam Melkisedek kepada Joseph Smith dan Oliver Cowdery, dan dengannya memulihkan kewenangan yang sama yang telah diberikan kepada para Rasul asli Yesus Kristus pada zaman purbakala. Dengan kewenangan imam ini, Joseph Smith diperintahkan untuk menubuhkan Gereja Yesus Kristus semula di bumi. Melalui dia, Yesus Kristus memanggil dua belas Rasul.

Zaman kita sekarang digelar oleh para nabi Alkitab 'zaman terakhir,' 'akhir zaman,' ataupun 'zaman keagamaan kegenapan waktu.' Ia merupakan zaman yang akan diikuti dengan Kedatangan Kedua Yesus Kristus. Ia merupakan zaman keagamaan yang terakhir. Inilah sebabnya Gereja dinamakan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Seorang nabi yang hidup memimpin Gereja pada hari ini. Nabi ini, Presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, merupakan pengganti Joseph Smith yang sah. Dia beserta rasul-rasul pada masa kini mendapat kewenangan mereka dari Yesus Kristus melalui rantaian pentahbisan yang tak terputus melalui Joseph Smith.

### Menghafal Penglihatan Pertama Nabi Joseph Smith

Menghafal penjelasan Joseph Smith mengenai penglihatannya akan Bapa dan Putera (Joseph Smith 2:16–17), dan selalu bersedia untuk menggambarkan Penglihatan Pertama dengan menggunakan kata-kata anda sendiri. Janganlah terburu-buru menceritakannya. Berikan kesaksian yang tulus bahawa anda tahu hal itu adalah benar. Janganlah teragak-agak untuk menjelaskan bagaimana anda akhirnya mengetahui akan kebenarannya. Mintalah rakan anda untuk melakukan sedemikian juga.

### Bersaksi

Sebahagian penting dari tugas seorang mubaligh adalah untuk memberikan kesaksian tentang nabi dan presiden Gereja masa kini.

### Kajian Tulisan Suci

2 Nefi 3  
A&P 112:30  
Efesus 1:10

Efesus 4:5  
Yohanes 1:5

Risalah, *Kesaksian  
Nabi Joseph Smith*

## Kitab Mormon: Satu Lagi Kesaksian Tentang Yesus Kristus

Oleh kerana Bapa Syurgawi sedar bahawa keraguan, ketidakpercayaan, dan informasi yang salah akan tetap ada, Dia menampilkan senaskhah tulisan suci kuno yang setara dengan Alkitab. Kitab ini mengandungi kegenapan injil Yesus Kristus yang abadi. Tulisan suci ini merupakan bukti yang meyakinkan bahawa Joseph Smith adalah seorang Nabi



Tuhan yang benar. Catatan ini ialah Kitab Mormon: Satu Kesaksian Lagi tentang Yesus Kristus.

Joseph Smith diarahkan oleh seorang utusan syurgawi yang bernama Moroni untuk pergi ke sebuah bukit di mana kepingan-kepingan emas telah disembunyikan berabad-abad lamanya. Kepingan-kepingan emas ini mengandungi tulisan-tulisan para nabi yang mengisahkan sebuah laporan tentang hubungan Tuhan dengan sebahagian dari penduduk Amerika kuno. Joseph Smith menterjemahkan isi kandungan kepingan-kepingan ini dengan kuasa Tuhan. Para nabi dalam Kitab Mormon mengetahui tentang misi Juruselamat dan mengajarkan injil-Nya. Setelah kebangkitan-Nya, Kristus muncul kepada orang-orang ini. Dia mengajarkan injil-Nya kepada mereka dan mendirikan Gereja-Nya. Kitab Mormon membuktikan

bahawa “Tuhan mengilhami manusia dan memanggil mereka bagi pekerjaan-Nya yang kudus pada masa dan generasi ini seperti mana dengan generasi zaman dahulu” (A&P 20:11). Untuk mengetahui bahawa Kitab Mormon adalah benar, seseorang mestilah membacanya, merenungkannya, dan berdoa mengenainya. Pencari kebenaran yang jujur akan merasakan dengan segera bahawa Kitab Mormon adalah firman Tuhan.

Membaca, merenungkan, dan berdoa tentang Kitab Mormon sangatlah mustahak dalam proses pertaubatan yang berkekalan. Orang yang mulai membaca Kitab Mormon untuk pertama kalinya mengambil langkah yang penting untuk mendapat tahu bahawa Joseph Smith ialah seorang Nabi Tuhan dan bahawa Gereja yang benar telah dipulihkan ke bumi.

### Gunakan Kitab Mormon untuk Mengesahkan Kebenaran Pemulihan

Berikut adalah contoh apa yang dapat anda mungkin sebut ketika memperkenalkan Kitab Mormon:

“Tuhan mengasihi anak-anak-Nya, maka Dia telah menyediakan sebuah cara yang meyakinkan untuk mengesahkan kebenaran akan perkara yang telah kami kongsi. Ianya Kitab Mormon. Bolehkah kamu membaca dua perenggan yang terakhir dari prakata Kitab Mormon?”

Secara hati-hati jelaskan makna setiap konsep dalam kedua perenggan tersebut dan menjemput penyelidik anda untuk membuat komitmen untuk membaca beberapa bahagian dari Kitab Mormon serta menerapkan asas-asas yang dijelaskan dalam kedua perenggan ini.

Apabila memperkenalkan Kitab Mormon kepada seseorang, sangatlah membantu untuk menunjukkan kepadanya senaskhah kitab tersebut, dan secara ringkas membahas isinya, serta berkongsi satu atau dua bahagian yang bermakna secara peribadi bagi anda atau yang mungkin akan bermakna baginya.

### Kajian Tulisan Suci

Halaman Kitab Mormon

Prakata, perenggan 1–7  
A&P 1:17–23

A&P 20:5–12  
Joseph Smith 1:27–64

### Berdoa untuk Mengetahui Kebenaran melalui Roh Kudus

Pesanan Pemulihan ini benar atau tidak. Kita dapat mengetahui bahawa ia benar melalui Roh Kudus, sebagaimana dijanjikan dalam Moroni 10:3–5. Selepas membaca dan

Nota-Nota

merenungkan pesanan Kitab Mormon, siapa pun yang ingin mengetahui kebenarannya mesti bertanya dalam doa kepada Bapa Syurgawi kita dalam nama Yesus Kristus sama ada ia benar. Untuk melakukan ini, kita mulai dengan menyebut nama Bapa Syurgawi kita lalu kita berterima kasih kepada-Nya atas berkat-berkat kita dan bertanya sama ada pesanan Kitab Mormon benar. Tiada sesiapa pun dapat mengetahui akan kebenaran rohani tanpa doa.

Sebagai jawapan atas doa-doa kita, Roh Kudus akan mengajarkan kita kebenaran melalui perasaan dan fikiran kita. Perasaan yang datang dari Roh Kudus sangatlah berkuasa, akan tetapi ia juga biasanya lembut serta senyap. Apabila kita mulai berasa bahawa apa yang kita pelajari adalah benar, kita akan berhasrat untuk mengetahui segala yang kita boleh tentang Pemulihan ini.

Mengetahui bahawa Kitab Mormon adalah benar mendatangkan pengetahuan bahawa Joseph Smith telah dipanggil sebagai seorang nabi dan bahawa injil Yesus Kristus telah dipulihkan melalui dia.

### Doa

- Mulai dengan menyebut nama Bapa Syurgawi kita (“Bapa kami di Syurga, . . .”).
- Nyatakan perasaan hati kamu (rasa syukur, persoalan, permohonan untuk menerima jawapan sama ada Kitab Mormon benar, dan lain-lain).
- Tutup (“Dalam nama Yesus Kristus, amin”).

### Doa

Walaupun doa mempunyai peranan dalam banyak agama dan budaya, doa jarang dianggap sebagai komunikasi dua hala antara Tuhan dan manusia. Bantulah mereka yang anda ajar untuk memahami bahawa mereka dapat menyatakan perasaan hati mereka dalam doa. Tunjukkan ini dalam cara anda berdoa apabila memulai atau mengakhiri suatu pelajaran. Gunakan bahasa yang sederhana yang mereka juga dapat gunakan ketika mereka berdoa. Bantu mereka untuk memahami bahawa Bapa Syurgawi akan menjawab doa-doa mereka, biasanya melalui perasaan hati mereka dan idea di dalam fikiran mereka. Jika mereka tulus dan benar-benar ingin mengetahui sama ada Tuhan wujud, Dia akan menjawab mereka. Undanglah kepada keluarga untuk berdoa dengan berlutut pada akhir pelajaran.

### Kajian Tulisan Suci

Alma 5:45–46  
A&P 8:2–3

Yohanes 14:26

Prakata Kitab Mormon,  
perenggan 8–9

### Undangan untuk Dibaptiskan

Semasa mengajar pelajaran ini atau pelajaran yang lain, janganlah teragak-agak untuk mengundang orang untuk dibaptiskan dan ditetapkan.

Untuk mempersiapkan seseorang untuk diundang untuk dibaptiskan dan ditetapkan, ajarkan ajaran tentang pembaptisan dan bersaksi dengan kerap mengenai kepentingan bagi semua orang dibaptiskan dengan kewenangan, menerima pengampunan dosa-dosa, dan berkenaan kurnia Roh Kudus yang begitu istimewa. Anda mungkin mengatakan, “Apabila Tuhan menjawab doa-doa kamu dan kamu berasa bahawa pesanan ini adalah benar, adakah kamu akan mengikuti teladan Yesus Kristus dengan dibaptiskan?”

Undangan untuk dibaptiskan dan ditetapkan mesti disebut dengan tepat dan langsung. “Adakah kamu akan mengikuti teladan Yesus Kristus dengan dibaptiskan oleh seseorang yang memegang kewenangan imamat Tuhan? Kami akan mengadakan upacara pembaptisan pada (tarikh). Bolehkah kamu mempersiapkan diri kamu untuk dibaptiskan pada tarikh tersebut?”

## Idea-idea untuk Mengajar

Bahagian ini berisi dengan idea-idea bagi anda gunakan dalam mempersiapkan dan mengajarkan pelajaran ini. Dengan doa yang sungguh-sungguh ikutilah Roh apabila anda memutuskan bagaimana menggunakan idea-idea ini. Tambahkan idea-idea yang anda pilih ke dalam rancangan pelajaran anda. Ingatlah bahawa idea-idea ini merupakan saranan—bukan syarat—untuk membantu anda memenuhi keperluan mereka yang anda ajar.

### Rancangan Pelajaran Singkat (3–5 minit)

Setelah hilang berabad-abad lamanya, injil Yesus Kristus telah dipulihkan ke bumi oleh Bapa Syurgawi kita yang Penyayang melalui seorang nabi yang hidup. Kitab Mormon merupakan bukti akan perkara ini. Kamu boleh memegangnya dalam tangan kamu. Kamu dapat membacanya, merenungkan bagaimana pesanan dalam Kitab ini dapat memperbaiki kehidupan kamu, serta berdoa untuk mengetahui bahawa pesannya merupakan firman Tuhan.

- Tuhan ialah Bapa Syurgawi Kita yang Penyayang
- Injil Memberkati Keluarga
- Bapa Syurgawi Mendedahkan injil-Nya dalam Setiap Zaman Keagamaan
- Tempoh Pelayanan Yesus Kristus di Bumi dan Korban Tebusan-Nya
- Kemurtadan yang Besar
- Pemulihan injil Yesus Kristus melalui Joseph Smith
- Kitab Mormon: Satu Kesaksian Lagi tentang Yesus Kristus
- Berdoalah untuk Mengetahui Kebenaran Melalui Roh Kudus

### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu membaca dan berdoa untuk mengetahui sama ada Kitab Mormon adalah firman Tuhan?
- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada Joseph Smith ialah seorang Nabi?
- Adakah kamu akan menghadiri Gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

Nota-Nota

### Nota-Nota

#### Rancangan Pelajaran Sederhana (10–15 minit)

Pesanan kami sangat hebat tetapi mudah difahami. Tuhan ialah Bapa kita. Kita ialah anak-anak-Nya. Kita merupakan sebahagian dari keluarga-Nya. Dia mengasihi kita. Sejak permulaan dunia, Dia telah mengikuti suatu pola yang penuh kasih dan prihatin. Sering kali Dia telah menjangkau dalam kasih untuk mendedahkan injil Yesus Kristus supaya anak-anak-Nya dapat mengetahui cara untuk pulang kepada-Nya. Dia mendedahkannya kepada para nabi seperti Adam, Nuh, Abraham, dan Musa. Tetapi orang telah dengan berulang kali memilih untuk menolak injil tersebut. Dua ribu tahun lalu, Yesus Kristus sendiri mengajarkan injil-Nya serta mendirikan Gereja-Nya, dan menyempurnakan Korban Tebusan. Dahsyatnya, orang-orang bahkan menolak Yesus. Bilamana orang mengabaikan atau mengubah ajaran dan tatacara yang benar, Tuhan menarik balik kewenangan-Nya untuk menjalankan Gereja.

Undangan kami kepada kamu dan semua orang adalah untuk menambah pada kebenaran yang kamu sudah hargai. Pertimbangkan bukti yang kami miliki bahawa Bapa Syurgawi kita dan Putera-Nya, Yesus Kristus, telah sekali lagi menjangkau kepada anak-anak Tuhan dalam kasih dan mendedahkan kegenapan injil kepada seorang nabi. Nama nabi ini adalah Joseph Smith. Bukti akan kebenaran yang agung ini ditemukan di dalam sebuah kitab—Kitab Mormon—yang dapat kamu baca, renungkan serta berdoa mengenainya. Jika kamu berdoa dengan hati yang tulus, dengan keinginan yang sungguh-sungguh dan beriman kepada Kristus, Tuhan akan memberitahukan kamu melalui kuasa Roh Kudus bahawa kitab ini adalah benar.

#### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu membaca dan berdoa untuk mengetahui sama ada Kitab Mormon adalah firman Tuhan?
- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada Joseph Smith ialah seorang Nabi?
- Adakah kamu akan menghadiri Gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.



**Rancangan Pelajaran Penuh (30–45 minit)**

- Tuhan ialah Bapa Syurgawi Kita yang Penyayang
  - Kita adalah anak-anak Tuhan (lihat Kisah Rasul-Rasul 17:29).
  - Tuhan mengasihi kita dan akan membantu kita membuat pilihan-pilihan yang betul.
  - Melalui Yesus Kristus, kita dapat hidup bersama Tuhan lagi (lihat Yohanes 3:16–17).
- Injil Memberkati Keluarga
  - Injil Yesus Kristus membantu keluarga membina hubungan yang lebih kuat.
  - Keluarga ditetapkan oleh Tuhan; keluarga ialah unit masyarakat yang terpenting sekarang dan di dalam keabadian (lihat A&P 49:15–16).
  - Rumah tangga merupakan tempat terbaik untuk mengajarkan, belajar, dan menerapkan asas-asas injil (lihat A&P 68:25; Kejadian 18:19; Ulangan 6:7)
  - Rumah tangga akan menjadi suatu tempat di mana Roh Tuhan dapat berada, dan memberkati ahli-ahli keluarga dengan keselamatan, kedamaian, dan kebahagiaan.
- Bapa Syurgawi Mendedahkan injil-Nya dalam Setiap Zaman Keagamaan
  - Tuhan memanggil para nabi untuk mengajarkan injil-Nya (lihat Amos 3:7).
  - Kemurtadan bermaksud untuk menolak para nabi dan injil.
  - Zaman Keagamaan adalah istilah untuk tempoh-tempoh waktu apabila terdapat para nabi yang mengajarkan injil. Zaman-zaman keagamaan yang terdahulu telah berakhir dengan kemurtadan (lihat A&P 136:36–38)
  - Adam, Nuh, Abraham, Musa, dan para nabi zaman kuno yang lainnya semua mengajarkan injil (lihat Musa 5:4–12).
- Tempoh Pelayanan Juruselamat di Bumi dan Korban Tebusan-Nya
  - Putera Tuhan memulihkan serta mengajarkan injil. Dia melakukan banyak mukjizat (lihat Bible Dictionary, “Miracles,” 732–733).
  - Dia memanggil para Rasul dan memberi mereka kewenangan imamat untuk mengkhutbahkan injil dan melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan seperti pembaptisan (lihat Yohanes 15:16).
  - Kristus menubuhkan Gereja-Nya.
  - Kristus disalibkan, dan para Rasul-Nya ditolak serta dibunuh (lihat Matius 27:35; Markus 15:25).
  - Kristus menyempurnakan Korban Tebusan (lihat Bible Dictionary, “Atonement,” 617).

Nota-Nota

#### Nota-Nota

- Kemurtadan yang Besar
  - Tanpa wahyu yang disampaikan melalui seorang nabi, manusia jatuh ke dalam kegelapan rohani (lihat Amos 8:11–12).
  - Para nabi dan rasul meramalkan Kemurtadan yang Besar (lihat 2 Tesalonika 2:1–3).
- Pemulihan injil Yesus Kristus melalui Joseph Smith
  - Joseph mencari kebenaran (lihat Joseph Smith 2:8, 10).
  - Tuhan dan Yesus Kristus muncul kepada Joseph Smith (lihat Joseph Smith 2:16–17).
  - Seperti para nabi dalam zaman-zaman keagamaan sebelumnya, Joseph Smith dipanggil sebagai nabi untuk zaman keagamaan yang terakhir ini.
  - Tuhan memulihkan kegenapan injil melalui Joseph Smith (lihat A&P 35:17; 135:3).
  - Utusan-utusan syurgawi yang lain memulihkan imamat, dan Gereja Kristus didirikan (lihat A&P 13; 27:12).
  - Seorang nabi yang hidup memimpin Gereja pada hari ini.
- Kitab Mormon: Satu Kesaksian Lagi tentang Yesus Kristus
  - Kitab Mormon merupakan bukti yang meyakinkan bahwa Joseph Smith ialah seorang Nabi.
  - Joseph menterjemahkan kepingan-kepingan Kitab Mormon dengan kuasa Tuhan (lihat Prakata Kitab Mormon, perenggan 5).
  - Kitab Mormon membuktikan bahwa Tuhan mengilhami para nabi dalam zaman kita sama seperti yang telah Dia lakukan dalam setiap zaman keagamaan (lihat A&P 20:5–12).
  - Kitab Mormon mengandung kegenapan injil Yesus Kristus (lihat A&P 20:8–9).
- Berdoalah untuk Mengetahui Kebenaran melalui Roh Kudus
  - Kamu dapat mengetahui akan kebenaran Kitab Mormon (lihat Moroni 10:3–5; Prakata Kitab Mormon, perenggan 1, 8–9).
  - Roh Kudus akan mengajar kamu melalui fikiran dan perasaan kamu (lihat A&P 8:2–3).

#### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu membaca dan berdoa untuk mengetahui sama ada Kitab Mormon adalah firman Tuhan?
- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada Joseph Smith ialah seorang Nabi?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan masa untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

### Soalan-Soalan untuk Ditanya Setelah Anda Mengajar

- Adakah kamu apa-apa soalan tentang apa yang telah kami ajarkan?
- Sekiranya ada seorang nabi di bumi sekarang ini, apa yang akan kamu tanya kepadanya?
- Adakah kamu berasa bahawa Tuhan mendengarkan doa-doa kamu? Kenapa?
- Adakah kamu ingin mengetahui sama ada Kitab Mormon adalah benar? Kenapa?

### Istilah-Istilah yang Penting

- **Hak Pilihan:** Kemampuan dan hak istimewa yang Tuhan berikan kepada manusia untuk memilih dan bertindak bagi diri mereka sendiri.
- **Imamat:** Kewenangan dan kuasa yang Tuhan berikan kepada manusia untuk bertindak bagi pihak nama Yesus Kristus dalam segala hal demi penyelamatan umat manusia.
- **Kemurtadan:** Suatu penolakan akan kebenaran oleh orang-orang, gereja, atau seluruh bangsa. Hal ini mencakup pemberontakan terhadap yang berwenang dan penolakan terhadap para nabi. Bukti kemurtadan mencakup melanggar hukum-hukum Tuhan, mengubah tatacara-tatacara injil, dan melanggar perjanjian-perjanjian suci (lihat Yesaya 24:5).
- **Zaman keagamaan:** Suatu tempoh masa di mana Tuhan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pesuruh yang berwenang di atas bumi yang memegang kunci-kunci imamat kudus. Selain Yesus Kristus, para nabi seperti Adam, Henokh, Nuh, Abraham, Musa, dan Joseph Smith masing-masing telah memulakan zaman keagamaan injil masing-masing. Apabila Tuhan mengorganisasi suatu zaman keagamaan, injil didedahkan semula supaya orang-orang pada zaman keagamaan itu tidak perlu bergantung pada zaman-zaman keagamaan yang lalu sebagai sumber pengetahuan tentang rancangan penyelamatan. Zaman keagamaan yang dimulakan oleh Joseph Smith dikenali sebagai “zaman keagamaan kegenapan waktu.”
- **Nabi:** Seseorang yang dipanggil oleh dan bercakap bagi pihak Tuhan. Sebagai seorang utusan Tuhan, nabi menerima kewenangan imamat, perintah-perintah, nubuat-nubuat, dan wahyu-wahyu dari Tuhan. Tanggungjawabnya adalah untuk memberitahukan keinginan dan sifat-sifat sejati Tuhan kepada umat manusia dan untuk memperlihatkan apa makna hubungan-Nya dengan mereka. Seorang nabi mengutuk dosa dan memaafkan akibat-akibatnya. Dia ialah seorang pengkhotbah kesolehan. Kadang-kadang, seorang nabi dapat diilhami untuk meramalkan masa depan demi kebaikan umat manusia. Walaupun begitu, tanggungjawabnya yang utama adalah untuk bersaksi mengenai Kristus.
- **Pemulihan:** Memulihkan bermaksud mengembalikan sesuatu pada keadaan sebelumnya, atau mendatangkan semula. Pemulihan, sebagaimana digunakan oleh Orang Suci Zaman Akhir, bermaksud bahawa Gereja Yesus Kristus yang benar, yang telah hilang kerana kemurtadan, telah dikembalikan dalam bentuk asalnya seperti apabila diorganisasikan oleh Yesus Kristus. Pemulihan berbeza dengan reformasi kerana ia dicapai dengan kewenangan ilahi melalui wahyu.

Nota-Nota

#### Nota-Nota

- **Penebus:** Yesus Kristus ialah Penebus agung bagi umat manusia kerana Dia, melalui Korban Tebusan-Nya, telah membayar harga bagi dosa-dosa umat manusia dan memungkinkan kebangkitan bagi semua orang. Menebus bermaksud untuk membebaskan, atau membeli, atau membayarkan nilai tebusan, seperti membebaskan seseorang dari perhambaan dengan suatu pembayaran. Penebusan merujuk pada Korban Tebusan Yesus Kristus dan pada pembebasan dari dosa. Korban Tebusan Yesus menebus seluruh umat manusia dari kematian jasmani. Melalui Korban Tebusan-Nya yang mencakup penderitaan-Nya di Getsemani dan di atas salib serta Kebangkitan-Nya. Oleh kerana Korban Tebusan-Nya, orang yang beriman kepada-Nya dan yang bertaubat ditebus dari kematian rohani.
- **Pemulihan:** Untuk memulihkan sesuatu bererti untuk mengembalikan kepada keadaan dahulu, atau membawa balik. Pemulihan, seperti yang digunakan oleh Orang Suci Zaman Akhir, bermaksud bahawa Gereja Yesus Kristus yang benar, yang sudah hilang melalui kemurtadan, sudah dipulihkan seperti bila ditubuhkan oleh Yesus Kristus pada asalnya. Tidak seperti Reformasi, Pemulihan dicapai melalui kewenangan illahi melalui wahyu.
- **Reformis:** Mereformasi adalah membuat perubahan pada sesuatu untuk memperbaikinya. Istilah reformis merujuk pada para lelaki dan perempuan (seperti Martin Luther, John Calvin, William Tyndale, dan John Wycliffe) yang menentang amalan-amalan Gereja yang sedia ada, yang mereka rasa perlu direformasikan.
- **Wahyu:** Komunikasi dari Tuhan kepada anak-anak-Nya di bumi. Wahyu dapat diterima melalui Terang Kristus dan Roh Kudus dengan cara ilham, penglihatan, mimpi, atau kunjungan malaikat. Wahyu memberikan bimbingan yang dapat menuntun mereka yang setia pada penyelamatan abadi dalam kerajaan Selestial. Tuhan mendedahkan pekerjaan-Nya kepada para nabi-Nya dan mengesahkan orang yang percaya bahawa wahyu-wahyu kepada yang Dia berikan kepada para nabi adalah benar (lihat Amos 3:7). Melalui wahyu, Tuhan menyediakan bimbingan peribadi bagi setiap orang yang mencarinya dan yang beriman, bertaubat serta patuh pada injil Yesus Kristus.

#### Istilah-Istilah Lain yang Mungkin Perlu Huraian Lebih Lanjut bagi Mereka yang Anda Ajar

- |                         |   |                                  |
|-------------------------|---|----------------------------------|
| • Alkitab               | • Juruselamat   | • Rasul                          |
| • Bertahan sampai akhir | • Kurnia Roh Kudus                                    | • Tatacara-tatacara penyelamatan |
| • Doa                   | • Kembali untuk hidup di hadirat-Nya                  | • Tugas pengawasan               |
| • Dosa                  | • Kepatuhan dan ketidakpatuhan pada perintah-perintah | • Tulisan Suci                   |
| • Injil                 |   |                                  |

### Para Reformis dan Pemimpin Keagamaan Dunia

**Berikut adalah maklumat latar belakang untuk digunakan hanya bila diperlukan.**

**John Wycliff:** Lahir pada abad ke-14 di England. Seorang sarjana teologi di Universiti Oxford. Mengajarkan bahawa Gereja Katolik tidak memiliki kunci-kunci imamat, bahawa Eukaris Kudus (atau sakramen) bukanlah benar-benar tubuh Kristus, dan bahawa gereja hendaknya tidak menerapkan kuasa politik ke atas orang. Menterjemahkan Alkitab ke dalam bahasa Inggeris. Meninggal pada tanggal 31 Disember 1384.

**Martin Luther:** Lahir pada tanggal 10 November 1483, di Jerman. Belajar di Universiti Erfurt dan Wittenberg. Memakukan 95 tesis di pintu Gereja Castle menentang banyak ajaran Gereja Roman Katolik pada masa itu, termasuk amalan membuat orang membayar wang untuk diampuni dari dosa-dosa mereka. Meninggal pada tanggal 18 Februari 1546.

**William Tyndale:** Lahir di Wales dalam tahun 1494. Belajar di Oxford dan Cambridge. Menterjemahkan Perjanjian Baru ke dalam bahasa Inggeris. Menyediakan tulisan-tulisan suci bagi masyarakat umum untuk mendedahkan ajaran-ajaran palsu dan pencemaran yang dilakukan oleh para pemimpin keagamaan. Dia dihukum mati pada tanggal 6 Oktober 1536.

**John Calvin:** Lahir pada tanggal 10 Julai 1509, di Perancis. Belajar di Paris untuk menjadi seorang paderi. Seorang pemimpin utama dalam gerakan untuk mereformasi Gereja Katolik. Menghabiskan sebahagian besar dari hidupnya di Switzerland. Dia mengajarkan bahawa manusia pada dasarnya berakhlak rosak dan bahawa hanya rahmat Tuhan yang dapat menyelamatkan mereka. Menulis banyak ulasan mengenai Alkitab. Meninggal pada tanggal 27 Mei 1564.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai para reformis, lihat sumber-sumber berikut dalam perpustakaan mubaligh: James E. Talmage, *Jesus the Christ*, halaman 692–703; M. Russell Ballard, *Our Search for Happiness*, halaman 26–32.

Sama seperti dunia Kristian yang telah diberkati dengan keberanian dan wawasan dari para reformis, banyak bangsa dan budaya lain telah diberkati oleh mereka yang diberi bahagian “yang dianggap [Tuhan] patut mereka ada” (Alma 29:8). Ajaran-ajaran dari pemimpin keagamaan lain telah membantu ramai orang menjadi lebih beradab dan berakhlak.

**Buddha (Gotama):** Lahir pada tahun 563 SM dari seorang kepala suku Hindu di Nepal. Sedar akan penderitaan yang dia lihat di sekitarnya. Lari dari istana ayahnya yang mewah, melepaskan dunia, dan hidup dalam kemiskinan. Mencari penyedaran, dia mendapat apa yang digelar “jalan pembebasan.” Mendakwa bahawa dia telah mencapai Nirwana, suatu keadaan yang terlepas dari kekhuatiran, rasa sakit, atau kenyataan luaran. Menjadi seorang guru untuk sekumpulan sami.

Nota-Nota

Nota-Nota

**Konfusius [Kongfucu]:** Lahir pada tahun 551 SM. Menjadi yatim piatu ketika masih kecil. Guru profesional Negara China yang pertama. Pemikir moral dan sosial Negara China yang terhebat. Bercakap sedikit saja mengenai makhluk rohani atau kuasa ilahi. Percaya bahawa syurga telah mengamanahkan dia dengan sebuah tugas sebagai pejuang kebai-kan dan kebenaran.

**Muhammad:** Lahir pada tahun 570 M di Mekah. Menjadi yatim piatu sejak kecil. Menjalani hidup dalam kemiskinan. Mendapatkan reputasi sebagai seorang pembawa damai yang dapat dipercayai. Menikah pada usia 25 tahun. Pada tahun 610, berdoa dan bertafakur di Bukit Hira. Mendakwa bahawa malaikat Gabriel [Jibrail] muncul kepadanya dan menyampaikan pesanan dari Tuhan. Mendakwa menerima komunikasi dari Tuhan melalui Gabriel [Jibrail] dari tahun 620 sampai 632. Komunikasi-komunikasi ini, yang dilafazkannya kepada murid-muridnya, kemudiannya ditulis di dalam Kitab Quran, kitab suci Islam.

# Rancangan Penyelamatan



Nota-Nota

## Tujuan Anda

Apabila anda mengajar, mempersiapkan penyelidik supaya memenuhi syarat-syarat bagi pembaptisan sebagaimana diajarkan dalam Ajaran dan Perjanjian 20:37 serta dalam soalan-soalan temu duga pembaptisan. Ini paling tercapai apabila anda menjemput penyelidik untuk mengikat serta menepati komitmen-komitmen yang tercatat di bawah ini.

### Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan

- Adakah kamu percaya bahawa Tuhan ialah Bapa kita yang Abadi?
- Adakah kamu percaya bahawa Yesus Kristus ialah Putera Tuhan, Juruselamat dan Penebus dunia?
- Adakah kamu sanggup untuk menguduskan hari Sabat sebagai hari yang suci, yang termasuk mengambil sakramen setiap minggu dan melayani ahli-ahli gereja yang lain?

### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada apa yang telah kami ajarkan adalah benar?
- Adakah kamu akan bertaubat akan dosa-dosa kamu?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Adakah kamu akan mengikuti teladan Juruselamat dan dibaptiskan pada (tarikh)?
- Bolehkah kita tetapkan masa untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

## Membantu Orang Lain Belajar mengenai Yesus Kristus

Para mubaligh mesti bersaksi tentang Yesus Kristus dan mengundang semua orang untuk datang kepada-Nya supaya mereka dapat diselamatkan. Memberikan pengajaran yang spesifik mengenai Juruselamat adalah penting bagi mereka yang hanya mengetahui sedikit atau tidak mengetahui apa-apa pun mengenai Dia. Kitab Mormon: Satu Kesaksian Lagi tentang Yesus Kristus telah dirancang untuk membantu semua orang mengetahui bahawa “Yesus ialah Kristus ... yang menyatakan diri-Nya kepada semua bangsa” (halaman judul Kitab Mormon). Salah satu cara paling berkesan untuk mengajarkan dan bersaksi tentang Juruselamat adalah dengan membaca Kitab Mormon bersama-sama. Bahagian-bahagian dari kitab asas lain juga dapat membantu.

Pertimbangkan cadangan-cadangan di bawah ini. Ini dapat dilakukan sebagai sebahagian dari pelajaran ini atau pelajaran lain atau sebagai satu pelajaran sendiri. Apabila berguna, ulangi kegiatan ini banyak kali sebelum dan sesudah pembaptisan dan penetapan.

Halaman Judul dan Prakata	Menjelaskan tujuan Kitab Mormon.
1 Nefi 10–11	Lehi dan Nefi bersaksi mengenai Juruselamat.
1 Nefi 19	Nefi menceritakan tentang nubuat-nubuat mengenai pelayanan serta Korban Tebusan Juruselamat.
2 Nefi 2	Lehi bersaksi mengenai Juruselamat sebagai Penebus.
2 Nefi 9	Yakub bersaksi mengenai Korban Tebusan.
2 Nefi 31–33	Nefi mengajarkan ajaran-ajaran Kristus.
Enos	Enos mengalami kuasa Korban Tebusan.
Mosia 2–5	Raja Benyamin mengajar tentang Kristus.
Mosia 12–16	Abinadi memberikan nyawanya dalam bersaksi mengenai Yesus Kristus.
Alma 5, 7	Alma bersaksi tentang Juruselamat.
Alma 17–22	Bangsa Laman menerima kesaksian mengenai Yesus Kristus.
Alma 34	Amulek bersaksi tentang Korban Tebusan.
Alma 36	Alma mengalami kuasa Korban Tebusan Yesus Kristus.
Alma 40–42	Alma bersaksi tentang kebangkitan dan Korban Tebusan.
Helaman 5	Nefi dan Lehi menjadi alat dalam tangan Tuhan untuk bersaksi tentang Juruselamat.
3 Nefi 9–10	Juruselamat mengundang orang untuk datang kepada-Nya.
3 Nefi 11–18	Juruselamat mengajar bangsa Nefi tentang Bapa dan ajaran-ajaran-Nya.
3 Nefi 27	Juruselamat mengajarkan injil-Nya.
Eter 3	Abang Yared melihat Juruselamat.
Eter 12	Eter dan Moroni bersaksi mengenai Juruselamat dan kuasa Korban Tebusan-Nya.
Moroni 7–8	Mormon mengajarkan tentang kasih murni Kristus dan Korban Tebusan-Nya.
Moroni 10	Moroni mengundang semua orang untuk datang kepada Kristus dan disempurnakan di dalam Dia.
“Kristus yang Hidup”	Para nabi dan rasul bersaksi mengenai Juruselamat.

## Kehidupan Pradunia: Tujuan dan Rancangan Tuhan bagi Kita

Ramai orang bertanya-tanya, “Dari manakah kita berasal? Mengapakah kita berada di sini? Ke manakah kita pergi?” Rancangan Penyelamatan memberi kita jawapan untuk soalan-soalan ini.



Tuhan ialah Bapa roh kita. Kita benar-benar anak-anak-Nya, dan Dia mengasihi kita. Kita hidup sebagai anak roh Bapa di Syurga kita sebelum kita dilahirkan di bumi ini. Ketika itu kita tidak sama dengan Bapa di Syurga, dan mustahillah bagi kita menjadi seperti Dia serta menikmati semua berkat yang Dia nikmati kecuali mengalami kehidupan fana dengan sebuah tubuh yang jasmani.

Seluruh tujuan Tuhan—pekerjaan-Nya serta kemuliaan-Nya—adalah untuk membolehkan kita masing-masing untuk menikmati segala berkat-berkat-Nya. Dia telah menyediakan sebuah rancangan yang sempurna untuk mencapai tujuan-tujuan-Nya. Kita memahami dan menerima rancangan ini sebelum kita datang ke bumi. Di dalam kitab-kitab suci rancangan Tuhan ini digelar sebagai sebuah rancangan belas kasihan, rancangan kebahagiaan, rancangan penebusan, dan rancangan Penyelamatan.

Yesus Kristus merupakan pusat dalam rancangan Tuhan. Melalui Korban Tebusan-Nya, Yesus Kristus menggenapi tujuan Bapa-Nya dan membolehkan kita semua untuk menikmati kebaqaan serta hidup yang abadi. Setan, ataupun iblis, ialah musuh kepada rancangan Tuhan.

Hak pilihan, atau kemampuan untuk membuat pilihan, merupakan salah satu dari hadiah Tuhan yang terbesar bagi anak-anak-Nya. Bagaimana kita menggunakannya akan menentukan kemajuan abadi kita. Kita mesti memilih sama ada kita mahu mengikuti Yesus Kristus atau mengikuti Setan.

Kita terpisah secara fizikal dari Tuhan selama kehidupan di bumi, tetapi Dia ingin setiap satu dari anak-anak-Nya menemukan kedamaian dalam kehidupan ini dan suatu kebahagiaan yang penuh di dalam hadirat-Nya setelah kehidupan ini. Dia ingin kita menjadi seperti Dia.

#### Kajian Tulisan Suci

##### Anak-Anak Tuhan

A&amp;P 93:29

Kisah Rasul-Rasul 17:29

Ibrani 12:9

##### Tujuan Tuhan

Musa 1:39

Yohanes 17:3

##### Kehidupan Pradunia

A&amp;P 138:53–56

Abraham 3:22–26

Guide to the Scriptures,  
“Premortal Life”

Musa 3:5

Yeremia 1:5

## Penciptaan

Di bawah arahan Bapa, Yesus Kristus menciptakan bumi sebagai sebuah tempat di mana kita dapat hidup dan memperoleh pengalaman. Untuk berkembang dan menjadi seperti Tuhan, kita semua perlu mendapat tubuh jasmani dan diuji dalam masa percubaan di bumi. Semasa di bumi kita berada di luar hadirat Tuhan secara fizikal. Kita tidak dapat mengingat kehidupan pradunia kita. Kita mesti berjalan dengan iman dan bukan dengan penglihatan nyata.

#### Kajian Tulisan Suci

1 Nefi 17:36

Musa 2:1

JST, Yohanes 1:1–3

Alma 30:44

Musa 6:63

2 Korintus 5:6–7

A&amp;P 88:41–47

Abraham 3:24–25

## Hak Pilihan serta Kejatuhan Adam dan Hawa

Adam dan Hawa ialah anak-anak Tuhan yang pertama datang ke bumi. Tuhan menciptakan Adam dan Hawa lalu menempatkan mereka di Taman Eden. Adam dan Hawa diciptakan menurut rupa Tuhan, dengan tubuh yang berisi dan bertulang. Semasa Adam dan Hawa berada di Taman itu, mereka masih berada di dalam hadirat Tuhan dan dapat hidup buat selama-lamanya. Mereka hidup dalam kenaiifan, dan Tuhan memberi mereka apa yang mereka perlukan.

Di Taman Eden, Tuhan memberi hak pilihan kepada Adam dan Hawa. Dia memerintahkan mereka supaya jangan makan buah yang terlarang, ataupun buah dari pokok pengetahuan akan yang baik dan yang jahat. Jika mereka mematuhi perintah ini maka mereka dapat tinggal di taman itu, tetapi mereka tidak dapat maju dengan mengalami tentangan dalam kehidupan fana. Mereka tidak tahu apa itu kebahagiaan kerana mereka tidak dapat mengalami kedukaan dan kepedihan.

Setan menggoda Adam dan Hawa supaya memakan buah terlarang itu, dan mereka memilih untuk melakukannya. Ini merupakan sebahagian dari rancangan Tuhan. Oleh kerana pilihan ini, mereka dihalau dari taman itu dan juga dari hadirat Tuhan. Kejadian ini digelar Kejatuhan. Pemisahan dari hadirat Tuhan merupakan kematian rohani. Adam dan Hawa menjadi fana—yang bermaksud mereka akan mati secara jasmani, atau perpisahan roh dari tubuh. Hanya setelah kejadian itu, mereka dapat mengalami penyakit dan mengalami pelbagai macam penderitaan. Mereka mempunyai hak pilihan moral atau kemampuan untuk memilih antara yang baik dan yang jahat. Ini membolehkan mereka belajar dan maju. Ia juga membolehkan mereka untuk membuat pilihan yang salah dan berdosa. Tambahan lagi, mereka sekarang boleh mempunyai anak-anak, supaya anak-anak roh Tuhan yang lain dapat datang ke bumi, menerima tubuh jasmani, dan diuji. Hanya dengan cara ini saja anak-anak Tuhan dapat maju dan menjadi seperti Dia.

### Mengajarkan tentang Kejatuhan

Apabila mengajarkan ajaran ini untuk kali pertamanya, janganlah mengajarkan segalanya yang anda tahu mengenai hal-hal ini. Jelaskan dengan sangat sederhana bahawa Tuhan memilih dua di antara anak-anak-Nya, Adam dan Hawa, untuk menjadi ibu bapa yang pertama di bumi. Setelah pelanggaran mereka, mereka pun tunduk pada dosa dan kematian. Melalui usaha mereka sendiri, mereka tidak dapat kembali untuk hidup bersama Bapa Syurgawi. Tuhan bercakap kepada Adam dan mengajarkan dia rancangan Penyelamatan dan penebusan melalui Tuhan Yesus Kristus. Dengan mengikuti rancangan itu, Adam dan keluarganya dapat memiliki kebahagiaan dalam kehidupan ini serta kembali untuk hidup bersama Tuhan (lihat Alma 18:36; 22:12–14).

### Kajian Tulisan Suci

#### Di Taman

2 Nefi 2  
Musa 2:26–31

Musa 3:15–17  
Musa 5:11

Kejadian 1:26–31  
Kejadian 2:15–17

#### Kejatuhan

2 Nefi 2:25  
Alma 12:22–34

Musa 4  
Musa 5:10–12

Kejadian 3

## Kehidupan Kita di Bumi

Kehidupan di bumi merupakan suatu kesempatan dan berkat. Tujuan kita dalam kehidupan ini adalah untuk berbahagia serta bersedia untuk kembali ke dalam hadirat Tuhan. Semasa kehidupan fana kita hidup dalam suatu keadaan yang mana kita tertakluk pada kematian jasmani dan rohani. Tuhan memiliki sebuah tubuh yang berisi dan bertulang yang sempurna, dimuliakan, dan baqa. Untuk menjadi seperti Tuhan dan kembali ke dalam hadirat-Nya, kita juga perlu mempunyai tubuh yang berisi dan bertulang yang sempurna dan baqa. Akan tetapi, kerana kejatuhan Adam dan Hawa, setiap orang di bumi mempunyai tubuh yang tidak sempurna dan fana, dan akhirnya tubuh itu akan mati. Sekiranya kita tidak ada Juruselamat, iaitu Yesus Kristus, kematian akan meniasia-siakan semua harapan kita untuk tinggal bersama Bapa Syurgawi kelak.

Beserta dengan kematian jasmani, dosa merupakan penghalang besar yang mencegah kita menjadi seperti Bapa kita di Syurga dan kembali ke dalam hadirat-Nya. Disebabkan keadaan hidup kita yang fana ini, kita sering kali mengalah kepada godaan, melanggar perintah-perintah Tuhan, dan berdosa. Sepanjang kehidupan kita di bumi kita masing-masing membuat kesilapan. Walaupun kadang-kala nampaknya bukan, dosa selalunya mendatangkan ketidakbahagiaan. Dosa menyebabkan perasaan bersalah dan malu. Disebabkan dosa-dosa kita, kita tidak mampu kembali untuk hidup bersama Bapa Syurgawi kecuali kita terlebih dahulu diampuni dan dibersihkan.

Sepanjang kehidupan fana kita, kita mempunyai pengalaman yang mendatangkan kebahagiaan kepada kita. Kita juga memiliki pengalaman yang mendatangkan kepedihan dan kedukaan kepada kita, sesetengahnya terjadi akibat kelakuan orang lain yang berdosa. Pengalaman-pengalaman ini memberi kita peluang untuk belajar dan berkembang, membezakan yang baik dari yang jahat, dan untuk membuat pilihan. Tuhan mempengaruhi kita untuk berbuat baik; Setan menggodakan kita untuk berbuat dosa. Seperti dengan kematian jasmani, kita tidak dapat mengatasi kesan-kesan dosa kita. Kita tidak berupaya tanpa Korban Tebusan Yesus Kristus.

### Kajian Tulisan Suci

#### Masa Percubaan dan Ujian

2 Nefi 2:21	Alma 12:21–24	Abraham 3:25–26
2 Nefi 9:27	Alma 34:31–35	
Mosia 3:19	Alma 42:2–10	

#### Pilihan

2 Nefi 2:26–29	<i>For the Strength of Youth, "Agency and Accountability"</i>
Yosua 24:15	

#### Baik dan Jahat

Moroni 7:12–19

#### Dosa

Roma 3:23	1 Yohanes 1:8–10	1 Yohanes 3:4
-----------	------------------	---------------

#### Yang Tidak Bersih Tidak Dapat Berada Bersama Tuhan

1 Nefi 10:20–21	3 Nefi 27:19
Alma 41:10–11	Musa 6:57

Nota-Nota

## Korban Tebusan

Sebelum dunia dibentuk, Bapa Syurgawi kita memilih Yesus Kristus sebagai Juruselamat dan Penebus kita. Korban Tebusan Yesus Kristus membolehkan kita untuk mengatasi kesan-kesan dari Kejatuhan. Semenjak permulaan dunia, setiap nabi telah bersaksi bahawa Yesus Kristus ialah Penebus kita.

Kita semua akan menderita kematian jasmani, tetapi Yesus Kristus mengatasi penghalang kematian jasmani bagi kita. Apabila Dia meninggal di atas salib, roh-Nya dipisahkan dari tubuh-Nya. Pada hari yang ketiga, roh-Nya dan tubuh-Nya disatukan semula secara abadi, supaya tidak dapat berpisah lagi. Dia menampakkan diri kepada ramai orang, dan menunjukkan bahawa Dia memiliki sebuah tubuh yang baqa serta berisi dan bertulang kepada mereka. Penyatuan semula badan dan roh digelar kebangkitan dan merupakan sebuah kurnia yang dijanjikan bagi setiap kita semua. Disebabkan kebangkitan Yesus Kristus, kita semua akan dibangkitkan, tidak kira kita berbuat baik ataupun jahat dalam kehidupan kita. Kita akan mempunyai tubuh yang berisi dan bertulang yang sempurna dan baqa. Kita tidak akan menghadapi penyakit, kepedihan, ataupun kematian lagi. Kebangkitan ini membolehkan kita untuk kembali ke dalam hadirat Tuhan untuk diadili, namun tidak menjamin bahawa kita boleh hidup di dalam hadirat-Nya. Untuk menerima berkat ini, kita mesti disucikan dari dosa.

Tuhan mengutus Putera-Nya yang Terkasih, Yesus Kristus, supaya Dia dapat mengatasi penghalang dosa dan kematian jasmani. Kita tidak bertanggungjawab atas Kejatuhan Adam dan Hawa, namun kita bertanggungjawab atas dosa-dosa kita sendiri. Tuhan tidak dapat memandang dengan ringan terhadap dosa, kerana dosa itu menghalang kita tinggal di dalam hadirat-Nya. Hanya melalui belas kasihan dan rahmat Juruselamat maka kita boleh menjadi bersih dari dosa agar kita dapat tinggal bersama Tuhan lagi. Hal ini menjadi mungkin dengan menjalankan iman kepada Yesus Kristus, bertaubat, dibaptiskan, menerima kurnia Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir.



Untuk melengkapi rancangan Penyelamatan, Kristus menanggung hukuman bagi dosa-dosa kita. Dia sendiri dapat melakukannya. Dia telah dipanggil dan disediakan dalam kehidupan pradunia. Dia benar-benar Putera Tuhan dalam daging. Dia langsung tidak berdosa dan sepenuhnya patuh kepada Bapa-Nya. Walaupun digoda, Dia tidak pernah menyerah kepada godaan. Apabila Bapa meminta Putera-Nya yang Terkasih untuk membayar harga dosa-dosa dunia, Yesus telah bersiap-sedia dan sudi. Korban Tebusan merangkumi penderitaan-Nya di Taman Getsemani dan penderitaan serta kematian-Nya di atas salib, dan ia berakhir dengan Kebangkitan-Nya. Penderitaan-Nya tidak dapat digambarkan—sehingga Dia berdarah dari setiap liang roma dan bertanya apakah beban itu dapat diangkat daripada-Nya. Namun begitu Dia tunduk kepada kehendak Bapa dalam suatu kenyataan kasih kepada Bapa-Nya dan bagi kita. Kemenangan ini di mana Yesus Kristus mengalahkan kematian rohani melalui penderitaan-Nya dan mengalahkan kematian jasmani melalui kebangkitan-Nya, digelar Korban Tebusan.

Kristus berjanji untuk mengampuni dosa-dosa kita dengan syarat kita menerimanya dengan menjalankan iman kepada-Nya, bertaubat, menerima pembaptisan dengan pencelupan dalam air, dan perletakan tangan untuk menerima kurnia Roh Kudus, serta berusaha mematuhi perintah-perintah-Nya dengan setia seumur hidup kita. Melalui

pertaubatan secara berterusan, kita dapat memperoleh pengampunan dan dibersihkan dari dosa-dosa kita melalui kuasa Roh Kudus. Perasaan bersalah dan malu yang membebankan kita boleh dihilangkan, dan melalui Yesus Kristus kita menjadi layak untuk kembali ke dalam hadirat Tuhan.

Sekiranya kita menaruh harapan kita pada Korban Tebusan Yesus Kristus, maka Dia boleh membantu kita untuk bertahan dalam percubaan, penyakit, dan kepedihan. Kita dapat dipenuhi dengan kegembiraan, kedamaian, dan ketenangan hati. Apa-apa yang tidak adil dalam hidup ini boleh diperbaiki melalui Korban Tebusan Yesus Kristus.

Yesus telah menanggung hukuman dosa kita. Akan tetapi, hal ini tidak melepaskan kita daripada tanggungjawab kita sendiri. Kita mesti menunjukkan bahawa kita menerimanya dan bahawa kita akan mengikuti segala perintah-Nya. Hanya melalui kurnia Korban Tebusan ini maka kita dapat kembali untuk hidup bersama Tuhan.

### Kajian Tulisan Suci

#### Kebangkitan

2 Nefi 9:6–7	A&P 88:27–32	1 Korintus 15:41–42
Alma 11:42–45	Lukas 24:1–10, 36–39	Guide to the Scriptures, “Death, Physical,” “Death, Spiritual,” “Resurrection”
Alma 40:23	1 Korintus 15:20–23	
Helaman 14:15–19	JST, 1 Korintus 15:40	

#### Korban Tebusan

2 Nefi 2:6–8	A&P 19:15–19	1 Yohanes 1:7
Alma 7:11–13	A&P 45:3–5	Guide to the Scriptures, “Atone, Atonement”
Alma 34:8–10	Yohanes 3:16–17	

#### Injil–Jalannya

2 Nefi 9:1–24	Alma 11:40	3 Nefi 27
2 Nefi 31	3 Nefi 11:31–41	Moroni 7:27–28

## Dunia Roh

Walaupun Kristus telah mengalahkan kematian jasmani, setiap manusia tentu akan mati kerana kematian merupakan sebahagian dalam proses kita berubah daripada kefaanaan kepada kebaqaan. Apabila kita mati, roh kita pergi ke Dunia Roh. Kematian tidak mengubah keperibadian ataupun keinginan kita untuk melakukan yang baik atau jahat. Orang yang memilih untuk mematuhi Tuhan dalam kehidupan ini akan hidup dalam keadaan yang gembira serta damai, dan berehat dari kesusahan serta kekhuatiran. Orang yang memilih untuk tidak patuh dalam hidup ini dan tidak bertaubat akan hidup dalam keadaan yang tidak gembira. Di Dunia Roh injil dikhutbahkan kepada orang yang tidak mematuhi injil atau tiada peluang untuk mendengar injil semasa di bumi. Kita tinggal di Dunia Roh sehingga kita dibangkitkan.

### Kajian Tulisan Suci

#### Injil akan Dikhutbahkan kepada Mereka yang Telah Meninggal

A&P 138	1 Petrus 3:19–20	1 Petrus 4:6
---------	------------------	--------------

#### Kematian dan Dunia Roh

Alma 34:34	Pengkhutbah 12:7
Alma 40:11–14	

Nota-Nota

## Kebangkitan, Penghakiman, dan Kebaqaan

Apabila tubuh dan roh kita dipersatukan semula melalui kebangkitan, kita akan dibawa ke dalam hadirat Tuhan untuk dihakim. Kita akan mengingat kesolehan dan kesalahan kita dengan sempurna. Sekiranya kita telah bertaubat, kita akan menerima belas kasihan. Kita akan diberi upah menurut perbuatan serta keinginan kita.

Melalui kebangkitan setiap orang akan menjadi baqa—mereka akan hidup buat selama-lamanya. Kebaqaan merupakan kurnia yang percuma bagi semua manusia, tidak kira mereka soleh atau jahat. Bagaimanapun kehidupan abadi tidak sama dengan kebaqaan. Kehidupan abadi merupakan sebuah kurnia Tuhan yang hanya diberikan kepada orang yang mematuhi injil-Nya. Kehidupan abadi merupakan tahap tertinggi yang dapat kita capai. Ia hanya datang kepada orang yang dibebaskan dari dosa dan penderitaan melalui Korban Tebusan Kristus. Kehidupan abadi adalah sama dengan kemuliaan, yang bermaksud hidup bersama Tuhan buat selama-lamanya dalam keluarga-keluarga abadi. Kehidupan abadi ini bermaksud kita mengenal Tuhan dan Yesus Kristus serta mengalami kehidupan yang dinikmati oleh mereka.

### Kebangkitan dan Penjelmaan

Sesetengah orang mungkin keliru untuk membezakan ajaran kebangkitan dengan konsep reinkarnasi (penjelmaan). Konsep reinkarnasi merangkumi kelahiran semula ke dunia dalam bentuk yang berbeza dan merupakan ajaran sesat. Ajaran mengenai kebangkitan merangkumi menerima suatu ganjaran abadi dalam tubuh yang baqa yang berisi dan bertulang. Ini ajaran yang benar. Pastikan bahawa mereka yang anda ajar memahami dengan jelas ajaran kebangkitan.

## Kerajaan-Kerajaan Kemuliaan

Sepanjang kehidupan fana kita, kita membuat pilihan berkenaan yang baik dan yang jahat. Tuhan memberi upah kepada kita menurut perbuatan dan keinginan kita. Oleh kerana Tuhan memberi semua orang upah menurut perbuatan yang dilakukan dalam tubuh, terdapat kerajaan kemuliaan yang berlainan di mana kita akan ditempatkan setelah Penghakiman. Mereka yang telah bertaubat akan dosa-dosa mereka dan menerima tatacara-tatacara injil dan menepati perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengannya akan dibersihkan melalui Korban Tebusan Kristus. Mereka akan menerima kemuliaan dalam kerajaan yang tertinggi, yang juga digelar kerajaan selestial. Mereka akan hidup di dalam hadirat Tuhan, menjadi seperti Dia, dan menerima kebahagiaan yang penuh. Mereka akan hidup bersama ahli-ahli keluarga mereka yang layak buat selama-lamanya. Di dalam kitab-kitab suci, kerajaan ini dibandingkan dengan kemuliaan atau kecerahan matahari.

Orang yang tidak menerima kegenapan injil Yesus Kristus namun menjalankan hidup yang mulia akan menduduki tempat dalam kerajaan terestrial. Kerajaan ini dibandingkan dengan kemuliaan bulan.

Orang yang terus berdosa dan tidak bertaubat semasa kehidupan ini akan menerima upah mereka dalam kerajaan yang terendah yang digelar kerajaan telestial. Kerajaan ini dibandingkan dengan kemuliaan bintang.

**Kajian Tulisan Suci**

**Kebangkitan dan Pemulihan**

2 Nefi 9:14–15                      Yakub 6:8–9                      Alma 42:13–15, 22–23

**Penghakiman**

2 Nefi 28:23                      Alma 5:15–21                      A&P 132:12; 137:9  
Mosia 3:23–25                      Alma 12:12–14                      Yohanes 5:22


**Kerajaan-kerajaan Kemuliaan**

3 Nefi 28:10                      A&P 137                      1 Korintus 15:41–42  
A&P 76: Introduction                      Matius 5:48  
A&P 76                      JST, 1 Korintus 15:40

**Kehidupan Abadi**

2 Nefi 31:17–21                      A&P 45:8                      Yohanes 17:3  
A&P 14:7                      A&P 93:19  
A&P 29:43–44                      Yohanes 3:16

**Rancangan Penyelamatan**



Korban Tebusan Yesus Kristus membuat penyelamatan menjadi mungkin.

**Undangan untuk Dibaptiskan**

Undangan untuk dibaptiskan dan ditetapkan mesti disebut dengan spesifik dan langsung. “Adakah kamu akan mengikuti teladan Yesus Kristus dengan dibaptiskan oleh seseorang yang memegang kewenangan imamat Tuhan? Kami akan mengadakan upacara pembaptisan pada (tarikh). Bolehkah kamu mempersiapkan diri kamu untuk dibaptiskan pada tarikh tersebut?”

Nota-Nota

Nota-Nota

## Idea-Idea untuk Mengajar

Bahagian ini berisi dengan idea-idea bagi anda gunakan dalam mempersiapkan dan mengajarkan pelajaran ini. Dengan doa yang sungguh-sungguh ikutilah Roh apabila anda memutuskan bagaimana menggunakan idea-idea ini. Tambahkan idea-idea yang anda pilih ke dalam rancangan pelajaran anda. Ingatlah bahawa idea-idea ini merupakan saranan—bukan syarat—untuk membantu anda memenuhi keperluan mereka yang anda ajar.

### Rancangan Pelajaran Singkat (3-5 minit)

Rancangan penyelamatan mengajarkan kita tentang dari mana kita berasal, mengapa kita berada di bumi, dan ke mana kita akan pergi setelah kehidupan ini. Rancangan ini memberi peta untuk perjalanan abadi kita melalui prakefanaan, kehidupan fana, kematian, kebangkitan, dan juga kehidupan kita dalam keabadian. Rancangan itu juga menjelaskan apa yang Bapa kita di Syurga yang Penyayang lakukan untuk membantu kita menempuhi perjalanan ini dengan berjaya supaya kita dapat kempali ke dalam hadirat-Nya dan menjadi seperti Dia. Rancangan tersebut mengutamakan misi serta Korban Tebusan Yesus Kristus dalam mengatasi kesan-kesan Kejatuhan dan membuatkan kehidupan yang abadi menjadi mungkin bagi kita. Kami mengundang kamu untuk merenungkan serta berdoa mengenai pesanan ini.

- Kehidupan Pradunia: Tujuan dan Rancangan Tuhan bagi Kita
- Penciptaan
- Hak Pilihan serta Kejatuhan Adam dan Hawa
- Kehidupan Kita di Bumi
- Korban Tebusan
- Dunia Roh
- Kebangkitan, Penghakiman, dan Kebaqaan
- Kerajaan-Kerajaan Kemuliaan

### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada apa yang telah kami ajarkan adalah benar?
- Bolehkah kamu bertaubat akan dosa-dosa kamu?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Adakah kamu akan mengikuti teladan Juruselamat dan dibaptiskan pada (tarikh)?
- Bolehkah kita tetapkan masa untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.



## Nota-Nota

**Rancangan Pelajaran Sederhana (10-15 minit)**

Pesanan kami menolong kita memahami tujuan kehidupan dan siapa diri kita. Pesanan ini memberi kita harapan serta membantu kita menemukan kedamaian, kegembiraan, dan kebahagiaan.

Pesanan ini memberitahu kita dari mana kita berasal, mengapa kita berada di bumi ini, dan ke mana kita akan pergi setelah kehidupan ini. Tuhan ialah Bapa kita, dan Dia mengasihi kita. Kita ialah anak-anak-Nya. Kita merupakan sebahagian dari keluarga-Nya, dan kita hidup bersama-Nya sebelum kita dilahirkan di bumi ini. Dia mempunyai sebuah rancangan kebahagiaan yang membolehkan kita kembali ke dalam hadirat-Nya setelah kehidupan ini. Kemajuan kita bergantung pada bagaimana kita menggunakan kurniaan Tuhan iaitu hak pilihan atau kemampuan untuk memilih. Sebagai sebahagian dari rancangan itu, Kejatuhan Adam membolehkan kita untuk datang ke bumi, memperoleh tubuh jasmani, memperoleh pengalaman, dan mempunyai keluarga kita sendiri. Tetapi Kejatuhan juga mendatangkan kematian jasmani, iaitu pemisahan roh dari tubuh, dan juga kematian rohani, iaitu pemisahan dari Tuhan.

Yesus Kristus adalah pusat dalam rancangan Tuhan. Korban Tebusan Kristus mengatasi kesan-kesan dari kematian jasmani dan kematian rohani. Kita semua akan dibangkitkan dan akan hidup buat selama-lamanya dengan tubuh jasmani yang bebas dari kepedihan atau penyakit. Kristus juga membolehkan kita untuk mengatasi kematian rohani. Apabila kita menjalankan injil-Nya Dia akan, dengan penuh belas kasihan mengampuni dosa-dosa kita. Dia akan menyembuhkan kita serta menggantikan rasa bersalah dan malu kita dengan kedamaian serta kebahagiaan dalam kehidupan ini.

Sebagai sebahagian dari rancangan Tuhan yang penuh belas kasihan, kita semua akan menderita kematian secara jasmani. Roh kita akan dipisahkan dari tubuh kita dan akan hidup selama suatu jangka masa di dunia roh. Kemudian kita akan dibangkitkan dengan tubuh yang baqa, sebuah penyatuan abadi untuk tubuh dan roh kita. Kita akan dihakim menurut perbuatan serta keinginan kita. Mereka yang telah menjalankan injil akan menerima kurnia Bapa di Syurga yang terbesar, iaitu kurnia kehidupan abadi di dalam hadirat-Nya.

Bapa Syurgawi kita telah sekali lagi menjangkau kepada anak-anak-Nya dalam kasih untuk mendedahkan rancangan kebahagiaan-Nya. Kita belajar mengenai rancangan yang istimewa ini di dalam Kitab Mormon, yang kamu boleh baca, renungkan dan juga berdoa mengenainya. Kami mengundang kamu untuk menghadiri Gereja dan bersembahyang bersama kami.

**Komitmen-Komitmen:**

- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada apa yang telah kami ajarkan adalah benar?
- Bolehkah kamu bertaubat akan dosa-dosa kamu?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Adakah kamu akan mengikuti teladan Juruselamat dan dibaptiskan pada (tarikh)?

Nota-Nota

- Bolehkah kita tetapkan masa untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

#### Rancangan Pelajaran Penuh (35-40 minit)

- Kehidupan Pradunia: Tujuan dan Rancangan Tuhan Bagi Kita
  - Tuhan ialah Bapa Syurgawi kita, dan kita ialah anak-anak-Nya (lihat Kisah Rasul-Rasul 17:16–34; Ibrani 12:9).
  - Tuhan mempunyai rancangan bagi kebahagiaan kita. Yesus Kristus adalah utama dalam rancangan tersebut.
  - Rancangan kebahagiaan Tuhan membolehkan kita untuk kembali ke dalam hadirat-Nya (lihat Musa 1:39).
  - Kemajuan abadi kita bergantung kepada bagaimana kita menggunakan hak pilihan kita (lihat 2 Nefi 2:27–29).
- Penciptaan
  - Di bawah arahan Bapa, Yesus Kristus menciptakan bumi (lihat Ibrani 1:1–3).
- Hak Pilihan serta Kejatuhan Adam dan Hawa
  - Adam dan Hawa diciptakan menurut rupa Tuhan (lihat Kejadian 1:26–27).
  - Di Taman Eden mereka tidak berdosa dan hidup di dalam hadirat Tuhan.
  - Kerana mereka memakan buah terlarang, mereka dihalau dari taman itu (lihat Musa 4:19–31). Ini digelar Kejatuhan.
  - Mereka menjadi fana, berupaya untuk mempunyai anak-anak, dan juga tunduk pada dosa serta kematian (lihat 2 Nefi 2:22–25; Musa 5:11).
- Kehidupan Kita di Bumi
  - Tujuan kita di bumi adalah untuk menemukan kedamaian, kegembiraan, dan kebahagiaan yang abadi sebagai keluarga serta untuk mempersiapkan diri untuk kembali dan hidup bersama Tuhan.
  - Kita datang ke bumi untuk diuji (lihat Abraham 3:24–25).
  - Kita memperoleh tubuh yang berisi dan bertulang, namun kita tunduk pada kematian jasmani.
  - Tuhan memberikan perintah-perintah. Jika kita patuh, kita diberkati. Jika kita tidak patuh, kita berdosa dan menerima akibat-akibatnya.
  - Semua dosa mesti dibayar balik, sama ada oleh diri kita sendiri atau oleh Kristus (lihat A&P 19:15–20).
  - Kita membuat pilihan-pilihan, dan kita semua berbuat dosa (lihat Roma 3:23).

## Nota-Nota

- Kita mengalami perkara yang mendatangkan kebahagiaan dan juga kesedihan kepada kita.
- Kita tidak dapat mengatasi kematian jasmani ataupun kematian rohani tanpa Kristus.
- Korban Tebusan
  - Kerana Yesus Kristus mengatasi kematian jasmani, kita semua akan dibangkitkan (lihat Alma 11:41–43).
  - Melalui Korban Tebusan Kristus kita dapat menjadi bersih dari dosa agar kita dapat kembali dan hidup di dalam hadirat Tuhan (lihat 2 Nefi 9:8–9).
  - Kristus akan mengampuni dosa-dosa kita apabila kita beriman kepada-Nya, bertaubat, menerima pembaptisan dan kurnia Roh Kudus, serta bertahan sampai akhir.
- Dunia Roh
  - Semua orang akan mati.
  - Pada kematian roh kita pergi ke dunia roh.
  - Menurut bagaimana kita menjalankan kehidupan ini, kita akan hidup dalam keadaan sengsara atau dalam keadaan damai dan penuh rehat.
- Kebangkitan, Penghakiman, dan Kebaqaan
  - Roh dan tubuh kita akan bersatu semula dalam kebangkitan (lihat Alma 11:42–45; 40:23).
  - Kita akan kembali ke dalam hadirat Tuhan untuk dihakim menurut perbuatan dan keinginan kita.
  - Sekiranya kita telah bertaubat, kita akan menerima belas kasihan.
  - Kehidupan abadi adalah sebuah kurnia Tuhan yang diberikan kepada orang yang mematuhi injil Yesus Kristus dengan sepe-nuhnya (lihat A&P 14:7).
- Kerajaan-Kerajaan Kemuliaan (lihat A&P 76; Joseph Smith—Penglihatan mengenai Kerajaan Selestial; 1 Korintus 15:40-42).
  - Kita menerima upah sesuai dengan perbuatan dan keinginan hati kita (lihat Joseph Smith—Penglihatan mengenai Kerajaan Selestial, ayat 9).
  - Orang yang menerima injil dan menjalankannya dengan berani sepanjang kehidupan mereka akan menerima kerajaan selestial (lihat A&P 76:50–70).
  - Orang-orang terhormat yang “dibutakan oleh kelicikan manusia” dan yang “tidak berani di dalam kesaksian Yesus [Kristus]” menerima kerajaan terestrial (lihat A&P 76:75, 79).
  - Orang yang berdosa dan tidak bertaubat akan menerima kemuliaan telestial setelah mereka menderita dan membayar dosa-dosa mereka.

#### Nota-Nota

#### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu berdoa untuk mengetahui sama ada apa yang telah kami ajarkan adalah benar?
- Bolehkah kamu bertaubat akan dosa-dosa kamu?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Adakah kamu akan mengikuti teladan Juruselamat dan dibaptiskan pada (tarikh)?
- Bolehkah kita tetapkan masa untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

#### Soalan-Soalan untuk Ditanya Setelah Anda Mengajar

- Adakah kamu apa-apa soalan tentang apa yang telah kami ajarkan?
- Apa yang kamu faham tentang rancangan Tuhan bagi kamu dan keluarga kamu?
- Dari apa yang telah kami ajarkan kepada kamu, apa yang kamu faham tentang peranan Yesus Kristus? Apa maksudnya itu kepada kamu?

#### Istilah-Istilah Penting

Berikut adalah istilah-istilah yang sering kali tidak difahami. Pastikan bahawa anda menerangkannya dengan jelas dan ketahui sama ada orang yang anda ajar memahaminya.

- **Kebaqaan:** Keadaan hidup buat selama-lamanya dalam sebuah keadaan yang telah dibangkitkan, tidak tertakluk kepada kematian jasmani.
- **Kebangkitan:** Bersatunya semula tubuh roh dengan tubuh jasmani yang berisi dan bertulang setelah kematian. Setelah kebangkitan, roh serta tubuh tidak akan pernah dipisahkan lagi, maka orang itu menjadi baqa. Setiap orang yang dilahirkan di bumi akan dibangkitkan kerana Yesus Kristus telah mengatasi kematian.
- **Kefanaan:** Jangka masa dari kelahiran di bumi ini sehingga kematian jasmani.
- **Kehidupan prafana (prakefanaan; kehidupan pradunia):** Sebagai anak-anak roh Bapa kita di Syurga, kita hidup di dalam hadirat-Nya sebelum kita lahir di bumi ini. Dalam kehidupan prafana kita tidak memiliki tubuh jasmani.
- **Kejatuhan (Adam dan Hawa):** Apabila Adam dan Hawa memakan buah terlarang, mereka menjadi fana—ertinya tertakluk kepada dosa dan kematian. Adam menjadi “daging pertama” di atas bumi (Musa 3:7). Wahyu zaman akhir menjelaskan bahawa Kejatuhan merupakan suatu berkat dan bahawa Adam serta Hawa patut dihormati sebagai orang tua pertama bagi semua umat manusia.
- **Kematian jasmani:** Pemisahan roh kita yang hidup buat selamanya dan tidak dapat mati, dari tubuh jasmani kita.

## Nota-Nota

- **Kematian rohani:** Pemisahan dari Tuhan dan pengaruh-pengaruh-Nya; untuk mati dalam hal-hal yang berkenaan kesolehan. Kematian rohani dibawa ke dalam dunia melalui kejatuhan Adam (lihat Alma 42:6–7). Makhluk fana dengan fikiran, perkataan, dan perbuatan yang jahat adalah mati secara rohani semasa masih hidup di bumi (lihat 2 Nefi 9:39). Melalui Korban Tebusan Yesus Kristus dan melalui kepatuhan pada asas-asas serta tatacara-tatacara injil, lelaki dan perempuan dapat menjadi bersih dari dosa dan mengatasi kematian rohani.
- **Penyelamatan:** Keadaan diselamatkan dari kematian jasmani dan rohani. Semua orang akan diselamatkan dari kematian jasmani melalui belas kasihan Tuhan, melalui kematian serta kebangkitan Yesus Kristus. Setiap orang pun dapat diselamatkan juga dari kematian rohani melalui belas kasihan Tuhan, melalui iman kepada Yesus Kristus. Iman ini dinyatakan dalam sebuah kehidupan yang penuh kepatuhan pada hukum-hukum dan tatacara-tatacara injil serta pelayanan kepada Kristus.
- **Korban Tebusan:** Sebagaimana digunakan dalam kitab-kitab suci, Korban Tebusan adalah penanggungungan hukuman bagi tindakan dosa, dan dengan demikian, menyingkirkan kesan-kesan dosa dari pendosa yang bertaubat dan membenarkan mereka untuk berbaik semula dengan Tuhan. Yesus Kristus menderita di Getsemani dan di atas salib. Dialah satu-satunya yang mampu melaksanakan sebuah Korban Tebusan yang sempurna bagi umat manusia. Dia menanggung hukuman bagi dosa-dosa kita di Getsemani serta mati di atas salib. Dia mengambil ke atas diri-Nya rasa sakit, penyakit, godaan, penderitaan, dan kesengsaraan kita semua (lihat Alma 7:11–12).
- **Penebusan:** Membebaskan, membeli, atau menebus, seperti membebaskan seseorang dari perhambaan dengan melakukan pembayaran. Penebusan merujuk pada Korban Tebusan Yesus Kristus dan pembebasan dari dosa. Korban Tebusan Yesus menebus seluruh umat manusia dari kematian jasmani. Melalui Korban Tebusan-Nya, orang yang beriman kepadanya dan bertaubat juga ditebus dari kematian rohani.
- **Penghukuman:** Tuhan, melalui Yesus Kristus, akan mengadili kita secara peribadi untuk menentukan kemuliaan abadi yang akan kita terima. Penghukuman ini akan berdasarkan kepatuhan kita pada perintah-perintah Tuhan, termasuk penerimaan kita akan Korban Tebusan Yesus Kristus. Kita akan menerima upah abadi kita berdasarkan perbuatan dan keinginan kita sama ada ia baik atau jahat.
- **Kemuliaan:** Kehidupan abadi di dalam hadirat Tuhan; menjadi seperti Bapa kita di Syurga dan hidup di dalam hadirat-Nya. Yang terbesar di antara semua kurniaan Tuhan. Kemuliaan datang melalui Korban Tebusan Kristus dan melalui kepatuhan pada semua hukum serta tatacara injil.

#### Istilah-Istilah Lain yang Mungkin Perlu Huraian Lebih Lanjut bagi Mereka yang Anda Ajar

- |                                 |                               |  |
|---------------------------------|-------------------------------|--|
| • Pembaptisan dengan pencelupan | • Iman                        | • Pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat |
| • Bertaubat                     | • Kehidupan abadi             | • Rancangan penyelamatan                             |
| • Buah terlarang                | • Kemajuan abadi              | • Selestial  |
| • Diampuni [dari dosa]          | • Kematian jasmani            | • Taman Eden   |
| • Dibersihkan [dari dosa]       | • Kerajaan-Kerajaan kemuliaan | • Telestial  |
| • Dosa                          | • Penciptaan                  | • Terestrial   |
| • Dunia roh                     | • Percubaan                   |  |
|                                 | • Pertentangan                |  |

## Injil Yesus Kristus



### Tujuan Anda

Apabila anda mengajar, mempersiapkan penyelidik supaya memenuhi syarat-syarat bagi pembaptisan sebagaimana diajarkan dalam Ajaran dan Perjanjian 20:37 serta dalam soalan-soalan temu duga pembaptisan. Ini paling tercapai apabila anda menjemput penyelidik untuk mengikat serta menepati komitmen-komitmen yang tercatat di bawah ini.

#### Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan

- Adakah kamu percaya bahawa Tuhan ialah Bapa kita yang Abadi?
- Adakah kamu percaya bahawa Yesus Kristus ialah Putera Tuhan, Penebus dan Juruselamat Dunia?
- Adakah kamu percaya bahawa Gereja serta injil Yesus Kristus telah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith?

#### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan terus mengembangkan iman kepada Yesus Kristus dengan terus belajar tentang injil-Nya?
- Adakah kamu akan bertaubat dan berdoa untuk meminta pengampunan atas dosa-dosa?
- Adakah kamu akan dibaptiskan sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada (tarikh)? Adakah kamu akan ditetapkan dan menerima kurnia Roh Kudus?
- Adakah kamu akan menghadiri gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

### Melalui Kristus Kita Dapat Dibersihkan dari Dosa

Tuhan mengutus Putera-Nya yang Terkasih, Yesus Kristus, ke dalam dunia supaya semua anak Tuhan akan menerima peluang untuk kembali dan hidup di dalam hadirat-Nya setelah mereka meninggal. Hanya melalui rahmat dan belas kasihan Juruselamat maka kita dapat menjadi bersih dari dosa agar kita dapat hidup di dalam hadirat Bapa Syurgawi kita. Menjadi bersih dari dosa bermaksud kita disembuhkan secara rohani (lihat 3 Nefi 9:13; 18:32).

Oleh kerana Korban Tebusan dan Kebangkitan Kristus, semua orang akan dibawa kembali ke dalam hadirat Tuhan untuk diadili menurut perbuatan serta keinginan mereka (lihat 2 Nefi 9:10–16; Helaman 14:15–18; 3 Nefi 27:14–22; A&P 137:9). Kita akan diadili menurut hukum-hukum keadilan dan belas kasihan.

Keadilan adalah hukum yang tidak berubah yang mendatangkan akibat-akibat untuk setiap tindakan—berkat bagi kepatuhan pada perintah-perintah Tuhan dan hukuman bagi ketidakpatuhan. Kita semua berbuat dosa. Dosa menjadikan kita tidak bersih, dan tidak ada sesuatu pun yang tidak bersih dapat hidup di dalam hadirat Tuhan (lihat 1 Nefi 10:21; 3 Nefi 27:19; Musa 6:57).

Apabila Juruselamat, sebagai pengganti untuk kita, menanggung hukuman bagi dosa kita, Dia memenuhi tuntutan keadilan bagi orang yang bertaubat akan dosa-dosa mereka dan yang berusaha untuk mematuhi perintah-perintah-Nya. Tindakan ini digelar Korban Tebusan. Oleh kerana tindakan yang tidak mementingkan diri ini, maka Kristus dapat memohon kepada Bapa demi kepentingan kita. Bapa Syurgawi dapat menurunkan belas kasihan, menahan hukuman-Nya dari kita, dan menerima kita ke dalam hadirat-Nya. Bapa Syurgawi menunjukkan belas kasihan apabila Dia mengampuni kita dari dosa-dosa kita dan membantu kita untuk kembali dan tinggal di dalam hadirat-Nya.

Bagaimanapun, Yesus tidak melepaskan kita dari tanggungjawab kita masing-masing. Dia mengampuni dosa-dosa kita apabila kita menerima Dia, bertaubat, dan mematuhi perintah-perintah-Nya. Melalui Korban Tebusan, sekiranya kita menjalankan injil-Nya kita menjadi layak untuk masuk ke dalam hadirat Bapa Syurgawi kita buat selamanya. Kita mesti menunjukkan bahawa kita menerima Kristus dan bahawa kita beriman kepada-Nya dengan mematuhi perintah-perintah-Nya serta mematuhi asas-asas dan tatacara-tatacara pertama injil.

### Dosa

Istilah “dosa” ada makna yang berbeza menurut budaya sesuatu tempat. Dalam beberapa budaya, maknanya berhubungan erat dengan konsep melakukan jenayah. Ada budaya lain di mana definisinya hanya menrangkumi bilamana seseorang melakukan sesuatu yang salah dan dengan demikian pelaku itu mendatangkan malu kepada keluarga atau masyarakat. Jelaskan bahawa dosa bermakna ketidakpatuhan pada perintah-perintah Tuhan dan berakibat dengan pemisahan dari Tuhan. Tuhan mengetahui segala apa yang kita lakukan serta fikirkan, dan kita mengecewakan Dia apabila kita berdosa. Janganlah berkongsi pelanggaran-pelanggaran anda dari masa lalu. Mohon kepada penyelidik supaya tidak berkongsi pelanggaran-pelanggaran mereka.

### Kajian Tulisan Suci

#### Tuhan Mengutus Putera-Nya

Alma 11:40

Yohanes 3:16–17

#### Penyelamatan Melalui Kristus

A&P 45:3–5

#### Kristus ialah Perantara Kita

2 Nefi 2:6–8

Alma 34:8–9,

2 Nefi 9:21–24

14–16

#### Belas Kasihan dan Keadilan

Mosia 15:9

Alma 42:22–25

## Iman kepada Yesus Kristus

Asas injil yang pertama adalah iman kepada Tuhan Yesus Kristus. Beriman kepada Kristus merangkumi suatu kepercayaan yang kukuh bahawa Dialah Putera Tunggal Tuhan serta Juruselamat dan Penebus dunia. Kita menyedari bahawa kita dapat kembali dan hidup bersama Bapa Syurgawi kita hanya dengan bersandar pada rahmat serta belas

## Nota-Nota



kasihan Putera-Nya. Apabila kita beriman kepada Kristus, kita menerima dan menerapkan Korban Tebusan-Nya serta ajaran-ajaran-Nya. Kita percaya kepada-Nya dan pada apa yang Dia firmankan. Kita tahu bahawa Dia berkuasa untuk menunaikan janji-janji-Nya. Bapa Syurgawi memberkati orang yang beriman untuk mematuhi Putera-Nya.

Iman kepada Kristus mendatangkan tindakan yang baik. Iman membawa kepada pertaubatan yang sungguh-sungguh dan berkekalan. Iman menyebabkan kita berusaha dengan sedaya-upaya kita untuk mempelajari serta mencontohi hidup Juruselamat. Kita mahu mengetahui apakah perintah-perintah-Nya dan mematuhi-Nya. Walaupun kita akan masih melakukan

kesalahan, kita menunjukkan kasih kita bagi-Nya dengan berusaha untuk mematuhi perintah-perintah-Nya serta mengelakkan dosa.

Kita mempercayai Kristus, dan kita percaya bahawa Dia mahukan kita untuk mematuhi segala perintah-Nya. Kita ingin menunjukkan iman kita dengan mematuhi-Nya. Kita berdoa dengan iman untuk menerima kekuatan untuk mengalahkan godaan. Kita juga dapat mengembangkan iman dalam sesuatu asas injil, misalnya Kata-Kata Bijaksana ataupun Persepuluhan, jika terlebih dahulu kita percaya kepada Yesus Kristus dengan cukup kuat untuk mematuhi perintah-perintah-Nya. Apabila kita menjalankan sesuatu perintah, maka kita belajar tentang kebenarannya dari pengalaman kita (lihat Yohanes 7:17). Iman kita juga berkembang apabila kita mendengar firman Tuhan (lihat Roma 10:17) serta membaca firman Tuhan (lihat Helaman 15:7–8).

Selagi kita mematuhi Tuhan, Dia memberkati kita. Dia memberi kita kuasa untuk menghadapi serta menempuhi cabaran-cabaran kehidupan. Dia membantu kita mengubah keinginan hati kita. Melalui iman kita kepada Yesus Kristus, Dia dapat menyembuhkan kita, secara jasmani mahupun rohani.

## Kajian Tulisan Suci

## Iman, Kuasa, dan Penyelamatan

1 Nefi 7:12  
2 Nefi 9:23  
2 Nefi 25:23

Moroni 7:33–34  
Moroni 10:7

## Ajaran Iman

Alma 32  
Efesus 2:8

Guide to the  
Scriptures,  
“Faith”

## Teladan-teladan Iman

Ether 12                      Ibrani 11

## Perbuatan dan Kepatuhan

1 Nefi 3:7                      Yohanes 2:17–26  
A&P 130:20–21

## Iman kepada Pertaubatan

Alma 34

## Pertaubatan

Asas kedua injil adalah pertaubatan. Iman kita kepada Kristus dan kasih kita terhadap-Nya menyebabkan kita bertaubat, atau untuk mengubah fikiran, kepercayaan, dan kelakuan kita yang tidak sehaluan dengan kehendak-Nya. Pertaubatan merangkumi membentuk suatu pandangan yang baru tentang Tuhan, diri kita sendiri, dan dunia. Apabila kita bertaubat, kita berasa dukacita menurut kehendak Tuhan, kemudian kita berhenti melakukan kesalahan dan terus berbuat yang benar. Menyelaraskan cara hidup kita dengan kehendak Tuhan melalui pertaubatan menjadi tujuan utama hidup kita. Hanya



## Nota-Nota

dengan belas kasihan Kristus saja dapat kita kembali untuk hidup bersama Tuhan dan kita hanya menerima belas kasihan Kristus atas syarat pertaubatan.

Untuk bertaubat, kita menyadari dosa-dosa kita dan merasa sesal akannya, ataupun berdukacita menurut kehendak Tuhan. Kita mengakui dosa-dosa kita kepada Tuhan. Kita juga mengakui dosa-dosa yang sangat berat kepada pemimpin-pemimpin Gereja yang telah diberi kewenangan oleh Tuhan untuk membantu kita bertaubat. Kita meminta kepada Tuhan dalam doa untuk mengampuni kita. Kita berusaha sedaya-upaya kita untuk membetulkan masalah-masalah yang telah timbul oleh kerana tindakan kita; ini digelar pembedulan. Apabila kita bertaubat, pandangan kita berkenaan diri kita dan dunia berubah. Apabila kita berubah, kita menyadari bahawa kita ialah anak-anak Tuhan dan bahawa kita tidak perlu berulang-ulang melakukan kesalahan kita. Jika kita bertaubat dengan sungguh-sungguh, kita berpaling daripada dosa-dosa kita dan tidak melakukannya lagi. Kita menolak segala keinginan untuk berbuat dosa. Keinginan kita untuk mengikuti Tuhan menjadi lebih kuat dan mendalam.

Pertaubatan yang sungguh-sungguh membawa beberapa hasil. Kita merasakan pengampunan serta kedamaian Tuhan di dalam kehidupan kita. Perasaan bersalah dan dukacita kita dihapuskan. Kita merasakan pengaruh Roh dengan lebih banyak. Lebih-lebih lagi, apabila kita meninggalkan dunia ini, kita akan lebih bersedia untuk tinggal bersama Bapa Syurgawi kita dan Putera-Nya.

Bahkan selepas kita sudah menerima Kristus dan bertaubat akan dosa-dosa kita, kita mungkin akan jatuh dan berdosa lagi. Kita mesti terus berusaha dengan sungguh-sungguh untuk membetulkan pelanggaran-pelanggaran sebegini. Sebagai tambahan, kita mesti berusaha maju secara terus-menerus—untuk mengembangkan sifat-sifat seperti Kristus, berkembang dalam pengetahuan, dan memberi pelayanan dengan lebih efektif. Ketika kita belajar dengan lebih tentang apa yang diharapkan oleh Juruselamat dari kita, kita akan berkeinginan untuk menunjukkan kasih kita dengan kepatuhan kepada-Nya. Oleh yang demikian, sekiranya kita bertaubat setiap hari, kita akan menyaksikan hidup kita berubah dan bertambah baik. Hati serta perbuatan kita akan berubah menjadi lebih seperti Kristus. Akhirnya kita akan berasa kegembiraan yang teramat kerana bertaubat setiap hari.

**Kajian Tulisan Suci****Kita Semua Berdosa**

Roma 3:23

1 Yohanes 1:7–8

**Penebusan dan Pengampunan**

Helaman 5:10–11

**Pertaubatan**

Alma 34:8–17

A&amp;P 58:42–43

A&amp;P 61:2

2 Korintus 7:9–10

Guide to the  
Scriptures,  
“Repent,  
Repentance”**Belas Kasihan Mengakui Orang yang Bertaubat**

Alma 12:32–35

Alma 42:13, 21–24

A&amp;P 18:10–13

**Pembaptisan, Perjanjian Kita yang Pertama**

Iman kepada Yesus Kristus dan pertaubatan mempersiapkan kita untuk menerima tatacara-tatacara pembaptisan serta penetapan. Tatacara merupakan suatu upacara atau istiadat kudus yang menunjukkan bahawa kita telah mengikat perjanjian dengan Tuhan.

Semenjak dulu kala Tuhan telah menyuruh anak-anak-Nya untuk mengikat perjanjian-perjanjian. Sebuah perjanjian adalah persetujuan yang mengikat dan serius antara Tuhan dan manusia. Tuhan berjanji untuk memberkati kita, dan kita berjanji untuk

## Nota-Nota



mematuhi-Nya. Tuhan menentukan syarat-syarat perjanjian injil, yang mana kita menerimanya ataupun menolaknya. Menunaikan perjanjian mendatangkan berkat-berkat dalam kehidupan ini dan kemuliaan di dalam kehidupan yang akan datang.

Perjanjian-perjanjian meletakkan kita di bawah satu kewajiban yang kuat untuk menepati komitmen-komitmen kita kepada Tuhan. Untuk menepati perjanjian-perjanjian kita, kita mesti menghindari kegiatan mahupun minat yang menghalang kita untuk menunaikan perjanjian tersebut. Misalnya, kita tidak membeli-belah ataupun mencari hiburan pada hari Ahad supaya kita dapat menguduskan hari Sabat. Kita seharusnya berkeinginan untuk menjadi layak menerima perjanjian-perjanjian yang Tuhan tawarkan kepada kita, lalu berusaha untuk menepatinya. Perjanjian kita mengingatkan kita supaya bertaubat

setiap hari sepanjang kehidupan kita. Dengan mematuhi perintah-perintah serta melayani orang lain, kita menerima pengampunan yang berkekalan atas dosa-dosa kita.

Perjanjian-perjanjian biasanya diikat melalui tatacara-tatacara kudus, seperti pembaptisan. Tatacara-tatacara ini dilaksanakan oleh pemegang kewenangan imamat. Misalnya, melalui tatacara pembaptisan kita mengikat perjanjian untuk mengambil nama Yesus Kristus ke atas diri kita, sentiasa mengingat Dia, dan mematuhi perintah-perintah-Nya. Apabila kita mematuhi perjanjian kita, Tuhan menjanjikan penemanan tetap Roh Kudus, pengampunan atas dosa-dosa kita, dan kelahiran semula.

Melalui tatacara-tatacara kudus, seperti pembaptisan dan penetapan, kita belajar mengenai dan mengalami kuasa Tuhan (lihat A&P 84:20). Yesus mengajarkan bahawa kita mesti dibaptiskan dengan pencelupan di dalam air demi pengampunan dosa-dosa kita. Pembaptisan merupakan tatacara yang perlu demi penyelamatan. Tidak seorang pun dapat memasuki kerajaan Tuhan tanpa dibaptiskan. Kristus telah menjadi teladan bagi kita dengan dibaptiskan.

Pembaptisan dengan pencelupan dalam air merupakan lambang kematian, penguburan, dan kebangkitan Juruselamat. Begitu juga ia melambangkan penamatan hidup lama kita yang berdosa dan suatu kezaman untuk memulakan hidup yang baru sebagai seorang pengikut Kristus. Juruselamat telah mengajar bahawa pembaptisan merupakan suatu kelahiran semula. Ketika kita dibaptiskan kita memulakan proses kelahiran semula serta menjadi para putera dan puteri rohani Kristus (lihat Mosia 5:7–8; Roma 8:14–17).

Kita mesti dibaptiskan untuk menjadi ahli Gereja yang dipulihkan, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dan akhirnya memasuki kerajaan syurga. Tatacara ini merupakan hukum Tuhan dan mesti dilaksanakan dengan kewenangan-Nya. Seorang uskup atau presiden misi mesti memberi izin kepada seorang pemegang imamat sebelum melaksanakan pembaptisan atau penetapan.

Anak-anak kecil tidak perlu dibaptiskan kerana mereka sudah ditebus melalui belas kasihan Yesus Kristus (lihat Moroni 8:4–24). Mereka tidak perlu dibaptiskan sehingga mereka mencapai usia kebertanggungjawaban, iaitu umur 8 tahun (lihat A&P 68:27).

Sebelum baptisan, kita menunjukkan kesanggupan kita untuk mengikat janji bahawa kita akan mematuhi semua perintah Tuhan seumur hidup kita. Setelah pembaptisan kita menunjukkan iman kita dengan menepati perjanjian kita. Kita juga sering

memperbaharui perjanjian pembaptisan kita dengan mengambil sakramen. Mengambil sakramen setiap minggu merupakan suatu perintah. Ia membantu kita untuk tetap layak bagi penanaman Roh Kudus. Mengambil sakramen setiap minggu merupakan peringatan mingguan tentang perjanjian-perjanjian kita. Yesus Kristus memperkenalkan tatacara ini kepada para Rasul-Nya sebelum Korban Tebusan-Nya. Dia memulihkannya melalui Nabi Joseph Smith. Juruselamat memerintahkan agar para pemegang imamat supaya melaksanakan sakramen sebagai peringatan akan tubuh dan darah-Nya, yang telah Dia tumpahkan bagi kita. Apabila kita mengambil sakramen dengan layak, kita berjanji untuk selalu mengingat pengorbanan-Nya, kita memperbaharui janji-janji kita, dan kita menerima semula perjanjian bahwa Roh akan tetap bersama kita.

Nota-Nota

### Sebelum Pembaptisan

“Pastikan bahwa [penyelidik] telah mengembangkan iman kepada Kristus, bertaubat dari pelanggaran-pelanggarannya, serta membuat perubahan-perubahan yang cukup dalam kehidupan mereka agar memenuhi syarat sebagaimana diperintahkan dalam Ajaran dan Perjanjian 20:37. Para penyelidik hendaknya menjalankan asas-asas kelayakan moral, Kata-Kata Bijaksana, dan bertekad untuk membayar persepuluhan. Jika para mubaligh berasa bahwa persiapan tambahan diperlukan, mereka hendaknya menanggukuhkan pembaptisan sampai penyelidik memenuhi standard tersebut.

Sebelum pembaptisan setiap penyelidik hendaknya menerima semua pelajaran mubaligh, bertemu dengan uskup atau presiden cabang, dan menghadiri pertemuan sakramen beberapa kali” (“Pernyataan mengenai Pekerjaan Mubaligh,” surat presidensi Utama, 11 Disember 2002).

### Kajian Tulisan Suci

#### Teladan Kristus

2 Nefi 31:4–18

Matius 3:13–17

#### Perjanjian Pembaptisan

Mosia 5:8–10

A&amp;P 20:37

Mosia 18:8–10

#### Syarat-syarat Pembaptisan

2 Nefi 9:23

Moroni 6:1–4

Mosia 18:8–10

A&amp;P 20:37

Alma 7:14–15

Kisah Rasul-Rasul

3 Nefi 11:23–27

2:37–39

#### Tuhan Mengadakan Sakramen

3 Nefi 18:1–18

Lukas 22:15–20

#### Berkat-berkat Pembaptisan yang Dijanjikan

Mosia 4:11–12, 26

Yohanes 3:5

Moroni 8:25–26

Roma 6:4

#### Doa-Doa Sakramen

Moroni 4 and 5

A&amp;P 20:75–79

#### Mengambil Sakramen

A&amp;P 27:2

11:23–29

1 Korintus

#### Perlunya Kewenangan

A&amp;P 22

Ibrani 5:4

## Kurnia Roh Kudus

Yesus telah mengajar bahawa kita mesti dibaptiskan dengan air dan juga dengan Roh. Pembaptisan dengan air mesti diikuti dengan pembaptisan dengan Roh atau pembaptisan itu tidaklah lengkap. Hanya apabila kita menerima pembaptisan serta kurnia Roh Kudus maka kita dapat menerima pengampunan atas dosa-dosa kita dan betul-betul dilahirkan semula secara rohani. Lalu kita memulakan kehidupan rohani yang baru sebagai murid-murid Kristus.

## Nota-Nota

Selepas seseorang dibaptiskan dengan air, satu orang atau lebih pemegang imamat yang berwenang menumpangkan tangan mereka di atas kepala orang tersebut dan menetakannya sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Setelah itu mereka menganugerahkan kurnia Roh Kudus.

Orang yang menerima kurnia Roh Kudus dan tetap layak boleh menikmati pene-manan-Nya sepanjang kehidupan mereka. Roh Kudus meninggalkan kesan yang menyucikan dan membersihkan pada diri kita. Roh Kudus bersaksi tentang Kristus dan membantu kita mengenali kebenaran. Dia memberi kekuatan rohani dan membantu kita melakukan apa yang benar. Dia memberi ketenangan hati kepada kita apabila kita meng-hadapi cubaan atau penderitaan. Dia memberi amaran kepada kita akan bahaya yang rohani mahupun fizikal. Roh Kudus memberi kuasa yang melaluinya kita dapat me-ngajar dan belajar. Kurnia Roh Kudus merupakan salah satu dari kurnia Bapa Syurgawi kita yang paling berharga. Melalui kuasa Roh Kudus kita dapat merasa kasih Tuhan serta menerima bimbingan daripada-Nya. Kurnia ini merupakan suatu pembayang kegembiraan abadi kita dan suatu jaminan akan kehidupan abadi.

Kewenangan imamat diperlukan untuk melaksanakan tatacara ini, yang telah hilang berabad-abad dahulu disebabkan kemurtadan, telah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith. Hanya melalui keahlian di dalam Gereja ini dapat seseorang menerima kurnia Roh Kudus. Kewenangan ini menjadikan Gereja ini berbeza dari mana-mana agama lain di dunia. Tuhan sendiri telah menegaskan bahawa ia merupakan “satu-satunya Gereja yang benar dan hidup di atas segenap permukaan bumi” (A&P 1:30).

**Bimbingan dari Roh Kudus**

Jelaskan kepada mereka yang anda sedang ajar bahawa Setan menentang Tuhan dan memujuk orang untuk berdosa. Untuk mempertahankan perasaan yang baik yang mereka miliki ketika bertemu dengan para mubaligh, mereka hendaknya membaca Kitab Mormon, berdoa, menghadiri Gereja, dan mematuhi perintah-perintah. Jelaskan bahawa memiliki bimbingan Roh Kudus yang berterusan merupakan salah satu daripada manfaat-manfaat dibaptiskan dan ditetapkan.

**Kajian Tulisan Suci****Sifat Roh Kudus**

A&P 130:22–23  
Yohanes 3:1–8

Galilea 5:22–23

Guide to the Scriptures,  
“Holy Ghost”

**Berkat-berkat dan Pengaruh dari Roh Kudus**

2 Nefi 32:1–5  
2 Nefi 33:1–2

Musa 6:61  
Yohanes 14:26

Guide to the Scriptures,  
“Holy Ghost”

**Pentingnya Kurnia Roh Kudus**

2 Nefi 31:11–12, 18, 21  
3 Nefi 18:36–37  
3 Nefi 19:13

3 Nefi 27:19–20  
A&P 19:31  
A&P 33:15

Kisah Rasul-Rasul  
19:1–6

## Bertahan Sampai Akhir

Setelah kita telah memasuki jalan yang ketat dan sempit melalui iman kita kepada Yesus Kristus, pertaubatan, serta tatacara pembaptisan dan penetapan, kita mesti menggunakan setiap usaha untuk kekal di jalan itu. Untuk mencapai ini, kita mesti terus menjalankan iman kepada Yesus Kristus, bertaubat, membuat komitmen-komitmen, dan mengikuti Roh.

Setelah kita telah diampuni atas dosa-dosa kita, kita hendaknya berusaha setiap hari untuk bebas dari dosa supaya Roh Kudus sentiasa dapat bersama dengan kita. Dalam perjanjian pembaptisan, kita berjanji kepada Bapa kita di Syurga bahawa kita akan mematuhi perintah-perintah-Nya seumur hidup kita. Jika kita gagal, kita mesti bertaubat supaya tidak kehilangan berkat-berkat perjanjian ini. Kita berjanji untuk berbuat baik, melayani sesama, dan mengikuti teladan Juruselamat. Dalam tulisan suci, komitmen seumur hidup ini sering digelar “bertahan sampai akhir.”

Dengan mengikuti jalan injil, kita dapat menjadi lebih dekat dengan Tuhan, mengalahkan godaan dan dosa, serta menikmati kurnia Roh Kudus dengan lebih banyak. Sekiranya kita mengikuti jalan ini dengan kesabaran, kesetiaan, dan secara berterusan sepanjang hidup kita, maka kita akan layak untuk kehidupan abadi.

Iman kepada Kristus; pertaubatan; membuat, memperbaharui, dan menepati perjanjian- perjanjian; serta menjadi bersih melalui Roh menjadi suatu amalan hidup kita. Tindakan kita dalam kehidupan harian dibentuk dan dikawal oleh asas-asas ini. Kedamaian dan kegembiraan datang melalui cara ini, dan kita perlahan-lahan berkembang dalam sifat-sifat seperti Kristus. Pada akhirnya, jika kita mengikuti jalan ini serta “maju terus dengan suatu ketabahan dalam Kristus ... dan bertahan sampai akhir,” kita dijanjikan, “kamu akan memperoleh hidup yang abadi” (2 Nefi 31:20).

### Kajian Tulisan Suci

#### Bertahan Sampai Akhir

2 Nefi 9:24	3 Nefi 27:16–17
2 Nefi 31:14–20	Matius 10:22

#### Berkat-berkat bagi Mereka yang Bertahan

1 Nefi 13:37	3 Nefi 15:9	A&P 14:7
--------------	-------------	----------

### Undangan untuk Dibaptiskan

Undangan untuk dibaptiskan dan ditetapkan mesti disebut dengan tepat dan langsung. “Akankah kamu mengikuti teladan Yesus Kristus dengan dibaptiskan oleh seseorang yang pemegang kewenangan imamat Tuhan? Kami akan mengadakan upacara pembaptisan pada (tarikh). Bolehkah kamu mempersiapkan diri kamu untuk dibaptiskan pada (tarikh)?”

Nota-Nota

Nota-Nota

### Idea-Idea untuk Mengajar

Bahagian ini berisi dengan idea-idea bagi anda gunakan dalam mempersiapkan dan mengajarkan pelajaran ini. Dengan doa yang sungguh-sungguh ikutilah Roh apabila anda memutuskan bagaimana menggunakan idea-idea ini. Tambahkan idea-idea yang anda pilih ke dalam rancangan pelajaran anda. Ingatlah bahawa idea-idea ini merupakan saranan—bukan syarat—untuk membantu anda memenuhi keperluan mereka yang anda ajar.

#### Rancangan Pelajaran Singkat (3–5 minit)

Injil Yesus Kristus merupakan satu-satunya jalan menuju ke kehidupan abadi. Asas-asas dan tatacara-tatacara injil-Nya yang pertama adalah iman kepada Yesus Kristus, pertaubatan, pembaptisan dengan pencelupan di dalam air demi pengampunan dosa, dan menerima kurnia Roh Kudus. Kemudian kita mesti bertahan sampai akhir. Dengan menerapkan asas-asas ini seumur hidup kita, kita mengikuti teladan Juruselamat, belajar untuk mematuhi perintah-perintah-Nya, dan mengembangkan sifat-sifat seperti Kristus. Kita dapat diampuni dari dosa-dosa kita, dan kita akan mampu untuk kembali dan hidup di dalam hadirat Bapa kita di Syurga.

- Melalui Kristus Kita Dapat Dibersihkan dari Dosa
- Iman kepada Yesus Kristus
- Pertaubatan
- Pembaptisan, Perjanjian Kita yang Pertama
- Kurnia Roh Kudus
- Bertahan Sampai Akhir

#### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan terus mengembangkan iman kepada Yesus Kristus dengan terus belajar mengenai injil-Nya?
- Adakah kamu akan bertaubat dan berdoa untuk mencari pengampunan dosa-dosa?
- Adakah kamu akan dibaptiskan sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada (tarikh)? Adakah kamu akan ditetapkan dan menerima kurnia Roh Kudus?
- Adakah kamu akan menghadiri Gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

## Nota-Nota

**Rancangan Pelajaran Sederhana (10–15 menit)**

Pesanan kami berfokus pada iman dan harapan. Kami mengasihi serta menyembah Yesus Kristus. Dia ialah pusat dalam rancangan Tuhan bagi kebahagiaan kita. Korban Tebusan Kristus membolehkan kita supaya dapat mempunyai kehidupan abadi di dalam hadirat Tuhan. Apabila kita menjalankan injil-Nya, Dia dengan penuh belas kasihan akan mengampuni dosa-dosa kita. Dia akan menyembuhkan kita dan menggantikan rasa bersalah dan malu dengan kedamaian serta kebahagiaan dalam kehidupan ini.

Injil Yesus Kristus adalah mudah difahami. Ia bermula dengan iman kepada Kristus. Kita percaya kepada-Nya dan bergantung kepada-Nya. Iman yang sebegini membuat kita ingin bertaubat—untuk berhenti melakukan apa yang salah dan terus melakukan apa yang benar. Iman kita kepada-Nya juga membuat kita ingin menunjukkan kasih kita dengan mematuhi perintah-perintah-Nya, termasuk pembaptisan. Setelah pembaptisan, Dia berjanji untuk memberikan kita kurnia Roh Kudus. Roh Kudus akan membimbing kita, menenangkan hati kita, dan membantu kita untuk mengetahui apa yang benar. Kita dapat mengetahuinya di dalam hati serta fikiran kita apabila Roh Kudus bersama dengan kita. Kita akan berasa damai, kasih, serta kebahagiaan. Kita akan berkeinginan untuk melayani orang lain. Kita akan berusaha sepanjang kehidupan kita untuk menyenangkan hati Tuhan.

Yesus Kristus telah memulihkan injil-Nya melalui seorang nabi zaman akhir. Kita belajar mengenai injil di dalam Kitab Mormon, yang dapat kamu baca, renungkan serta berdoa mengenainya. Tuhan akan memberitahu kamu melalui kuasa Roh Kudus bahawa hal-hal ini adalah benar. Apabila kamu mengetahui akan kebenaran hal-hal ini, kamu akan ingin bertaubat dan dibaptiskan supaya kamu dapat menerima pengampunan atas dosa-dosa kamu dan menerima kurnia Roh Kudus.

**Komitmen-Komitmen:**

- Adakah kamu akan terus mengembangkan iman kepada Yesus Kristus dengan terus belajar mengenai injil-Nya?
- Adakah kamu akan bertaubat dan berdoa demi pengampunan dosa?
- Adakah kamu akan dibaptiskan sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada (tarikh)? Adakah kamu akan ditetapkan dan menerima kurnia Roh Kudus?
- Adakah kamu akan menghadiri Gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

#### Nota-Nota

#### Rancangan Pelajaran Penuh (30–45 minit)

- Melalui Kristus Kita Dapat Dibersihkan dari Dosa
  - Tuhan mengutus Putera-Nya yang Terkasih, Yesus Kristus, ke dunia (lihat Yohanes 3:16–17).
  - Hanya melalui rahmat dan belas kasihan Kristus maka kita dapat menjadi bersih dari dosa (lihat 2 Nefi 2:6–8).
  - Kita bertanggungjawab untuk menerima Kristus, bertaubat, dan mematuhi-Nya.
- Iman kepada Yesus Kristus
  - Kita mesti percaya kepada Kristus sebagai Juruselamat dunia.
  - Dia ingin kita menerima dan mengikuti ajaran-ajaran-Nya.
  - Kita menerima berkat-berkat apabila kita patuh (lihat A&P 130:20–21).
- Pertaubatan
  - Iman kepada Kristus menuntun pada pertaubatan (lihat Alma 34).
  - Kita berasa duka menurut kehendak Tuhan kerana telah berdosa (lihat 2 Korintus 7:9–10).
  - Kita berhenti melakukan apa yang salah dan terus melakukan apa yang benar.
  - Kita mengakui dosa-dosa kita, dan kita mengakui dosa-dosa yang besar kepada pemimpin Gereja, yang dapat membantu kita bertaubat (lihat A&P 58:43).
  - Kita menerima pengampunan; rasa bersalah dan kedukaan akan digantikan dengan kedamaian (lihat Alma 36:17–21).
- Pembaptisan, Perjanjian Kita yang Pertama
  - Tatacara adalah suatu upacara suci yang melaluinya kita mengikat perjanjian dengan Tuhan.
  - Sebuah perjanjian adalah suatu persetujuan yang serius di antara Tuhan dan anak-anak-Nya.
  - Menepati Perjanjian mendatangkan berkat-berkat.
  - Kita dibaptiskan dengan pencelupan dalam air demi pengampunan dosa-dosa (lihat Fasal-Fasal Kepercayaan ke-4).
  - Ketika kita dibaptiskan kita memulai sebuah kehidupan baru dengan memberi komitmen kepada Kristus (lihat Roma 6:3–8).
  - Pembaptisan mesti dilaksanakan oleh seseorang yang memegang kewenangan imamat.
  - Kita memperbaharui perjanjian kita dengan mengambil sakramen setiap minggu (A&P 20:77, 79).



## Nota-Nota

- Kurnia Roh Kudus
  - Pembaptisan dengan pencelupan dalam air diikuti dengan pembaptisan dengan Roh; kedua-duanya tak terpisah.
  - Para pemegang imamat menganugerahkan kurnia Roh Kudus dengan perletakan tangan.
  - Roh Kudus mengajar kita, membersihkan kita, memberi ketenangan hati kepada kita, bersaksi akan kebenaran, memberi amaran kepada kita, dan memimpin kita (lihat 2 Nefi 32:1–5; Mosia 5:1–6; Moroni 10:5; A&P 36:2).
- Bertahan Sampai Akhir
  - Kita mesti terus maju di jalan itu sesudah kita dibaptiskan serta ditetapkan.
  - Kita melakukan sedaya upaya kita supaya bebas dari dosa agar kita dapat menikmati kurnia Roh Kudus.
  - Dengan setia mengikuti jalan injil --yaitu iman, pertaubatan, mengikat serta menepati perjanjian, dan menerima Roh Kudus, kita dapat memenuhi syarat untuk kehidupan abadi (lihat 2 Nefi 31:14–20).
  - Kita mesti bertaubat dengan terus-menerus seumur hidup kita (lihat A&P 19:15–20).

**Komitmen-Komitmen:**

- Adakah kamu akan terus mengembangkan iman kepada Yesus Kristus dengan terus belajar mengenai injil-Nya?
- Adakah kamu akan bertaubat dan berdoa demi pengampunan dosa?
- Adakah kamu akan dibaptiskan sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada (tarikh)? Adakah kamu akan ditetapkan dan menerima kurnia Roh Kudus?
- Adakah kamu akan menghadiri Gereja bersama kami pada hari Ahad ini?
- Bolehkah kita tetapkan waktu untuk lawatan kami yang berikutnya?
- Perintah-perintah dari pelajaran 4 yang anda pilih untuk masukkan.

**Soalan-Soalan untuk Ditanya Setelah Anda Mengajar**

- Adakah kamu soalan-soalan tentang apa yang telah kami ajarkan?
- Apakah maksudnya bertaubat?
- Mengapa kurnia Roh Kudus merupakan bahagian injil yang penting?
- Kenapa penting bagi kamu untuk dibaptiskan dan menerima kurnia Roh Kudus?
- Adakah apa-apa dari pertemuan Gereja kami yang kamu tidak fahami?
- Apa yang kamu suka tentang pertemuan Gereja kami?

### Nota-Nota

#### Istilah-Istilah Penting

- **Belas Kasihan:** Semangat simpati, kelembutan, dan pengampunan. Belas kasihan adalah salah satu dari sifat-sifat Tuhan. Yesus Kristus berbelas kasihan kepada kita melalui Korban Tebusan-Nya dengan syarat pertaubatan.
- **Bertahan Sampai Akhir:** Tetap setia pada perintah-perintah Tuhan seumur hidup walaupun ada godaan, pertentangan, dan kesengsaraan.
- **Injil:** Rancangan penyelamatan Tuhan, dimungkinkan melalui Korban Tebusan Yesus Kristus. injil merangkumi kebenaran-kebenaran abadi atau hukum-hukum, perjanjian-perjanjian, serta tatacara-tatacara yang perlu bagi manusia untuk kembali ke dalam hadirat Tuhan.
- **Rahmat:** Kuasa dari Yesus Kristus yang membenarkan kita supaya dapat menerima berkat-berkat dalam kehidupan ini serta untuk memperoleh kehidupan yang abadi dan kemuliaan setelah kita beriman, bertaubat, dan berusaha sedaya upaya kita untuk mematuhi perintah-perintah. Bantuan atau kekuatan ilahi seperti ini diberikan kerana belas kasihan serta kasih Yesus Kristus. Kita semua memerlukan rahmat Tuhan kerana kejatuhan Adam dan juga kerana kelemahan-kelemahan kita.
- **Kehidupan yang Abadi:** Hidup selama-lamanya sebagai keluarga di dalam hadirat Tuhan (lihat A&P 132:19–20). Hidup yang abadi merupakan kurniaan Tuhan yang terbesar bagi manusia.
- **Penetapan:** Perletakan tangan oleh mereka yang memegang Imamat Melkisedek untuk menjadi ahli Gereja serta menganugerahkan kurnia Roh Kudus.
- **Penggantian (pengembalian):** Pengembalian sesuatu yang telah diambil atau hilang.
- **Perjanjian:** Sebuah persetujuan di antara Tuhan dan anak-anak-Nya. Kita tidak bertindak sebagai pihak yang setara dalam persetujuan-persetujuan ini. Tuhan memberikan syarat-syarat untuk perjanjian, dan kita bersetuju untuk melakukan apa yang Dia minta untuk kita lakukan. Lalu Tuhan menjanjikan kita berkat-berkat tertentu menurut kepatuhan kita. Kita menerima tatacara-tatacara melalui perjanjian. Apabila kita membuat perjanjian yang sebegini, kita berjanji untuk menghormatinya. Misalnya, ahli Gereja mengikat perjanjian dengan Tuhan pada pembaptisan dan memperbaharui perjanjian itu dengan mengambil sakramen. Kita membuat perjanjian-perjanjian yang selanjutnya di dalam bait suci. Umat Tuhan adalah umat perjanjian. Kita sangat diberkati apabila kita mematuhi perjanjian kita dengan Tuhan.

#### Istilah-Istilah Lain yang Mungkin Perlu Huraian Lebih Lanjut bagi Mereka yang Anda Ajar

- Bersih dari dosa
- Doa
- Godaan
- Jalan yang ketat dan sempit
- Pengakuan
- Pengampunan
- Sakramen

# Perintah-perintah

*Mempersiapkan Diri untuk Pembaptisan dan Penetapan*

Nota-Nota



## Mengajarkan Pelajaran Ini

Ada banyak cara untuk mengajarkan perintah-perintah di dalam pelajaran ini. Misalnya, anda dapat mengajarkan beberapa perintah dari pelajaran ini sebagai sebahagian dari tiga pelajaran pertama, atau anda dapat mengajarkan beberapa perintah sebagai pelajaran tunggal. Apa yang anda lakukan patut ditentukan oleh keperluan penyelidik dan bimbingan dari Roh.

## Mempersiapkan Diri untuk Mengajar

Tujuan anda dalam mengajarkan perintah-perintah adalah untuk membantu orang menjalankan injil dengan beriman kepada Yesus Kristus dan bertaubat ketika mereka mempersiapkan diri untuk pembaptisan dan penetapan. Dengan mematuhi perintah-perintah, orang-orang akan berkembang dalam kesaksian tentang injil, menunjukkan bahawa mereka mempunyai “hati yang patah dan jiwa yang menyesal,” dan mulai bertaubat akan semua dosa-dosa mereka (lihat Moroni 6:1–4; A&P 20:37).

Pelajaran ini diatur berbeza dengan aturan tiga pelajaran yang pertama. Tiga pelajaran yang pertama menjelaskan dasar ajaran injil Yesus Kristus. Pelajaran ini menjelaskan perintah-perintah tertentu yang telah Tuhan berikan untuk membantu kita menerapkan asas-asas injil dalam kehidupan kita.

Ada banyak cara untuk mengajarkan pelajaran ini. Cara yang anda gunakan untuk mengajar hendaknya menurut bimbingan dari Roh dan memenuhi keperluan penyelidik. Anda patut selalu berfikir dan berdoa mengenai cara untuk membantu penyelidik menjalankan injil. Idea-idea merangkumi:

- Mengajarkan satu perintah atau lebih sebagai sebahagian dari tiga pelajaran pertama. Apabila mengajar menurut cara ini, pertimbangkanlah asas yang diajarkan dalam Alma 12:32: “Tuhan memberi mereka perintah-perintah, *setelah* memberitahukan kepada mereka tentang rancangan penebusan” (cetak miring ditambahkan). Perintah-perintah tertentu, seperti doa dan mempelajari kitab-kitab suci paling baik diajarkan sebagai sebahagian dari tiga pelajaran pertama. Perintah-perintah lainnya paling baik diajarkan setelah anda sudah membina dasar daripada ajaran injil yang terdapat dalam tiga pelajaran yang pertama.

- Mengajarkan dua atau tiga dari perintah-perintah ini sebagai pelajaran tunggal.
- Mengajarkan satu perintah sebagai satu pelajaran.
- Mengajarkan perintah-perintah dalam konteks injil. Secara singkat mengulang kaji pelajaran tentang injil Yesus Kristus sebelum mengajarkan satu perintah atau lebih. Apabila melakukan ini, anda dapat membantu penyelidik melihat bagaimana perintah-perintah tersebut menjadi bahagian dalam gambaran yang lebih luas dalam menjalankan iman kepada Juruselamat dan pertaubatan sebagai persiapan untuk pembaptisan dan penetapan. Hidup mereka dapat diberkati apabila mereka melihat injil Yesus Kristus sebagai corak untuk kehidupan.

Anda mungkin dapat mengajar sebahagian penyelidik dalam beberapa kunjungan; yang lain mungkin memerlukan lebih banyak kunjungan. Anda bebas untuk mengajarkan pelajaran ini dalam cara apa pun yang paling membantu orang supaya sepenuhnya mempersiapkan diri untuk pembaptisan dan penetapan mereka. Tujuan anda bukan semata-mata untuk meliputi semua asas-asas; melainkan untuk membantu orang datang kepada Kristus melalui iman kepada Yesus Kristus, pertaubatan, pembaptisan, menerima kurnia Roh Kudus, serta bertahan sampai akhir.

Jarang sekali sepatutnya pelajaran habiskan lebih dari 45 minit. Anda mungkin mendapati hanya terdapat waktu untuk kunjungan pengajaran yang lebih singkat. Dalam keadaan sedemikian, anda mungkin perlukan kunjungan pengajaran yang singkat tetapi lebih kerap untuk meliputi bahagian asas-asas yang lebih kecil.

Ada banyak cara bagi anda gunakan untuk mengajarkan pelajaran ini. Perintah mana yang anda ajar, bila anda mengajarkannya, dan berapa banyak waktu anda luangkan baginya paling baik ditentukan oleh keperluan penyelidik dan bimbingan dari Roh.

### **Pelajarilah Perintah-perintah dan Komitmen-Komitmen**

Apabila anda mempelajari pelajaran ini, ikutilah pola berikut:

- Pelajarilah bahagian yang menjelaskan sesebuah perintah dan tulis sebuah rancangan pelajaran sederhana panjangnya dengan tiga atau lima poin utama.
- Cuba ajarkan pelajaran itu dalam dua atau tiga minit kepada rakan anda. Berlatih cara anda akan menyampaikan setiap undangan membuat komitmen dan bagaimana anda akan membantu penyelidik mengatasi kerisauan mereka.
- Bincangkan cara-cara untuk menyusuli setiap komitmen yang telah diterima oleh penyelidik.

### **Kepatuhan**

Tuhan memberi kita perintah-perintah demi kebaikan kita. Perintah-perintah-Nya merupakan arahan dari seorang Bapa di Syurga yang Penyayang untuk membantu kita menjalankan kehidupan ini dengan bahagia. Dia juga memberi kita hak pilihan, iaitu keupayaan dan kesempatan untuk memilih antara yang baik dan yang jahat. Apabila kita mematuhi Tuhan, kita mengikuti pengaruh Roh dan memilih untuk mengakuri kehendak-Nya. Kepatuhan pada perintah-perintah mendatangkan kedamaian kepada kita dalam kehidupan ini dan kehidupan yang abadi di dunia yang akan datang. Kepatuhan menunjukkan kasih kita terhadap Tuhan. Ketidakpatuhan mendatangkan kedukaan kepada kita.

Bapa Syurgawi mengetahui kelemahan-kelemahan kita dan Dia bersabar dengan kita. Dia memberkati kita asalkan kita berusaha mematuhi perintah-perintah-Nya. Dia mengharapkan kita untuk mematuhi-Nya supaya Dia dapat memberkati kita.

**Kajian Tulisan Suci****Hak Pilihan**2 Nefi 2:26–29  
Alma 12:31A&P 58:26–29  
A&P 82:8–10Guide to the Scriptures,  
“Agency”**Kepatuhan**

A&amp;P 130:20–21

Yohanes 14:15, 21

Pengkhutbah 12:13

**Komitmen**

- Adakah kamu akan mematuhi perintah-perintah Tuhan?

Nota-Nota

**Seringlah Berdoa**

Tuhan memerintahkan kita supaya berdoa kepada-Nya. Anda dapat berdoa pada bila-bila masa dan dalam keadaan apa pun. Tuhan telah mengajar kita untuk berlutut dan berdoa pada waktu pagi serta malam, seorang diri dan bersama keluarga kita. Bapa Syurgawi kita mendengar serta menjawab doa-doa kita. Menerusi doa harian kita dapat menerima bimbingan ilahi serta berkat-berkat. Kita hendaknya sentiasa berdoa dengan sungguh-sungguh. Kita hendaknya juga berdoa dengan “niat yang benar,” yang bermakna kita berazam untuk bertindak menurut jawapan yang kita terima.

Kita berdoa dengan iman kepada Bapa kita di Syurga di dalam nama Yesus Kristus (lihat Musa 5:8). Kerana Dia ialah Bapa kita dan kita ialah anak-anak-Nya, Dia akan menjawab doa-doa kita. Kita memulau doa kita dengan menyebut Bapa kita di Syurga. Kita mengakhiri doa kita dengan menyebut, “Dalam nama Yesus Kristus, amin.”

Apabila kita berdoa, kita bercakap secara terang-terangan dan jujur dengan Bapa kita di Syurga yang Penyayang. Kita menyatakan rasa syukur serta terima kasih atas berkat-berkat kita. Kita dapat menyatakan kasih kita bagi-Nya. Kita juga boleh meminta pertolongan, perlindungan, dan arahan menurut keperluan kita.

Apabila kita berdoa dengan iman, keikhlasan, dan niat yang benar, kita akan melihat pengaruh Tuhan dalam kehidupan kita. Dia akan membimbing kita dalam kehidupan harian kita serta membantu kita membuat keputusan yang baik. Dia akan memberkati kita dengan perasaan yang senang serta damai. Dia akan memberi amaran kepada kita akan bahaya dan menguatkan kita supaya dapat menentang godaan. Dia akan mengampuni dosa-dosa kita. Kita akan berasa lebih dekat kepada-Nya. Kita harus belajar untuk mengenali pengaruh-Nya dalam kehidupan kita. Kita mesti belajar untuk mendengarkan suara Roh yang lembut dan halus.

Kita dapat mengenali waktu apabila Roh Kudus mengajar kita tentang kebenaran. Minda kita akan diselubungi dengan fikiran-fikiran yang memberi inspirasi serta menguatkan. Minda kita akan diterangi, atau diberi pengetahuan baru. Kita akan mempunyai perasaan damai, kegembiraan, dan kasih dalam hati kita. Kita akan ingin berbuat baik dan membantu orang lain. Perasaan-perasaan ini sukar untuk digambarkan tetapi boleh dikenali ketika kita mengalaminya.

Nota-Nota

**Kajian Tulisan Suci**2 Nefi 32:8–9  
Enos 1:1–12  
Alma 34:17–28  
Moroni 10:3–5A&P 6:22–23  
A&P 8:2–3  
A&P 9:7–9  
A&P 19:281 Raja-Raja 19:11–12  
Guide to the Scriptures,  
“Prayer”**Komitmen**

- Adakah kamu akan berlutut dan berdoa setiap hari secara seorang diri dan bersama keluarga?

**Pelajarilah Kitab Suci**

Kitab-kitab suci adalah catatan tertulis mengenai hubungan Tuhan dengan anak-anak-Nya sebagaimana dicatatkan oleh para nabi di bawah pengaruh Roh Kudus. Kita menunjukkan iman kita dengan mempelajari, mempercayai dan mematuhi firman Tuhan yang telah diwahyukan. Kita meneliti kitab-kitab suci dengan tekun untuk memahami kebenarannya. Kita menjamu ke atasnya kerana ia membuka pintu menuju wahyu dan menunjukkan kita apa yang perlu kita lakukan dan menjadi. Kita meneliti kitab-kitab suci untuk belajar mengenai Yesus Kristus dan injil-Nya. Iman kepada Yesus Kristus merupakan kurnia dari Tuhan yang datang apabila belajar mengenai serta menjalankan firman-Nya dan injil-Nya. Kitab-kitab suci yang diluluskan oleh Gereja, yang juga digelar sebagai kitab asas, ialah Alkitab, Kitab Mormon, Ajaran dan Perjanjian, serta Mutiara yang Sangat Berharga. Kita hendaknya mempelajari kitab-kitab ini yang kudus setiap hari.

**Kajian Tulisan Suci**1 Nefi 19:22–23  
2 Nefi 9:50–51  
2 Nefi 25:26  
2 Nefi 29:1–132 Nefi 31:19–20  
2 Nefi 32:3–5  
Alma 32:28–30  
Yohanes 5:39Yohanes 20:31  
2 Timotius 3:14–17  
2 Petrus 1:20–21**Komitmen**

- Adakah kamu akan membaca tulisan-tulisan suci setiap hari secara seorang diri dan bersama keluarga?

**Kuduskanlah Hari Sabat**

Kelakuan kita pada hari Sabat merupakan suatu cerminan akan komitmen kita untuk menghormati dan menyembah Tuhan. Dengan menguduskan hari Sabat, kita menunjukkan kepada Tuhan kesanggupan kita untuk menepati perjanjian-perjanjian kita. Setiap hari Sabat kita pergi ke rumah Tuhan untuk bersembahyang kepada-Nya. Di sana kita mengambil sakramen untuk mengingati Yesus Kristus dan Korban Tebusan-Nya. Kita memperbaharui perjanjian kita serta menunjukkan bahawa kita bersedia untuk bertaubat akan dosa-dosa dan kesalahan kita.

Pada hari ini, kita berasa senang kerana dapat berehat dari pekerjaan kita. Apabila kita menghadiri kebaktian Gereja dan bersembahyang bersama, kita saling menguatkan sesama diri. Kita diperbaharui melalui pergaulan kita dengan kawan-kawan dan keluarga.

Iman kita diperkuatkan semasa kita mempelajari tulisan suci dan belajar lebih banyak mengenai injil yang dipulihkan.

Apabila sesebuah masyarakat atau bangsa semakin lalai dalam aktiviti-aktiviti hari Sabat, maka runtuhlah semangat keagamaannya dan secara negatif terjejaslah setiap segi kehidupannya. Berkat yang berkaitan dengan mematuhi hari Sabat hilang. Kita hendaknya jangan membeli-belah pada hari Sabat ataupun terlibat dalam kegiatan urusanniaga atau aktiviti sukan yang lain yang pada masa sekarang sering mencemari hari Sabat.

Orang Suci Zaman Akhir hendaknya meluangkan masa sepanjang hari yang kudus ini jauh dari aktiviti-aktiviti duniawi dengan memasuki dalam semangat bersembahyang, bersyukur, pelayanan, serta aktiviti keluarga yang sesuai dilakukan pada hari Sabat. Selagi ahli Gereja berusaha membuat kegiatan hari Sabat mereka sehaluan dengan kehendak dan Roh Tuhan, kehidupan mereka akan dipenuhi dengan kebahagiaan dan kedamaian.

#### Kajian Tulisan Suci

3 Nefi 18:1–25  
A&P 59:9–15

Keluaran 20:8–11  
Keluaran 31:12–17

Yesaya 58:13–14

#### Duduklah dengan Penyelidik atau Ahli di Gereja

Apabila menghadiri pertemuan sakramen atau persidangan daerah, mubaligh-mubaligh patut duduk bersama penyelidik, ahli-ahli baru, atau ahli yang lain. Mereka tidak patut duduk bersama mubaligh-mubaligh lain.

#### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan menguduskan hari Sabat?
- Bolehkah kamu mempersiapkan diri supaya layak untuk mengambil sakramen?

#### Pertanyaan-pertanyaan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan

- Apa yang kamu faham mengenai hari Sabat, termasuk mengambil sakramen setiap minggu serta melayani orang lain? Adakah kamu sanggup untuk mematuhi perintah ini [sebelum pembaptisan kamu]?

## Pembaptisan dan Penetapan

Cara kita menunjukkan keinginan kita untuk mengikuti jalan Tuhan adalah melalui pembaptisan dan penetapan. Apabila kita dibaptiskan dan ditetapkan, kita mengikat perjanjian dengan Tuhan bahawa kita akan mengambil nama Yesus Kristus ke atas diri kita dan selalu mengingati-Nya dan patuhi perintah-perintah-Nya. Kita juga berjanji untuk berdiri sebagai saksi Tuhan pada setiap masa dan untuk membantu orang yang memerlukan (lihat Mosia 18:8–9). Sebaliknya, Tuhan menjanjikan penemanan tetap Roh Kudus, pengampunan atas dosa-dosa kita, dan kelahiran semula.

Nota-Nota

**Komitmen-Komitmen:**

- Adakah kamu akan dibaptiskan serta ditetapkan?
- Adakah kamu akan menjemput kawan-kawan serta ahli keluarga yang lain untuk menghadiri acara pembaptisan kamu?

Sekiranya mungkin, undanglah penyelidik supaya datang ke sebuah acara pembaptisan dan juga pertemuan sakramen di mana terdapat seseorang ditetapkan.

**Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan**

- Semua soalan temu duga pembaptisan.

**Undangan untuk Dibaptiskan**

Undangan untuk dibaptiskan dan ditetapkan mesti disebut dengan spesifik dan langsung. “Adakah kamu akan mengikuti teladan Yesus Kristus dengan dibaptiskan oleh seseorang yang memegang kewenangan imamat Tuhan? Kami akan mengadakan upacara pembaptisan pada (tarikh). Bolehkah kamu mempersiapkan diri kamu untuk dibaptiskan pada tarikh tersebut?”

**Mengikuti Nabi**

Kebenaran adalah pengetahuan akan sesuatu hal sebagaimana adanya sekarang, dahulu, dan pada masa depan. Ia tidak berubah mengikut keadaan ataupun waktu. Kebenaran adalah sama pada setiap zaman dan di dalam setiap budaya. Tuhan merupakan punca segala kebenaran. Kita boleh beriman kepada-Nya kerana kita tahu bahawa Dia hanya akan mengajarkan kita kebenaran. Tuhan ingin supaya semua anak-anak-Nya mengetahui kebenaran. Oleh itu, Dia mendedahkan kebenaran yang diperlukan untuk penyelamatan melalui para nabi dan rasul-Nya. Dia mendedahkan kebenaran kepada kita secara peribadi melalui kitab-kitab suci serta wahyu peribadi.

Seorang nabi dipanggil serta dipilih oleh Tuhan. Dia juga seorang yang soleh yang sangat beriman. Tuhan mendedahkan kebenaran kepadanya melalui Roh Kudus. Dia memerintahkan nabi-Nya untuk mengajarkan kebenaran kepada semua orang. Mereka yang mempercayai firman Tuhan sebagaimana diwahyukan melalui nabi-Nya diberkati.

Gereja Kristus didirikan di atas dasar rasul-rasul dan nabi-nabi, yang mengetuai Gereja melalui wahyu. Tuhan memanggil Joseph Smith sebagai nabi pertama dan pemimpin dalam zaman keagamaan terakhir ini. Para penggantinya yang memimpin Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir masa kini adalah nabi dan rasul juga. Presiden Gereja pada hari ini ialah seorang nabi yang hidup. Seharusnya kita mempercayai nabi yang dipilih Tuhan, mendapat keyakinan akan panggilannya yang ilahi, dan mengikuti ajaran-ajarannya.

Seringkali kita berpeluang untuk mendukung pemimpin Gereja secara terbuka. Mendukung bermaksud memberi sokongan. Seharusnya kita mempersiapkan diri ketika nabi dan rasul berucap supaya Roh Kudus dapat mengesahkan kebenaran yang mereka ajar. Kemudian kita berazam untuk mengikuti nasihat yang mereka berikan kepada kita.

Orang yang mendengarkan serta mengikuti nasihat para nabi dan rasul yang hidup tidak akan pernah sesat. Ajaran nabi yang hidup seumpama sebuah sauh kebenaran yang abadi di dalam dunia yang nilai-nilai akhlaknya sentiasa berubah. Ia akan membantu kita mengelak kesengsaraan dan kedukaan. Kebingungan dan perbalahan dunia tidak akan membebankan kita, dan kita akan menikmati jaminan untuk hidup sehaluan dengan kehendak Tuhan.



**Kajian Tulisan Suci**

Mosia 15:11–12	A&P 136:37–38	Efesus 4:11–14
Alma 13:1–16	Yohanes 15:16	Ibrani 5:4
3 Nefi 12:1–2	Kisah Rasul-Rasul 10:34–44	Amos 3:7
A&P 1:37–38		
A&P 21:1–7	Efesus 2:19–20	

**Komitmen-Komitmen:**

- Bolehkah kamu berjumpa dengan uskup/president cabang?
- Bolehkah kamu mendukung serta mengikuti nasihat pemimpin Gereja?

**Soalan-soalan Temu Duga yang Berkaitan**

- Adakah kamu percaya bahawa [Presiden Gereja masa kini] ialah seorang nabi Tuhan? Apakah maksudnya kepada kamu?

Nota-Nota

**Mematuhi Sepuluh Perintah**

Bapa Syurgawi memberikan kita perintah-perintah supaya kita akan tahu apa yang harus kita lakukan dan elakkan supaya kita dapat menerima berkat-berkat yang dia ingin berikan kepada kita (iaitu kegembiraan, kedamaian batin, kebahagiaan yang berkekalan). Tuhan mendedahkan Sepuluh Perintah kepada Musa untuk membimbing umat-Nya:

- “Jangan sembah tuhan-tuhan lain” (Keluaran 20:3). “Tuhan-tuhan” lain boleh termasuk harta milik, kekuasaan, atau kemasyhuran.
- “Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa pun” (Keluaran 20:4).
- “Jangan menyebut nama Tuhan untuk maksud yang jahat” (Keluaran 20:7).
- “Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabat” (Keluaran 20:8).
- “Hormatilah bapa dan ibu kamu” (Keluaran 20:12).
- “Jangan membunuh” (Keluaran 20:13).
- “Jangan berzina” (Keluaran 20:14).
- “Jangan mencuri” (Keluaran 20:15).
- “Jangan berikan kesaksian palsu tentang orang lain” (Keluaran 20:16).
- “Jangan ingini kepunyaan orang lain” (Keluaran 20:17).

Sepuluh Perintah masih berkuatkuasa sekarang. Perintah-perintah ini mengajar kita supaya menyembah dan menghormati Tuhan. Perintah-perintah ini juga mengajarkan kita bagaimana memperlakukan orang lain.

**Tidak Ada Tuhan Lain**

Orang dari banyak budaya mempunyai atau menghormati objek-objek yang mengingatkan mereka kepada Tuhan atau nenek moyang. Kadang-kadang objek-objek tersebut, seperti patung-patung, lambang-lambang keagamaan, atau tempat pemujaan kecil, juga merupakan fokus pemujaan mereka. Bantulah mereka untuk memahami bahawa Tuhan telah memerintahkan kita supaya tidak memuja berhala. Galakkan mereka supaya mengeluarkan dari rumah mereka apa pun objek yang mereka puja atau yang kepadanya mereka berdoa. Bantulah mereka untuk memusatkan iman dan pemujaan mereka kepada Bapa Syurgawi mereka dan Yesus Kristus. Ajarkan kepada mereka bahawa injil Yesus Kristus yang dipulihkan berpusat pada Kristus yang hidup.

Dalam injil yang dipulihkan Tuhan telah mengajarkan kepada kita cara mengingat Dia. Kita mengingat Dia melalui doa, sakramen, dan bersembahyang di bait suci. Presiden misi anda akan berikan bimbingan dalam hal-hal yang khusus.

**Kajian Tulisan Suci**

Mosia 13  
A&P 59:5–6

Matius 22:36–40  
Keluaran 20:1–17

Ulangan 5:6–21

**Komitmen**

- Adakah kamu akan mematuhi Sepuluh Perintah?

**Mematuhi Hukum Kemurnian**

Tuhan bersukacita di dalam kemurnian akhlak dan membenci dosa seksual. Kemurnian akhlak merangkumi pantang yang ketat terhadap hubungan seksual sebelum berkahwin dan kesetiaan yang mutlak kepada pasangan setelah berkahwin. Orang yang mematuhi hukum kemurnian menikmati kekuatan yang datang dari pengawalan diri mereka. Mereka menikmati keyakinan dan kepercayaan yang penuh dalam hubungan keluarga mereka. Mereka juga dapat menikmati dengan lebih penuh pengaruh Roh Kudus dalam kehidupan mereka. Orang yang melanggar hukum ini menanggung perasaan malu dan bersalah yang berkekalan yang membebankan kehidupan mereka.

Kemurnian akhlak menuntut kesetiaan dalam fikiran dan tindakan. Kita mesti menjaga fikiran kita supaya bersih dan berpakaian sopan, berbudi bahasa, serta berkelakuan baik. Kita mesti menghindari pornografi dalam bentuk apa pun. Kita mesti menganggap kuasa penciptaan dan tubuh kita, yang dikurniakan Tuhan, dengan suci. Seharusnya calon-calon pembaptisan mematuhi hukum kemurnian, yang melarang hubungan seksual apa pun di luar pernikahan yang sah antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Mereka tidak boleh terlibat dalam pengguguran bayi atau hubungan homoseksual atau lesbian. Orang yang telah melakukan dosa seksual boleh bertaubat dan diampuni.

**Pasangan yang Hidup Bersama**

Lelaki dan wanita yang tinggal bersama namun belum berkahwin tidak boleh dibaptiskan tanpa berkahwin atau berpisah terlebih dahulu. Orang yang berkahwin lebih dari satu orang pada masa yang sama tidak boleh dibaptiskan. Carikan nasihat dari presiden misi anda, yang akan memberi anda arahan khusus dalam setiap kes.

**Kajian Tulisan Suci**

Yakub 2:28

Mosia 13:22

Alma 39:3–5

3 Nefi 12:27–30

A&amp;P 42:22–24

A&amp;P 63:16

Matius 5:27–28

Roma 1:26–32

Efesus 5:3–5

**Komitmen**

- Adakah kamu akan mematuhi hukum kemurnian?

**Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan**

- Apa yang kamu faham tentang hukum kemurnian, yang melarang hubungan seksual apa pun di luar ikatan perkahwinan yang rasmi antara seorang lelaki dan wanita? Adakah kamu akan mematuhi hukum ini [sebelum pembaptisan kamu]?
- Pernahkah kamu terlibat dalam pengguguran bayi? Sebuah hubungan sejenis (homoseksual)? [Catatan: Orang yang menjawab ya sebagai jawapan untuk mana-mana pun dari soalan-soalan ini mesti ditemu duga oleh presiden misi sebelum pembaptisan.]

**Mematuhi Kata-Kata Bijaksana**

Tuhan telah mewahyukan sebuah hukum kepada Nabi Joseph Smith berkenaan kesihatan kita. Hukum ini digelar Kata-Kata Bijaksana. Hukum ini mengajarkan kepada kita tentang makanan serta bahan apa yang patut kita gunakan dan apa yang tidak patut kita gunakan untuk mengekalkan kesihatan tubuh kita serta untuk melindungi diri kita dari pengaruh kejahatan. Tuhan menjanjikan berkat-berkat kesihatan, kekuatan, perlindungan daripada kejahatan, dan keterbukaan yang lebih besar akan kebenaran rohani.

Ingatlah bahawa tubuh kita adalah suci. Kita hendaknya menjaganya dengan kehormatan dan kesopanan. Kata-Kata Bijaksana mengajarkan kita supaya memakan makanan yang berkhasiat. Kata-Kata Bijaksana mengajar kita dengan khusus supaya menjauhi bahan-bahan yang berbahaya, termasuk minuman alkohol, tembakau, teh, dan kopi. Kita juga mesti menjauhi dadah dalam bentuk apa pun. Untuk dibaptiskan serta ditetapkan, orang yang anda ajar mesti berhenti menggunakan bahan-bahan ini. Orang-orang yang mematuhi Kata-Kata Bijaksana lebih terbuka kepada kebenaran rohani.

Presiden misi anda akan menjawab soalan-soalan berkenaan bahan-bahan tertentu dari kebudayaan tempatan yang termasuk dalam Kata-Kata Bijaksana.

Nota-Nota

**Mengatasi Ketagihan**

Anda dapat paling baik membantu mereka yang bergelut untuk mengatasi tabiat merokok, minum minuman alkohol, dan tabiat lain dengan mengikuti asas-asas ini. Cadangan-cadangan di bawah ini diterapkan terutamanya pada Kata-Kata Bijaksana namun dapat disesuaikan menurut ketagihan yang lain juga.

1. Bantu orang untuk menentukan matlamat mengenai waktu dan cara mereka akan mematuhi Kata-Kata Bijaksana.
2. Berdoa bagi mereka dalam doa-doa peribadi anda dan apabila anda berada bersama mereka.
3. Bersikap positif dan menyokong mereka—bahkan jika berbalik kepada ketagihan mereka.
4. Terus mengajarkan injil kepada mereka. Ajar mereka cara menggunakan doa dan iman sebagai sumber kekuatan.
5. Bantu mereka menghadiri Gereja setiap minggu dan menjalinkan persahabatan dengan orang-orang yang mematuhi Kata-Kata Bijaksana yang telah mengatasi ketagihan yang sama.
6. Apabila sesuai, tanya mereka sama ada mereka ingin menerima berkat keimamatan.
7. Galakkan mereka supaya membuang semua bahan yang berbahaya dari rumah mereka.

Lihat bab 10 untuk petunjuk lebih lanjut mengenai cara membantu orang mengatasi ketagihan.

**Kajian Tulisan Suci**

A&amp;P 89

1 Korintus 3:16–17

1 Korintus 6:19–20

**Komitmen**

- Adakah kamu akan mematuhi Kata-Kata Bijaksana?

**Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan**

- Apa yang kamu faham tentang Kata-Kata Bijaksana? Adakah kamu sanggup untuk mematuhi hukum ini [sebelum pembaptisan kamu]?

**Mematuhi Hukum Persepuluhan**

Salah satu berkat besar keahlian dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah hak istimewa untuk membantu perkembangan Kerajaan Tuhan melalui pembayaran persepuluhan. Persepuluhan merupakan hukum yang kuno dan ilahi. Misalnya, Nabi Perjanjian Lama, Abraham pun membayar persepuluhan atas segala kepunyaannya (lihat Alma 13:15).

Kepada orang yang membayar persepuluhan, Tuhan telah berjanji bahawa Dia akan “membukakan ... tingkap-tingkap langit dan mencurahkan berkat kepadamu sampai berkelimpahan” (Maleakhi 3:10). Berkat-berkat ini dapat bersifat jasmani mahupun rohani, tetapi ia pasti akan datang kepada mereka yang mematuhi hukum ilahi ini.

Persepuluhan bermaksud sepersepuluh. Tuhan telah memerintahkan kita untuk menyumbangkan sepersepuluh dari segala penghasilan kita, yang difahamkan bermaksud pendapatan, supaya kita dapat diberkati. Hukum Persepuluhan memberi kita peluang untuk menolong membina kerajaan-Nya. Persepuluhan kita adalah kudus pada

pandangan Tuhan, dan kita menghormati-Nya dengan membayar persepuluhan. Tuhan berjanji untuk melimpahkan berkat ke atas mereka yang membayar persepuluhan dengan jujur. Mereka yang tidak membayar persepuluhan merompak Tuhan (lihat Maleakhi 3:8). Mereka menyimpan sesuatu bagi diri mereka sendiri yang sebenarnya merupakan milik-Nya. Kita harus mendahulukan kerajaan Tuhan, dan persepuluhan merupakan salah satu cara yang penting untuk melakukannya. Membayar persepuluhan merupakan suatu pernyataan iman kita. Ia merupakan suatu tanda luaran kepercayaan kita kepada Tuhan dan pekerjaan-Nya.

Dana persepuluhan digunakan untuk menyokong aktiviti-aktiviti semasa Gereja, seperti membina dan meyelenggarakan bait suci dan bangunan gereja, menyebarkan injil ke seluruh dunia, melaksanakan pekerjaan bait suci dan sejarah keluarga, dan banyak lagi aktiviti lain di seluruh dunia. Persepuluhan tidak digunakan untuk membayar gaji pemimpin tempatan Gereja. Mereka melayani tanpa menerima bayaran apa pun.

Setiap minggu, pemimpin tempatan Gereja mengirim persepuluhan yang diterima langsung ke ibu pejabat Gereja. Sebuah majlis yang terdiri daripada Presidensi Utama, Kuorum Dua Belas Rasul, dan Keuskupan Utama menentukan cara-cara khusus untuk menggunakan wang persepuluhan yang kudus ini.

### Kajian Tulisan Suci

#### Persepuluhan

A&amp;P 119

Ibrani 7:1–2

Imamat 27:30–33

A&amp;P 120

Kejadian 14:18–20

Maleakhi 3:7–12

#### Iman

3 Nefi 13:33

Eter 12:6

### Komitmen

- Adakah kamu akan mematuhi hukum persepuluhan apabila kamu telah dibaptiskan?

#### Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan

- Apa yang kamu faham tentang hukum persepuluhan? Adakah kamu sanggup mematuhi hukum ini?

## Mematuhi Hukum Puasa

Berkat-berkat yang besar menanti orang yang mematuhi perintah Tuhan untuk berpuasa. Puasa ini bermaksud tidak makan ataupun minum buat suatu jangka masa. Biasanya hari Ahad pertama setiap bulan diperuntukkan bagi berpuasa selama dua hidangan yang berturut-turut, berdoa, dan memberi kesaksian. Puasa berkaitan dengan doa. Apabila kita berpuasa dan berdoa dengan iman, minda kita lebih terbuka untuk menerima jawapan atas doa-doa kita dan berkat-berkat dari Tuhan. Dia berjanji dengan kita bahawa Dia akan sentiasa membimbing kita. Kita harus berpuasa dan berdoa dengan tujuan yang khusus. Puasa merupakan sesuatu yang peribadi dan rohani, justeru itu, kita seharusnya tidak menarik perhatian kepada hakikat bahawa kita sedang berpuasa.

Keagamaan yang murni merangkumi memelihara golongan miskin. Kita mesti membantu mereka supaya boleh memenuhi keperluan jasmani dan rohani mereka. Apabila kita berpuasa, kita menyumbangkan wang ke Gereja bagi orang miskin dan orang yang

memerlukan. Sumbangan ini digelar persembahan puasa. Kita menderma sekurang-kurangnya sejumlah wang yang bersamaan dengan wang makan yang kita jimat kerana telah berpuasa selama dua hidangan. Walaupun begitu, kita tidak menghadkan jumlah sumbangan kita setakat dengan perbelanjaan dua kali makan itu. Kita digalakkan untuk bermurah hati dan memberikan lebih banyak jika mampu. Apabila kita memelihara golongan orang miskin, kita menunaikan perjanjian pembaptisan kita dan menerima pengampunan atas dosa-dosa kita.

### Kajian Tulisan Suci

#### Puasa

Omni 1:26

Alma 5:45–46

Alma 6:6

Alma 17:2–3

Moroni 6:5

A&amp;P 88:76

A&amp;P 59:12–16

Matius 6:1–4, 16–18

Yesaya 58:6–11

#### Memelihara Orang Miskin

Mosia 4:16–27

Mosia 18:8–10

Alma 4:12–13

Matius 25:34–46

Yohanes 1:27

Yesaya 58:3–12

### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan berpuasa dan berdoa pada hari Ahad puasa berikutnya untuk suatu keperluan khas?
- Adakah akan kamu menyumbangkan persembahan puasa dengan murah hati [setelah kamu dibaptiskan]?

## Cara Menyumbangkan Persepuluhan dan Persembahan

Persepuluhan dan persembahan dibayar secara sukarela dan peribadi. Ahli-ahli gereja boleh membayar persepuluhan dan sumbangan pada bila-bila masa, tetapi sebaiknya persepuluhan dibayar dengan segera selepas gaji diterima dan sumbangan puasa dibayar pada hari Ahad puasa. Ahli-ahli gereja membuat sumbangan dengan mengisi borang sumbangan, yang diperolehi dari seorang ahli keuskupan. Ahli gereja menyimpan salinan berwarna kuning lalu masukkan salinan berwarna putih berserta wang ke dalam sampul surat yang disediakan. Sampul surat tersebut kemudian diserahkan kepada seorang ahli keuskupan. Sumbangan ini dianggap kudus dan merupakan milik Tuhan. Seorang ahli keuskupan dan seorang kerani menyimpan dengan teliti sebuah rekod akaun yang sulit untuk semua sumbangan.

Pada setiap hujung tahun, ahli gereja menghadiri pertemuan penyelesaian persepuluhan dengan uskup untuk menyatakan kesetiaan mereka dalam membayar persepuluhan. Dalam pertemuan peribadi ini, ahli gereja menerima sebuah laporan akhir tahun mengenai semua sumbangan mereka. Semua informasi kewangan dijaga dengan begitu sulit sekali.

### Mengajarkan Cara Menyumbangkan Persepuluhan dan Persembahan

Tunjukkan sehelai borang sumbangan dan jelaskan cara menggunakannya. Setelah penyelidik dibaptiskan, anda mungkin perlu membantu mereka mengisi borang sumbangan.

## Mematuhi dan Menghormati Hukum

Orang-orang Suci Zaman Akhir di seluruh dunia percaya bahawa mereka harus mematuhi undang-undang negara di mana mereka tinggal. Ahli-ahli Gereja dinasihati untuk menjadi rakyat yang baik, melibatkan diri dalam hal politik dan kemasyarakatan, dan berkhidmat kepada negara. Mereka melakukannya sebagai warganegara yang prihatin, dan bukan sebagai wakil Gereja.

### Kajian Tulisan Suci

A&P 58:21  
A&P 98:5

A&P 130:20–21  
A&P 134

Fasal-Fasal  
Kepercayaan 1:12

### Komitmen

- Bolehkah kamu mematuhi hukum-hukum negara di mana kamu tinggal?

### Soalan-soalan Temu Duga Pembaptisan yang Berkaitan

- Pernahkah kamu melakukan jenayah yang serius? Jika ada, adakah kamu berada dalam jagaan polis atau masa percubaan atau dilepaskan dengan parol? [Catatan: Orang yang menjawab ya untuk mana-mana dari soalan-soalan ini mesti ditemu duga oleh presiden misi sebelum dibaptiskan.]

### Aktiviti

Untuk setiap perintah dalam pelajaran ini, senaraikan janji-janji dari kitab-kitab suci yang Tuhan berikan kepada mereka yang mematuhi perintah-Nya. Catat dalam jurnal belajar anda tentang janji-janji yang telah ditepati oleh Tuhan dalam kehidupan anda.

Nota-Nota

# Hukum-hukum dan Tatacara-tatacara

*Setelah Pembaptisan dan Penetapan*



© 1998 Del Perizon. Do not copy.

## Mempersiapkan Diri untuk Mengajar

Setelah penganut baru dibaptiskan dan ditetapkan, pemimpin bahagian menentukan sama ada mubaligh bahagian atau mubaligh sepenuh waktu memimpin dalam mengajar, dan berapa lama mubaligh sepenuh masa terlibat. Pelajaran-pelajaran ini patut diajarkan kepada ahli baru dengan segera setelah mereka dibaptiskan dan ditetapkan. Anda boleh mula mengajarkan hukum-hukum dan tatacara-tatacara ini kepada mereka dalam waktu antara pembaptisan dan penetapan mereka ataupun bahkan sebelum pembaptisan. Calon-calon bagi pembaptisan mesti sekurang-kurangnya mengetahui adanya hukum-hukum dan tatacara-tatacara ini sebelum pembaptisan.

Pelajaran ini sama dengan pelajaran 4. Cara yang anda guna untuk mengajarkannya patut ditentukan oleh keperluan penganut baru serta petunjuk dari Roh. Sentiasalah berfikir dan berdoa mengenai cara untuk membantu penganut baru untuk menjalankan injil. Idea-idea merangkumi:

- Mengajarkan setiap hukum dan tatacara dari pelajaran ini kepada ahli baru dan juga mengulang kaji pelajaran-pelajaran “Pesanan Pemulihan,” “Rancangan Penyelamatan,” dan “Injil Yesus Kristus.” Misalnya, apabila mengulang kaji pesanan Pemulihan, anda mungkin ingin mengajar tentang imamat dan pekerjaan mubaligh; apabila mengulang kaji tentang rancangan penyelamatan anda boleh mengajar tentang perkahwinan abadi, bait suci dan pekerjaan sejarah keluarga, serta mengajar dan belajar di Gereja. Apabila mengulang kaji mengenai injil Yesus Kristus, anda mungkin ingin mengajar tentang jalan yang ketat dan sempit serta melayani di dalam Gereja.
- Ajarkan dua atau tiga hukum dan tatacara sebagai pelajaran tunggal.
- Ajarkan satu hukum atau tatacara sebagai pelajaran sendiri.

Bekerja bersama ahli-ahli gereja untuk membantu ahli-ahli baru untuk menerima serta mulai menjalankan hukum-hukum dan tatacara-tatacara ini. Bantulah ahli baru menyedari bahawa apabila mereka mematuhi hukum-hukum Tuhan, mereka akan mengekalkan pengampunan atas dosa-dosa mereka dan tetap berada di jalan yang menuju kehidupan abadi. Mereka akan mengalami kedamaian dan kebahagiaan yang lebih besar. Mereka



akan menemukan jawapan atas soalan-soalan dari kehidupan dan suatu jaminan dengan mengetahui bahawa mereka menjadi sebahagian dari Gereja Yesus Kristus yang benar. Hukum-hukum dan tatacara-tatacara patut dianggap sebagai arahan-arahan untuk kehidupan yang penuh kegembiraan. Ia juga menjadikan kita beriman kepada Yesus Kristus dan dengan harapan yang teguh untuk menerima kehidupan yang abadi bersama Bapa kita di Syurga.

### **Mempelajari Hukum-hukum, Tatacara-tatacara, dan Komitmen-komitmen**

Apabila anda mempelajari “Hukum-hukum dan Tatacara-tatacara,” mengikuti pola di bawah sangatlah membantu:

- Mempelajari bahagian yang menjelaskan ajaran dari asas-asas ini dan tulis sebuah rancangan pelajaran singkat dengan tiga hingga lima poin utama.
- Cuba mengajar pelajaran itu dalam dua atau tiga minit kepada rakan anda. Berlatih cara anda akan menyampaikan setiap undangan untuk membuat komitmen dan bagaimana anda akan membantu penyelidik mengatasi kerisauan mereka.
- Bincangkan cara-cara untuk menyusuli setiap komitmen yang telah diterima oleh penyelidik anda.

### **Imamat dan Badan Sokongan**

Imamat adalah kuasa dan kewenangan yang diberikan kepada manusia untuk bertindak bagi pihak Tuhan demi penyelamatan anak-anak-Nya. Melalui imamat inilah kita menerima tatacara-tatacara penyelamatan, serta berkat-berkat seperti penyembuhan, ketenangan hati, dan nasihat.

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dipimpin oleh Yesus Kristus melalui para rasul dan nabi. Nabi dan rasul ini ialah orang-orang yang soleh yang dipanggil oleh Tuhan dan diberikan imamat. Pada zaman purba Kristus mentahbiskan para Rasul-Nya dan menganugerahkan imamat ini kepada mereka. Kewenangan tersebut telah hilang apabila manusia menolak injil serta membunuh Kristus dan para Rasul-Nya.

Kewenangan imamat dipulihkan pada tahun 1829 apabila Yohanes Pembaptis muncul kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery. Dia meletakkan tangannya di atas kepala mereka dan menganugerahi mereka dengan Imamat Harun (lihat A&P 13). Tidak lama selepas itu, Petrus, Yakobus, dan Yohanes, ahli Kuorum Dua Belas Rasul yang asli, meletakkan tangan mereka di atas kepala Joseph Smith dan Oliver Cowdery serta menganugerahi mereka dengan Imamat Melkisedek yang Petrus, Yakobus, dan Yohanes menerima dari Yesus Kristus (lihat A&P 27:12–13).

Seorang lelaki menerima kewenangan imamat hanya melalui pentahbisan yang sah dengan perletakan tangan oleh orang yang sudah menerima kewenangan tersebut. Seorang lelaki yang telah menerima imamat pula diberi suatu kesempatan yang agung. Dia telah mengikat perjanjian untuk melakukan tugas-tugas yang kudus, melayani satu sama lain, dan menolong membangunkan Gereja. Dia mesti berkeinginan untuk melayani Tuhan dan mesti ditahbiskan pada kuasa ini (lihat A&P 4:3; 63:57). Lebih-lebih lagi, pemegang imamat bertanggungjawab untuk melaksanakan tatacara-tatacara kudus, seperti pembaptisan serta penetapan. Apabila kewenangan imamat digunakan dengan layak, kuasa Tuhan dinyatakan. Kuasa imamat hanya dapat digunakan dalam kesolehan, kasih, dan kesabaran.

Segala imamat berasal dari Tuhan. Terdapat dua jenis imamat di dalam Gereja ini: Imamat Harun dan Imamat Melkisedek. Pemegang Imamat Harun melaksanakan tatacara-tatacara seperti pembaptisan dan sakramen. Para lelaki yang berumur 12 tahun ke atas yang layak menerima Imamat Harun sebaik selepas pembaptisan dan penetapan.

## Nota-Nota

Lelaki dewasa yang layak akan lama-kelamaan menerima Imamat Melkisedek, atau imamat yang lebih tinggi. Ahli-ahli Gereja menerima banyak berkat rohani dan jasmani melalui kuasa imamat ini. Para pemegang Imamat Melkisedek yang layak dapat menganugerahi orang lain dengan kurnia Roh Kudus, mentahbiskan orang lain pada imamat jika ditugaskan, mengurapi yang sakit dengan minyak yang telah disucikan, serta memberikan berkat penyembuhan dan ketenangan hati. Suami dan ayah yang layak yang memegang Imamat Melkisedek dapat memberi pasangan, anak-anak, serta ahli-ahli keluarga mereka yang lain berkat-berkat khusus. Pengajar keluarga mengunjungi keluarga ahli Gereja dan menjaga mereka sebagai individu dan keluarga. Uskup dan presiden pancang merupakan hakim-hakim di Gereja. Mereka mempunyai kewenangan untuk membantu Orang Suci yang telah berdosa supaya dapat bertaubat dan menikmati semua berkat-berkat keahlian Gereja. Mereka menemu duga orang untuk memastikan kelayakan mereka untuk memasuki Bait Suci.

Di bawah petunjuk imamat, badan sokongan membantu dalam menguatkan ahli-ahli Gereja. Mereka merupakan sumber yang hebat dalam pekerjaan mubaligh ketika mereka membantu dalam mencari dan mengajar penyelidik serta berkawan dengan ahli-ahli baru. Perempuan yang berumur 18 tahun ke atas ialah ahli-ahli Lembaga Pertolongan, yang menjangkau dalam pelayanan kepada keluarga, individu, dan masyarakat. Para gadis yang berumur 12 sampai 18 tahun ialah ahli Remaja Puteri. Para lelaki yang sebaya dengan mereka menyertai Remaja Putera. Semua anak-anak yang berusia 3 sehingga 11 tahun adalah sebahagian dalam pertubuhan Sekolah Primer. Semua ahli berumur 12 tahun ke atas mengikuti kelas-kelas Sekolah Minggu.

**Kajian Tulisan Suci**

Mosia 18:17	A&P 84:19–20	Lukas 9:1–6
Alma 13:1–19	A&P 107	Yohanes 15:16
A&P 20:38–65	A&P 121:34–46	Yohanes 5:14–15

**Komitmen-Komitmen:**

- Bolehkah kamu mempersiapkan diri supaya layak untuk menerima Imamat Harun (bagi lelaki yang berumur 12 tahun ke atas yang memenuhi syarat)?
- Bolehkah kamu mempersiapkan diri untuk menerima Imamat Melkisedek (bagi lelaki dewasa yang memenuhi syarat)?
- Adakah kamu akan terlibat dengan aktif dalam pertubuhan badan sokongan yang bersesuaian?

**Pekerjaan Mubaligh**

Ahli-ahli yang berkongsi pengalaman injil berasa kegembiraan dan mempunyai penebaran Roh Tuhan yang lebih berlimpahan. Apabila kita berkongsi injil, kita menghargai betapa berharga serta bermakna injil tersebut bagi kita, dan kita berasa kasih yang lebih kuat bagi Tuhan dan orang lain. Tuhan memerintahkan semua pengikut-Nya supaya mengkhutbahkan injil di seluruh dunia, supaya memberi setiap orang peluang untuk menerima atau menolaknya. Apabila seseorang dibaptiskan, mereka mengikat sebuah perjanjian untuk selalu berdiri sebagai saksi bagi Tuhan. Mereka diperintahkan untuk berkongsi injil dengan orang yang belum menerimanya. Apabila mereka menjalankan injil dengan setia, mereka akan menjadi suatu teladan, dengan menunjukkan kepada ahli-ahli keluarga serta teman-teman mereka betapa besar berkat-berkat yang datang dari menjalankan injil. Mereka juga semestinya memanfaatkan setiap kesempatan untuk menjawab

soalan-soalan, berkongsi bahan cetakan atau video, dan mengundang orang lain untuk belajar lebih banyak tentang pesanan injil yang dipulihkan. Ahli-ahli gereja patut berdoa bagi mereka yang bukan ahli Gereja. Mereka seharusnya berdoa supaya menerima peluang untuk berkongsi injil—untuk melayani mereka yang bukan dari kepercayaan kita serta berkongsi apa yang mereka percaya. Tuhan berjanji untuk membantu ahli-ahli gereja mengetahui apa yang harus dikatakan dan dilakukan apabila mereka berkongsi injil.

#### Kajian Tulisan Suci

Yakub 5:70–75	A&P 19:29	A&P 84:74–76, 88
Mosia 28:3	A&P 33:8–11	A&P 88:81
A&P 18:10–16	A&P 38:40–42	A&P 100:5–8

#### Komitmen-Komitmen:

- Adakah akan kamu bersedia untuk mengundang kawan-kawan dan saudara-mara kamu yang bukan ahli gereja untuk berjumpa dengan mubaligh serta belajar tentang injil?
- Bolehkah kamu berdoa bagi mubaligh supaya mempunyai peluang untuk berkongsi injil?
- Bolehkah kamu mempersiapkan diri untuk melayani misi?

## Perkahwinan Abadi

Unit dasar Gereja adalah keluarga. Dalam keluarga, orang mengalami kebahagiaan dan kedukaan hidup yang paling hebat. Perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang wanita ditetapkan oleh Tuhan dan merupakan pusat rancangan penyelamatan abadi Tuhan bagi anak-anak-Nya. Cara dengan mana kehidupan fana dicipta juga ditetapkan secara ilahi serta dilindungi melalui perkahwinan. Rancangan penyelamatan yang ilahi membolehkan hubungan keluarga bertahan bahkan setelah kematian. Walaupun begitu, perkahwinan dapat menjadi abadi hanya apabila para pemegang imamat yang berwenang melaksanakan tatacara pemeteraian di dalam bait suci yang kudus. Suami dan isteri yang telah dimeteraikan bersama juga perlu menepati perjanjian yang telah mereka buat. Suami dan isteri mesti saling mengasihi. Apabila mereka mematuhi perintah-perintah dan menjalankan asas-asas injil, mereka hendaknya menepati perjanjian perkahwinan mereka dengan kesetiaan yang mutlak (lihat “Keluarga: Perisytiharan kepada Dunia,” Ensign, November 1995, 102; lihat juga A&P 42:22).

Kebahagiaan dalam kehidupan keluarga paling tercapai apabila berdasarkan ajaran Yesus Kristus dan juga apabila ibu bapa menjadikan keluarga mereka keutamaan pertama mereka. “Berdasarkan rancangan ilahi, para ayah hendaknya memimpin keluarga mereka dalam kasih dan kesolehan, serta bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan hidup dan perlindungan bagi keluarganya. Para ibu terutama bertanggungjawab untuk memelihara anak-anak mereka. Dalam tanggungjawab kudus ini, para ayah dan ibu berkewajipan untuk saling membantu sebagai pasangan yang setara” (Ensign, November 1995, 102). Bersama-sama, ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka injil Yesus Kristus dan membantu mereka menjalankannya.

Setan sedang menumpukan serangan ke atas keluarga-keluarga. Bertahun-tahun lalu para pemimpin Gereja menetapkan hari Isnin malam sebagai waktu untuk mengadakan malam keluarga. Ibu bapa seharusnya menggunakan waktu ini untuk mengajarkan injil kepada anak-anak mereka, menguatkan hubungan mereka dengan anak-anak mereka, dan bergembira bersama. Cara-cara lain untuk menguatkan hubungan keluarga termasuklah doa keluarga dan mempelajari kitab-kitab suci, bersembahyang di Gereja sebagai

Nota-Nota

keluarga, serta melayani satu sama lain. Syurga merupakan kesinambungan rumah tangga yang ideal. Melalui tatacara-tatacara imamat dan menjalankan kehidupan yang soleh, kita dapat hidup sebagai keluarga di dalam hadirat Tuhan secara abadi.

### Kajian Tulisan Suci

#### Perkahwinan

A&amp;P 42:22

A&amp;P 49:15

A&amp;P 131:1–4

A&amp;P 132:7

Kejadian 2:24

Efesus 5:25

“Keluarga: Suatu  
Perisytiharan  
kepada Dunia”

#### Keluarga

Mosia 4:14–15

3 Nefi 18:21

A&amp;P 130:2

1 Timotius 5:8

“Keluarga: Suatu  
Perisytiharan  
kepada Dunia”

#### Mengajar Anak-anak

Alma 56:47

Alma 57:21

Musa 6:55–62

A&amp;P 68:25–30

Efesus 6:4

Amsal 22:6

### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan mengadakan malam keluarga setiap minggu, doa keluarga setiap hari, mempelajari kitab-kitab suci setiap hari sebagai keluarga, dan kegiatan keluarga lainnya?
- Bolehkah kamu mempersiapkan diri untuk masuk ke dalam bait suci untuk (1) menerima anugerahan kamu? (2) berkahwin buat sekarang dan selama-lamanya? (3) jika sudah berkahwin, untuk dimeteraikan untuk keabadian sebagai suami dan isteri? dan (4) memeteraikan anak-anak kamu kepada kamu?
- Adakah kamu akan bersembahyang pada hari Sabat bersama keluarga?
- Bolehkah kamu melayani sesama kamu?

## Bait Suci dan Sejarah Keluarga

Tuhan telah memerintahkan umat-Nya untuk mendirikan bait-bait suci. Di dalam bait suci kita mengikat perjanjian-perjanjian kudus dan dianugerahi, atau diberikan kurnia kuasa serta pengetahuan dari syurga. Kuasa ini membantu kita dalam kehidupan harian dan membolehkan kita untuk mendirikan kerajaan Tuhan. Di dalam bait suci kita juga dapat berkahwin buat sekarang dan selama-lamanya, yang membolehkan keluarga supaya dapat bersama-sama buat selama-lamanya di dalam hadirat Tuhan. Setelah menjadi ahli gereja sekurang-kurangnya satu tahun, orang dewasa yang layak boleh memenuhi syarat untuk menerima dari uskup mereka sehelai sijil rekomen bait suci untuk menerima anugerahan mereka. Setelah menerima anugerahan mereka, pasangan yang sudah berkahwin dapat dimeteraikan atau dikahwinkan buat keabadian.

Juruselamat mengasihi semua orang dan inginkan penyelamatan mereka. Namun jutaan orang telah meninggal tanpa menerima peluang untuk mendengar pesanan injil Yesus Kristus yang dipulihkan ataupun menerima tatacara-tatacara penyelamatan. Melalui rahmat dan belas kasihan-Nya, Tuhan telah menjadikan penyelamatan mungkin bagi semua yang tidak menerima peluang untuk menerima, memahami, dan mematuhi injil apabila mereka hidup dalam kehidupan fana mereka. Injil dikhutbahkan kepada orang-orang ini yang telah meninggal di dunia roh. Ahli-ahli Gereja di bumi melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan bagi pihak nenek moyang mereka yang telah meninggal

serta orang-orang lain. Orang yang telah meninggal yang hidup di dunia roh mempunyai peluang untuk menerima atau menolak injil dan tatacara-tatacara yang telah dilakukan bagi pihak nama mereka.

Untuk tujuan ini, ahli-ahli Gereja mencari maklumat mengenai nenek moyang mereka. Mereka mengisi carta-carta salasilah dan catatan kumpulan keluarga lalu menyerahkan nama-nama sanak-saudara mereka yang telah meninggal yang perlu menerima tatacara penyelamatan untuk dilaksanakan bagi pihak mereka di dalam bait suci yang kudus. Ini pekerjaan sejarah keluarga. Ahli-ahli gereja yang layak yang berumur 12 tahun ke atas, termasuk ahli-ahli baru, boleh menerima sehelai sijil rekomen bait suci dari uskup mereka untuk melakukan pembaptisan bagi pihak orang yang telah meninggal.

### Sejarah Keluarga

Undanglah ahli-ahli baru untuk bertemu dengan seorang ahli atau pergi ke pusat sejarah keluarga tempatan (kalau ada) untuk belajar asas pekerjaan sejarah keluarga dan sumber-sumber yang tersedia bagi mereka. Berikan mereka sebuah salinan dari bahan-bahan sejarah keluarga.

### Kajian Tulisan Suci

A&P 43:16	A&P 128	A&P 138	Mazmur 65:4
A&P 95:8–9	A&P 131	1 Korintus 15:29	<i>Risalah, Welcome to the Family History Center</i>
A&P 124:22–42	A&P 132	1 Petrus 3:18–21	

### Komitmen-Komitmen:

- Bolehkah kamu mempersiapkan diri untuk menerima tatacara-tatacara bait suci? (Sebaik selepas pembaptisan dan penetapan, ahli-ahli yang layak yang berumur 12 tahun ke atas boleh menerima sijil rekomen untuk pergi ke bait suci dan terlibat dalam pembaptisan bagi mereka yang telah meninggal.)
- Bolehkah kamu terlibat dalam pekerjaan sejarah keluarga dan memberikan nama-nama nenek moyang kamu supaya mereka yang telah meninggal dapat menerima tatacara-tatacara bait suci secara perwakilan?

## Pelayanan

Salah satu berkat yang besar dari keahlian dalam Gereja adalah kesempatan untuk melayani. Apabila kita memberikan pelayanan yang penuh kasih kepada orang lain, kita melayani Tuhan. Apabila kita dibaptiskan, kita mengikat perjanjian untuk memberikan pelayanan yang demikian (lihat Mosia 18:8–10). Kita harus peka akan keperluan jasmani dan rohani orang lain. Kita kemudian memberikan waktu, bakat, serta kepunyaan kita untuk membantu mereka yang memerlukan. Kita mengikuti teladan Juruselamat, yang datang untuk melayani orang lain. Kita seharusnya melakukan apa yang Yesus lakukan dan menjadi seperti Dia.

Sebaik selepas pembaptisan, ahli-ahli gereja baru menerima dari pemimpin imamat suatu berkat, iaitu tanggungjawab untuk memberi bantuan di dalam Gereja. Ini digelar panggilan. Semua pekerjaan di dalam Gereja dilakukan dengan sukarela. Tidak ada seorang pun yang dibayar untuk pelayanannya. Apabila kita menerima panggilan, kita disokong secara terbuka dalam pertemuan Gereja supaya ahli-ahli lain dapat mengenali panggilan kita dan memberikan sokongan. Kita juga ditetapkan oleh seorang pemimpin

Nota-Nota

imamat dan diberi berkat khusus untuk membantu kita menunaikan panggilan kita. Gereja memerlukan bakat serta kemampuan setiap ahli untuk memenuhi bermacam-macam jenis panggilan. Semua panggilan adalah penting dan membantu membangunkan kerajaan Tuhan. Kita seharusnya menerima panggilan seperti itu dan bekerja dengan tekun untuk belajar dan menunaikan kewajipan kita. Apabila kita melakukannya, kita bertambah dalam iman, mengembangkan bakat baru dan mendapat kemampuan yang lebih besar untuk melayani, dan menerima banyak berkat lainnya.

Para pemegang imamat mungkin dipanggil sebagai pengajar keluarga. Pengajar keluarga sekurang-kurangnya membuat kunjungan secara bulanan ke rumah-rumah ahli Gereja yang ditugaskan kepada mereka. Mereka mengajar injil, menyokong ibu bapa, memelihara persahabatan, serta membantu keluarga tersebut bersedia untuk menerima dan mematuhi perjanjian bait suci. Pengajar berkunjung mewakili Lembaga Pertolongan dengan membuat kunjungan setiap bulan kepada setiap saudari dewasa yang ditugaskan kepada mereka.

### Kajian Tulisan Suci

#### Kasih yang Murni

Moroni 7:43–48      A&P 88:125      Matius 22:36–40      1 Korintus 13:1–8

#### Memelihara Mereka yang Miskin

Mosia 4:26      Alma 34:28–29      A&P 52:40      Matius 25:40

#### Kita Hendaknya Melayani

Mosia 2:17      Mosia 18:8–10      A&P 42:29      A&P 107:99–100

### Komitmen-Komitmen:

- Adakah kamu akan menerima dan melaksanakan tugas-tugas untuk sebuah panggilan (termasuk tugas sebagai seorang pengajar keluarga atau pengajar berkunjung)?
- Bolehkah kamu menyokong orang lain dalam panggilan mereka?

## Mengajar dan Belajar di Gereja

Gereja diorganisasikan untuk menyempurnakan dan memberkati kehidupan ahli-ahlinya. Gereja memberi kita kesempatan untuk saling mengajarkan injil, saling bergaul mesra dan melayani, serta saling menyokong dalam usaha kita mengejar penyelamatan. Dalam keluarga dan melalui Gereja, setiap ahli diajar mengenai ajaran-ajaran injil. Apabila ahli-ahli dipanggil untuk suatu tugas pengajaran, mereka diberi bahan panduan dan bantuan untuk membolehkan mereka berjaya.

### Kajian Tulisan Suci

A&P 88:77–79      Efesus 4:11–14

### Komitmen

- Adakah kamu akan menghadiri Gereja?

## Bertahan Sampai Akhir

Semasa kita terus menjalankan injil, kita menjadi lebih dekat dengan Bapa Syurgawi kita. Kita menikmati dan lebih menghargai Korban Tebusan Juruselamat. Keluarga kita menjadi lebih rapat. Kita mengalami perasaan kasih, kebahagiaan, serta kedamaian yang lebih besar yang datang dari Korban Tebusan. Hati kita diubah, dan kita menemukan penyelamatan dalam menjalankan injil yang dipulihkan.

Semasa kita terus beriman kepada Yesus Kristus, bertaubat, dan memperbaharui perjanjian-perjanjian kita, kita menikmati bimbingan dari Roh Kudus yang berterusan. Jika kita bertahan sampai akhir kehidupan-kehidupan kita dalam kesetiaan pada perjanjian-perjanjian kita, kita akan menerima kehidupan abadi.

Beberapa ahli tidak bertahan atau tetap aktif sepenuhnya. Walaupun begitu, bertahan sampai akhir merupakan tanggungjawab peribadi. Kita “mengerjakan penyelamatan [kita sendiri]” (Filipi 2:12), dan kita melayani serta mengasihi mereka yang imannya telah menjadi lemah kerana ketidakaktifan.

### Kajian Tulisan Suci

2 Nefi 31:20–21  
Moroni 6:4

A&P 20:37  
Yohanes 14:15, 21

Fasal-Fasal  
Kepercayaan 1:3

Efesus 4:11–14  
Philippians 2:12

### Komitmen

- Adakah kamu akan terus menjalankan injil dengan menepati perjanjian-perjanjian pembaptisan seumur hidup kamu?

Nota-Nota

THE CHURCH OF  
**JESUS CHRIST**  
OF LATTER-DAY SAINTS

